Bil. 19

Khamis
8 Disember 2005

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 (Halaman 18)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005 (Halaman 27)
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005 (Halaman 64)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
2006

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
4. " Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
5. " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
6. " Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
7. " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
8. " Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
9. " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
10. " Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. " Datin Chong Set Mui (Dilantik)
12. " Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
13. " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
14. " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
15. " Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
16. " Dato' Halimah binti Hamzah (Pahang)
17. " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
18. " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
19. " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
20. " Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
21. " Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
22. " Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
23. " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
24. " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
25. " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
26. " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
27. " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
28. " Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
29. " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
30. " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
31. " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
32. " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
33. " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
34. " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)

35.	Yang Berhormat	Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36.	"	Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37.	"	Datuk M. Ratnam (Dilantik)
38.	"	Tuan M. Saravanan (Dilantik)
39.	"	Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
40.	"	Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
41.	"	Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42.	"	Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43.	"	Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44.	"	Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45.	"	Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
46.	"	Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47.	"	Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48.	"	Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
49.	"	Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50.	"	Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51.	"	Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
52.	"	Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
53.	"	Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54.	"	Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55.	"	Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56.	"	Tuan Tan Bon You (Dilantik)
57.	"	Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
58.	"	Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
59.	"	Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
60.	"	Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
61.	"	Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
62.	"	Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
63.	"	Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI
Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Suriyani binti Mohd. Noh
Intan Mariana binti Nordin
Mohd. Izhar bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 8 Disember 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

PEMASYURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"8 Disember, 2005

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan Meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005;
2. Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005;
3. Rang Undang-undang Timbang Tara 2005.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa pertanyaan ialah masa bagi Dewan mencungkil, memapar dan menyemarakkan kerelaan, kemampuan dan kesungguhan kerajaan selaku pemerintah mendukung prinsip akauntabiliti. Masa pertanyaan tambahan pula dibenarkan bagi membolehkan perkara yang dibangkitkan dijawab mengikut perkembangan terakhir dan semasa. Hayatilah dua pertimbangan tersebut dalam masa satu jam yang berikut agar Dewan lebih berwibawa. Terima kasih.

1. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah benar salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya masalah tidak dapat menguasai 3M (Membaca, Mengira dan Menulis) adalah disebabkan oleh sukatan pelajaran di peringkat prasekolah lebih banyak menjurus kepada aktiviti fizikal (Psikomotor) dan kurang dari segi mental serta kemahiran belajar. Mengapakah aktiviti 3M ini tidak diberikan penekanan kepada murid prasekolah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa sukatan pelajaran atau kurikulum prasekolah kebangsaan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya masalah tidak dapat menguasai 3M. Ini kerana kurikulum tersebut telah dihasilkan dengan mengambil kira kemampuan, kebolehan dan kesediaan kanak-kanak mengikut tahap perkembangan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan prasekolah menitikberatkan pendekatan belajar melalui bermain yang menekankan pembelajaran secara tidak formal bagi membantu murid menyesuaikan diri dengan lingkungannya serta untuk pertumbuhan dan perkembangan selanjutnya.

Pembelajaran bagi kanak-kanak perlu dilakukan dalam suasana yang menggembirakan dan menyeronokkan supaya mereka tidak menganggap pembelajaran sebagai sesuatu yang membebankan dan mereka dipaksa untuk belajar.

Tuan Yang di-Pertua: Setakat ini jawapan Yang Berhormat ialah jawapan contoh dengan tegas menjawab sesuatu, tidak bersetuju dengan pandangan. Adakah Yang Berhormat nak benarkan pertanyaan tambahan agar dapat dicungkil unsur-unsur yang saya sebutkan tadi.

Puan Komala Devi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita panggil bekas Guru Besar ni, Puan Hajah Samsiah binti Samsudin.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, jika kementerian tidak bersetuju, salah satu faktor murid-murid tidak dapat menguasai 3M adalah bukan berpunca daripada sukatan pelajaran prasekolah, pada pandangan kementerian dalam soal selidik yang dijalankan, apakah punca lain yang lebih ketara yang mendorong kepada perkara ini berlaku? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dinafikan perkara itu berlaku Yang Berhormat, tidak bersetuju bahawa ia menjejaskan, sila Yang Berhormat.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di mana-mana sistem pendidikan seluruh dunia mesti ada satu golongan yang kurang arif tentang 3M. Jadi, di Kementerian Pelajaran Malaysia, kami cuba mengurangkan nombor ataupun bilangan murid-murid, ada bilangan yang boleh sampai ke tahap Tingkatan 5 yang tidak menguasai 3M. Jadi, ke arah membangunkan dan juga memperkuatkan kualiti pendidikan di peringkat prasekolah dan juga di peringkat sekolah rendah, kami telah keluarkan satu dasar di mana pada tahun 2010, 100% guru di sekolah menengah mestilah guru siswazah dan 50% daripada guru sekolah rendah mestilah guru siswazah. Dengan dasar ini dan juga dengan dasar-dasar latihan yang berterusan, kami berharap bahawa murid-murid yang tidak dapat menguasai 3M ini dapat dikurangkan. Sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa kurikulum prasekolah memberi perhatian yang kuat kepada 3M, iaitu menguasai kemahiran membaca, menulis dan juga mengira.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Siti Zailah, lepas tu Yang Berhormat Tuan Haji Tajul.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan membuat kajian terhadap penguasaan 3M di antara prasekolah di bandar dan di luar bandar, dan sejauh manakah strategi yang disusun oleh kerajaan dalam menghadapi persaingan dengan prasekolah swasta yang kita lihat pencapaiannya lebih menonjol setakat ini? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang ada perbezaan di pencapaian pendidikan di antara murid-murid bandar dan luar bandar tetapi ini tidaklah berpunca daripada dasar-dasar kerajaan dan mengikut kajian kami salah satu faktor....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan sebab dasar ya, sebab sosioekonomi.

Puan Komala Devi: Ya, faktor yang terpenting ialah latar belakang sosioekonomi murid. Jadi pendedahan seseorang murid adalah waktu di sekolah sahaja iaitu interaksi di antara guru dengan murid dengan pelajar, tapi di bandar kami dapati bahawa ibu bapa memainkan satu peranan yang lebih menitikberatkan peranan mereka dengan lebih pentingnya.

Jadi, kerajaan pun telah arif tentang hal ini dan juga untuk mengatasi masalah ini pendidikan prasekolah disediakan oleh 3 agensi. Satu, oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, no. 2 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan no.3 oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana dengan swasta dan awam, pendidikan prasekolah oleh pihak swasta dan pihak awam?

Puan Komala Devi: Sebagaimana saya katakan tadi, memang ada kemungkinan perbezaan di antara pendekatan yang diguna pakai, tetapi saya rasa latar belakang sosioekonomi pun memainkan satu peranan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya bersetuju bahawa kurikulum 3M di prasekolah ataupun sekolah rendah mencukupi untuk kemahiran 3M. Persoalan saya hari ini ialah, setelah kita melihat perkembangan masyarakat kita, perkembangan mat motor, perkembangan polis suruh orang tahanan ketuk ketampi, memperlihatkan satu gejala yang agak membimbangkan yang ada kaitan dengan pendidikan kita di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Tidakkah Kementerian Pelajaran menyedari bahawa ada kekurangan dalam soal menanam nilai-nilai universal di peringkat prasekolah dan sekolah rendah sehingga menjadikan masyarakat kita berkeadaan sebegini kerana yang jadi polis itu datang daripada masyarakat, yang mempunyai pendidikan berasaskan kepada sistem pendidikan kita. Saya merasakan bahawa, hari ini penekanan pihak Kementerian Pelajaran untuk prasekolah dan sekolah rendah ialah kepada nilai-nilai bagaimana tatatertib, bagaimana mengucap terima kasih, penekanan ini akan menjadikan individu masyarakat kita lebih teratur dan berdisiplin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat tadi adakah menjurus kepada soal akhlak dan keperibadian atau *character building*. Soalan asal adalah tertumpu kepada soal penguasaan 3M. Saya memang dapat banyak pandangan dan polemik mengenai peranan sistem pendidikan negara dalam *character building* yang telah dikatakan menyebabkan banyak gejala sosial yang kita dapati hari ini. Soalan ini amat luas dikemukakan sebagai pertanyaan tambahan, saya serahkan kepada Yang Berhormat untuk memilih sama ada nak jawab seringkas-ringkasnya ataupun tidak mahu jawab, tetapi memandangkan Yang Berhormat yang bertanya itu adalah Yang Berhormat *freshie* bagi sedikit kelonggaranlah.

Puan Komala Devi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan adalah luar daripada pokok yang pertama yang asal, saya akan cuba menjawabnya.

Memang kementerian sedari bahawa buku sekolah adalah satu tempat untuk menanam unsur-unsur nilai murni dan kurikulum sekolah pun telah mengambil kira ini, jadi dari peringkat prasekolah pun kita ada 6 komponen dan salah satu komponen adalah komponen perkembangan kerohanian dan moral, di peringkat sekolah rendah juga sekolah menengah, kita ada kelas-kelas moral, kita ada kelas-kelas agama dan juga kelas-kelas kemasyarakatan. Di samping itu, kami juga telah menambah peruntukan untuk kokurikulum dan kami yakin, bahawa kegiatan kokurikulum adalah tempat di mana murid-murid dapat mengamalkan nilai-nilai murni ini *teamship cooperation*, *good sportsmanship* dan sebagainya.

Jadi, dengan langkah-langkah ini, kami harap akan melahirkan insan yang seimbang dengan masyarakatnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Chua Kim Chuan.

2. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah kontraktor binaan bumiputera dan bukan bumiputera kelas A yang berjaya mendapat projek-projek kerajaan sejak tahun 2001.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kontraktor binaan bumiputera dan bukan bumiputera kelas A yang mendapat projek-projek kerajaan di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya sejak tahun 2001 adalah seperti berikut:

Tahun	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2001	71 projek	10 projek
2002	50 projek	5 projek
2003	17 projek	1 projek
2004	17 projek	1 projek
2005	51 projek	-

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Datuk mengemukakan pertanyaan, kita menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri yang tak gundah *[Tepuk]* untuk menghadapi *akauntibiliti*. Beliau rasa beliau *akauntable* dan berani *akauntable*. Sila Datuk.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya ada beri penghormatan hanya soalan tambahan. Secara *comparative* atau secara perbandingan di dalam pemantauan industri pembinaan negara, ada atau tidak pihak kementerian Yang Berhormat Dato' Seri memperolehi maklumat dari segi penglibatan syarikat kontraktor bumiputera dalam pekerjaan ataupun tawaran tender pihak swasta, kalau ada ataupun tidak sila beri sedikit pandangan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kami tidak mempunyai apa-apa maklumat berkenaan dengan tawaran-tawaran yang dijalankan oleh swasta. Tetapi agensi-agensi kerajaan apabila mereka menjalankan projek, kami tidak diberitahu. Apabila mereka menghadapi masalah, barulah kita tahu. Kita akan dipanggil untuk menyiasat, untuk mendapat tahu apakah sebabnya mereka menghadapi masalah. Kami bantu terus kepada mereka.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah semua projek-projek kerajaan kelas A di kendali dengan tender terbuka dan kementerian manakah bertanggungjawab atas tender-tender ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, semua tender-tender terbuka ditetapkan oleh Kementerian Kewangan, kami sebagai agensi untuk melaksanakan keputusan itu kita melaksanakan tawaran. Jikalau ada juga arahan daripada Kementerian Kewangan untuk mana-mana satu kontrak untuk mengadakan perbincangan terus di antara kontraktor dengan kerajaan, jika kalau juga apa-apa yang *specialist*, kepada mereka kita berbincang terus. Pada akhirnya, selepas perbincangan kita mesti menghantar kontrak itu kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat kelulusan. Mana-mana satu kontrak atas RM30 juta, mesti di lulus Kementerian Kewangan, bawah RM30 juta di lulus oleh Kementerian Kerja Raya. Mana-mana satu kontrak pun mesti di tandatangani oleh Menteri. Bagi pihak Menteri, Ketua Pengarah Kerja Raya menandatangani semua kontrak, dia menjadi tanggungjawab bagi pihak Menteri Kerja Raya.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah dalam pengetahuan kementerian sekiranya ada bilangan kontrak-kontrak yang diberikan projek ini yang mendapat bantuan pinjaman daripada pihak kerajaan bagi menjalankan projek-projek kerajaan itu sendiri, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kepada kontrak-kontrak yang telah berjaya dalam mendapat kontrak kita akan memberi bayaran pendahuluan kepada mereka untuk memulakan kerja. Selain daripada itu mereka mesti meminjam daripada bank.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Soalan saya nombor 3, dengan sedikit penambahan di akhir baris ke empat apakah langkah-langkah telah diambil.

3. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah jenis pinjaman yang telah menyebabkan kerugian RM700 juta oleh Bank Islam. Apakah kerugian ini disebabkan oleh kecuaian pegawai atau fakta-fakta di luar kawalan. Setakat ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengenal pasti pegawai yang terlibat.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungu yang dijadualkan dijawab pada 14.12.2005; soalan daripada Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar dan Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir yang masing-masing dijadualkan dijawab pada 20.12.2005, serta soalan daripada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee yang masing-masing juga dijadualkan dijawab pada 21 Disember kerana menyentuh di perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan dan oleh kerana saya telah membenarkan Puan Wan Ubaidah mengemukakan pertanyaan tambahan tadi, saya akan benarkan pertanyaan tambahan kepada Tuan Osman, Dato' Rhina Bhar dan Dato' Puad.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Secara keseluruhannya industri perbankan Islam terus mencatatkan prestasi yang kukus bagi suku ketiga tahun 2005. Semalam pun saya jelaskan sedikit mengenai perkara yang sama pada Dewan yang mulia ini.

Pada akhir bulan September 2005, aset perbankan Islam secara keseluruhannya meningkat sebanyak 6.9 peratus pada jumlah RM106 bilion daripada RM99.2 bilion pada akhir Jun 2005. Pada masa yang sama defisit secara Islam meningkat kepada RM65.4 bilion daripada RM62.1 bilion, dari Jun ke September. Manakala dari segi keuntungan industri perbankan Islam juga meningkat sebanyak 58.6 peratus kepada RM1.2 bilion pada akhir bulan September 2005

Tuan Yang di-Pertua, kadang kala berlaku sedikit kelemahan dalam sistem pengurusan risiko dan penilaian kredit namanya daripada operasi Bank Islam Malaysia Berhad di Labuan melalui biayai Islam luar pesisirnya yang menjadi faktor utama menyebabkan kerugian dalam Bank Islam Malaysia Berhad. Di samping itu, peruntukan

bagi pembiayaan bermasalah yang berlanjutan sejak tahun 1998 turut menyumbangkan kepada kerugian kepada bank berkenaan.

Walau bagaimanapun, kerugian ini tidak menjejaskan bank berkenaan dan industri perbankan Islam secara keseluruhannya kerugian Bank Islam adalah satu kes yang terpencil dan tidak menjejaskan prestasi dan perkembangan industri perbankan Islam secara keseluruhannya mahupun imej Malaysia sebagai pusat kewangan Islam. Bagi menangani isu kerugian Bank Islam beberapa langkah telah diambil oleh pihak bank berkenaan seperti berikut;

(i) memperkukuhkan urus tadbir korporat bank berkenaan;

(ii) memperkukuhkan kerangka pengurusan risiko dan penilaian kredit bank;

(iii) suntikan modal daripada pemegang saham sedia ada dan saham sedia ada dan pelabur asing yang berminat untuk memegang ekuiti dalam Bank Islam Malaysia Berhad. Dalam hubungan ini, pegangan ekuiti asing dalam bank-bank Islam secara agregat, ini termasuk ekuiti dalam syarikat induk dibenarkan sehingga 49 peratus;

(iv) menubuhkan satu *special purpose vehicle,* dengan izin, SPV bagi mengendalikan aset-aset pembiayaan yang bermasalah supaya bank tersebut boleh memberi fokus kepada perniagaan terasnya; dan

(v) pemantauan berterusan bagi memastikan kedudukan Bank Islam Malaysia Berhad terus kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah yang diambil oleh Bank Islam Berhad, Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk memperkukuhkan lagi daya saing dan daya tahan industri perbankan Islam di negara ini. Langkah-langkah yang sedang dilaksanakan ialah pelaksanaan program tanda aras bagi menilai prestasi dan tahap perkhidmatan dari segi kuantiti dan kualitatif agar setanding dengan amalan terbaik antarabangsa.

Penubuhan beberapa Jawatankuasa dalam Lembaga Pengarah Bank seperti Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Ganjaran telah diperkenalkan bagi meningkatkan fungsi dan *accountability* pemegang saham dalam memantau keberkesanan dan prestasi Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan yang baru di dalam bank berkenaan.

Langkah-langkah ini akan memastikan industri perbankan Islam diurus oleh pasukan pengurusan yang mahir dan dapat memacu prestasi perbankan Islam dalam suasana persaingan yang semakin mencabar. Terima kasih.

Tuan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu apakah benar Bank Islam sebenarnya belum melaksanakan pembiayaan projek secara Islam sepenuhnya yang tidak dirujuk kepada panel syariah yang menyebabkan berlaku kerugian tersebut. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh nyatakan tidak benar kerana semestinya Bank Islam di bawah Akta Bank Islam kesemua transaksinya berlandaskan transaksi Islam termasuk pinjaman yang dikeluarkan. Mengenai rujukan kepada Jawatankuasa Pandu Syariah ini saya boleh katakan memang dirujuk tetapi secara teknikalnya Yang Berhormat kadang-kadang walau dirujuk dan rujukan sebenarnya kepada perkara-perkara yang asas yang melibatkan kesangsian, pelaburan dan sebagainya. Soal perkara-perkara yang telah digariskan dan telah diletakkan sebagai urusan ataupun tindakan biasa bank. Saya percaya untuk kes-kes tertentu di dalam kerugian berkenaan ada yang tidak dirujuk jawatankuasa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Kalau tak ada yang lain nak bertanya Puan Wan Ubaidah.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah kerugian RM700 juta ini akan di tanggungjawab oleh pihak Bank Islam atau adakah ia di tanggungjawab oleh Kerajaan Malaysia. Dan, adakah kerugian ini turut disebabkan oleh pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh orang-orang besar dalam kerajaan, termasuklah ahli-ahli keluarga mereka. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi, apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat ataupun diberitahu oleh Yang Berhormat tadi hanyalah saya percaya satu andaian dan tidak berlaku seperti mana berkenaan. Saya jelaskan tadi, sebahagian besar 60 peratus daripada penyebab kepada kerugian ini adalah kelemahan dari segi sistem nilaian kredit biasa yang beroperasi di Labuan, di offshore Labuan yang dahulunya cawangan di Labuan ini dahulunya sebagai *subsidiaries* kepada Bank Islam. Sekarang ini sebagai cawangan Bank Islam, dan kerugiannya tentu sekali di tanggungjawab oleh bank berkenaan. Kerana bank ini berstatus sebagai bank penuh perniagaan secara komersial, jadi tiada kaitan dengan kerajaan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat telah menyebut tadi sebahagian daripada kerugian ini ada hubungannya dengan operasi *offshore finance* di Labuan, dengan izin, adakah kemungkinan terdapat unsur-unsur perjudian dalam urusan ini di mana panel syariah Bank Islam tidak boleh membenarkan sama sekali. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkara inilah yang sedang jawatankuasa dan pihak bank membuat siasatan sekarang ini. Eloklah saya rasa, saya mendahului daripada keputusan siasatan

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, jadi perkara ini sudah pun cukup dipaparkan sebab prinsip akauntabiliti.

4. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang supaya bantuan buku teks dapat dibekalkan kepada semua pelajar tanpa mengira kaum dan jumlah pendapatan. Ini adalah kerana kebanyakan pelajar yang belajar di sekolah kebangsaan adalah mereka yang berpendapatan rendah. Apatah lagi sekarang ini anak-anak guru telah pun diberi bantuan secara sepenuhnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk memperluaskan pemberian pinjaman buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks ataupun SPBT kepada semua murid tanpa mengambil kira jenis sekolah dan pendapatan ibu bapa dalam Rancangan Malaysia Ke sembilan. Pada masa yang sama, Kementerian Pelajaran perlu mempertimbangkan implikasi-implikasi sekiranya cadangan untuk memberi pinjaman buku teks kepada semua diterima. Antara faktor yang sedang diteliti adalah implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak SPBT mula diperkenalkan pada tahun 1975 sehingga tahun 2005, kerajaan telah membelanjakan lebih RM2.6 bilion untuk SPBT.

Anggaran perbelanjaan SBPT untuk tahun 2005 untuk kegunaan tahun 2006 ialah RM196 juta. Sekiranya dilaksanakan cadangan memberi buku teks kepada semua murid di peringkat sekolah rendah dan menengah, kerajaan memerlukan peruntukan tambahan sebayak RM117 juta lagi. Ini bagi menampung keperluan 20% atau lebih kurang satu juta orang murid yang tidak layak mendapat SBPT, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat, saya berpindah pula ke soalan seterusnya. Sudah banyak peluang dapat kemukakan pertanyaan.

5. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah berjaga-jaga ataupun kawalan yang diambil oleh kerajaan di dalam mengawal

pergaulan serta perkembangan dan perbezaan mazhab di antara orang-orang Pakistan di Malaysia serta rakyat Islam tempatan. Adakah ini akan membawa masalah ke negara kita pada satu hari nanti.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih kepada Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua pada masa ini tiada aduan tentang masalah rakyat keturunan Pakistan di Malaysia. Pada masa yang sama pihak berkuasa agama sentiasa mengambil perhatian terhadap para pekerja rakyat asing termasuk dari Pakistan terutama berkemungkinan mereka berpegang bukan kepada akidah Ahli Sunah Waljamaah. Walau bagaimanapun, pada masa ini keadaannya adalah terkawal, langkah berjaga-jaga sedang dilakukan oleh agensi terlibat seperti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Ikhwan Salim.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mungkinkah sudah wujud surau-surau ataupun masjid-masjid tertentu yang majoriti dikunjungi oleh mereka ini yang boleh mengelirukan masyarakat pada masa ini, terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Jawab pada soalan Yang Berhormat, wujudnya surau-surau yang majoriti dikunjungi ini mereka ini, surau-surau memang dikunjungi oleh rakyat-rakyat yang berketurunan asing, tetapi pengamalan dari segi akidah mereka ini tidak menjejaskan kerana mereka hanyalah sebagai pengikut dan tidak dilantik sebagi Imam ataupun jawatankuasa dalam surau, terima kasih.

6. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah titi sempit Jalan Pekan Langkap ke Kg. Baru Chui Chak Perak akan di naik taraf supaya ia sama lebar dengan jalan raya untuk mengelakkan kemalangan yang sering akan berlaku.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya memang mempunyai cadangan untuk menggantikan titi di Jalan Langkap ke Kg. Baru Chui Chak. Cadangan tersebut telah dimasukkan dalam senarai Rancangan Malaysia Ke sembilan di bawah projek negeri Perak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini bergantung kod kelulusan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Dalam memperimbangkan kelulusan, projek-projek Rancangan Malaysia Ke sembilan kelak.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kes ini adalah kes tempatan, tetapi sebenarnya saya faham, kalau yang sama juga terdapat di banyak tempat, ini adalah kerana pembinaan jambatan dan jalan raya adalah di bawah dengan izin *jurisdiction* jabatan-jabatan yang lain dan juga dibuat oleh kontraktor yang berlainan. Adakah apa-apa rancangan yang diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan perkara yang sama supaya bila jalan dinaik taraf, jambatan pun dinaik taraf juga pada masa yang sama.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jambatan jadi kategori yang lain, jalan yang lain. Kadang-kadang kita buat jalan dahulu, selepas itu kita akan memohon peruntukan daripada Kementerian Kewangan untuk menjalankan kerja-kerja memperbaiki jambatan. Masa sekarang ada juga di seluruh Semenanjung Malaysia lebih dari 300 hingga 400 buah jambatan dalam keadaan teruk. Kalau kita mahu juga memperbaiki atau membina semua jambatan ini, kita kena belanja RM750 juta. Kerajaan mengambil kira yang manakah satu jambatan yang dibayar, itu yang kita buat dahulu, seperti itu jugalah apa kes yang telah dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan tidak bercadang untuk *bundle*, kontrak jalan dan kontrak jambatan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jambatan dibina untuk selama-lamanya dan baru sahaja kita melebarkan dan membaiki jalan. Kadang-kadang kita ada juga satu projek keseluruhan untuk mengadakan jalan baru, di sama kita masuk jambatan bersama dengan pembinaan jalan, terima kasih.

7. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah wajar bagi sebuah syarikat seperti DRB-HICOM mempunyai banyak syarikat francais bagi mengimport kereta asing sehingga memberi persaingan secara langsung kepada kereta nasional yang dikeluarkan oleh DRB-Hicom sendiri dan adakah polisi ini bersesuaian dengan dasar automotif nasional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini syarikat DRB-HICOM mempunyai tiga syarikat francais bagi mengimport dan mengedar kenderaan dengan izin *completely built up,* CBU iaitu *Directioner* Sendirian Berhad bagi jenama Cetroen, Uero Mobil Sendirian Berhad bagi jenama Mitsubhisi dan UFS HICOM Sendirian Berhad bagi jenama Mehindra. Bagi syarikat francais yang membawa masuk kenderaan dengan izin *completely knock down* atau CKD anak syarikatnya terdiri daripada Honda Malaysia Sendirian Berhad bagi model Honda, Isuzu, Malaysia Sendirian Berhad bagi jenama Isuzu Scort and English Sendirian Berhad bagi jenama TATA dan Motosikal dan Enjin Nasional Sendirian Berhad bagi motosikal jenama MODENAS.

Tuan Yang di-Pertua, melalui syarikat-syarikat francais ini, syarikat DRB-HICOM telah mengimport pelbagai jenama asing termasuk kereta CBU yang berkapasiti enjin 2000cc dan ke bawah. Sungguhpun sesetengah model kereta bagi beberapa jenama ini mempunyai kapasiti enjin yang sama dengan nasional, tetapi dari segi harga di atas jalan, ianya adalah lebih tinggi berbanding harga kereta nasional.

Sebagai contoh harga di atas jalan bagi motor MITSUBISHI *there is* LANSER berkapasiti angin 1600cc iaitu RM102,000, berbanding order proton Gen.2 yang berkapasiti enjin yang sama berharga RM58,114. Model Cetroen dalam kapasiti enjin yang sama berharga RM134,446 bagi model-model Cetroen yang berkapasiti enjin 2000cc ialah antara RM133,064 hingga RM179,830 berbanding model Proton bertanah berkapasiti enjin yang sama berharga RM99,462,00.

Tuan Yang di-Pertua: Sehingga detik ini, Yang Berhormat belum lagi jawab adakah wajar?...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya akan sampai.

Tuan Yang di-Pertua: ...adakah polisi ini bersesuaian dengan dasar automotif nasional.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya akan sampai. Bagi melindungi industri automotif tempatan dari persaingan, kerajaan mengambil langkah untuk mengawal bilangan kereta yang masuk ke negara ini, dengan menetapkan hak bumbung sebanyak 10% dari jumlah pengeluaran kereta penumpang dan kenderaan perdagangan bagi sesuatu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam rangka dasar automotif nasional, kerajaan telah membekukan kelulusan AP francais bagi jenama baru mulai 19 Oktober 2005 dan telah memutuskan supaya syarikat francais dan mengimport kereta CBU dibenarkan kepada syarikat berstatus dengan izin bumiputera *control, public listed company* seperti syarikat DRB-HICOM Berhad, dengan syarat mereka mempunyai perjanjian yang sah dengan syarikat *principal,* terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Ghani: Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang supaya tidak memperuntukkan AT kepada francais anak-anak saya HICOM? Kita lihat sekarang bahawa persaingan antara yang diimport oleh anak syarikat HICOM sendiri dengan kereta nasional ini, bererti persaingan sama-sama sendiri. Tetapi kadang-kadang menyalahkan orang lain dan sebagainya. Kita harap supaya kementerian mengawal keluaran kereta melalui HICOM sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kerajaan bercadang untuk mengawal pengeluaran kereta oleh DRB-HICOM?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Ghani: Bukan, import, DRB-HICOM juga ada syarikat francais tumpu kepada kereta import. Dia tidak tumpu sepenuh masa kemungkinan kepada kereta keluaran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi pertanyaan dia?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Ghani: Pertanyaan adakah kerajaan bercadang supaya DRB-HCIOM tidak mengimport kereta, tumpu sepenuh masa kepada kereta nasional.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya DRB-HICOM merupakan sebuah syarikat *public listed*, jadi dia mempunyai banyak anak syarikat yang mengimport kereta dari luar negara adalah antara anak-anak syarikat DRB-HICOM dan yang membuat Proton itu merupakan juga anak syarikat dia. Kita tidak boleh mengehadkan sebuah *listed company* menjalankan hanya satu jenis perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak bercadang mengehadkan...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tambahan, kereta yang diimport oleh DRB-HICOM bukan banyak kalau dibandingkan dengan jumlah dengan jumlah kereta yang dikeluarkan di negara kita. Sebagai contoh, untuk tahun 2004, kereta yang dibawa masuk ke negara ini oleh DRB-HICOM hanya 45,580 buah kereta sahaja. Ini termasuk kereta yang mempunyai kapasiti di atas 1.3 hingga 1.5 cc iaitu di luar kapasiti kereta Proton dan kalau kita hendak ambil jumlah kereta yang dikeluarkan oleh pekilang-pekilang tempatan, ini memang ada satu jumlah yang agak besar.

Sebagi contoh pada tahun yang sama iaitu 2004, jumlah unit proton dikeluarkan adalah 179,460 unit dan pengeluaran kedua adalah 121,804 unit dan selain daripada Proton dan Produa, kita ada juga pengeluar-pengeluar, pekilang-pekilang...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukup jelas Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar jawapan Yang Berhormat tadi mengatakan Proton adalah merupakan anak syarikat DRB Hicom, saya ingin penjelasan adakah ini satu *statement* yang benar? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Holding Company bagi Proton ialah...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: DRB Hicom...

Tuan Yang di-Pertua: Berapa peratus itu?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya tidak pasti...

Tuan Yang di-Pertua: Majoriti?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Majoriti.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah benar?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, sebab ia kena satu *statement* yang benar kerana kalau tidak silap saya, Proton bukanlah anak syarikat DRB Hicom, tetapi DRB Hicom mempunyai saham dalam Proton bukan bermakna anak syarikat kepada DRB Hicom. Jadi *statement* daripada Yang Berhormat Menteri mungkin mengelirukan, sebab itu saya ingin penjelasan, kalau belum pasti jawapannya - belum pasti, boleh jawab kemudian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Proton *subsidiary* daripada DRB Hicom?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: DRB Hicom mempunyai *share* yang majoriti.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Lee Sing Chooi, sila.

8. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Kesihatan menyatakan tempoh sesuatu ubat atau bahan untuk didaftar di negara kita dan berapa jenis ubat atau bahan baru telah didaftar pada tahun ini dan berapakah masih dalam proses menunggu untuk pendaftaran.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, semua produk yang diberikan kelulusan MAL, perlu dinilai untuk memastikan kualiti, *efficacy* dan keselamatan. Kemudian daripada itu proses pendaftaran meliputi penilaian data, maklumat produk, pengujian sampel, pemeriksaan premis pengilang bagi produk tempatan.

Proses dan tempoh penilaian dijalankan bergantung pada jenis dan tahap risiko produk. Produk kosmetik dan produk bukan racun, iaitu *poison,* dengan izin melalui proses penilaian ringkas yang mengambil masa 30 hari dan di antara 6 hingga 9 bulan masing-masing untuk diproses. Untuk preskripsi dan juga ubat yang mengandungi racun pula akan melalui proses penilaian sepenuhnya dan mengambil masa 12 hingga 18 bulan. Ubat preskripsi yang mengandungi bahan kimia entiti baru dan produk bio-teknologi akan mengambil masa penilaian di antara 18 hingga 24 bulan. Dari bulan Januari hingga Oktober 2004, sejumlah 1,750 produk telah didaftar dan 1,442 permohonan lagi yang masih tertunggak untuk dinilai sebelum pendaftaran. Dari jumlah ini sebanyak 870 permohonan tertunggak dari 6 bulan dan 572 permohonan tertunggak lebih dari 6 bulan. Jumlah permohonan yang diterima dalam tempoh ini adalah 2,792 produk.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Selepas itu Yang Berhormat Tuan Karim.

Tuan Lee Sing Chooi: Dengan tempoh-tempoh yang diberi itu, bolehkah kementerian bagi pecahan masa untuk tempoh yang disebutkan dan untuk mengendalikan proses itu untuk setiap bahan, dan juga adakah kementerian meninjau dan memendekkan tempoh itu dengan mengkaji *whose is the best practice* untuk proses pendaftaran yang diguna pakai oleh negara-negara maju? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Untuk detail mengikut produk daripada bulan yang diminta hingga Oktober saya akan bagi secara bertulis, terlalu detail Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tetapi bagi soalan nombor dua sama ada kita menggunakan *best practices*. Sebenarnya Malaysia sudah pun menggunakan *the best practices* antara yang terbaik dalam dunia. Malah kita lebih *strict* dari sudut penilaian pendaftaran, daripada FDA, sebab itu mana-mana ubat yang didaftarkan di Malaysia sudah didaftarkan di negara-negara lain kerana kita mempunyai dengan izin, *standard procedure* yang dengan izin, *stringent*. Justeru itu...

Tuan Yang di-Pertua: Ubat selesema yang boleh dibeli di kedai di UK pun di Malaysia kena lalui preskripsi doktor.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sesetengahnya kena preskripsi doktor, betul Tuan Yang di-Pertua sebab Tuan Yang di-Pertua dahulu pun pernah jadi bomoh macam saya... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Karim Ghani selepas itu Puan Siti Zailah.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau ubat-ubat yang dikatakan itu telah diluluskan di Amerika, Britain, Europe dan di negara-negara dalam Asean ini seperti Singapura, Indonesia dan sebagainya. Apa perlunya kita buat kajian yang mendalam yang mengambil masa berbulan-bulan lagi di Malaysia ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang bijak sebab kita ...

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi jangan katakan jiran kita tidak mengamalkan *the best practice*, cukuplah nanti jadi diplomatik *accident* pula.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita, kita ini lebih serius dalam menangani perkara ini. Dalam produk-produk dari sudut pendaftaran, masalah dan isu yang selalu timbul bukan *pre-registration*. Isu dan masalah selalu timbul iaitu *post-registration*. Umpamanya kalau ubat itu, 'sildenafil' atau lebih dikenali sebagai viagra, memang ia sudah diluluskan oleh FDA...

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa Yang Berhormat pilih contoh itu dalam ratusan....*[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]*

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: *[Ketawa]* Sebab ia agak ...semua orang tahu. Kalau ia satu biji itu katakan 20 miligram, bagaimana kita hendak pastikan 20 miligram *first production* yang telah pun diluluskan benar-benar 20 miligram. Semasa mereka mendaftar dengan kita dari sudut *pre-registration* memang 20 miligram. Sama juga dengan panadol umpamanya 500 miligram satu tablet, tetapi selepas itu adakah syarikat-syarikat ini ada menggunakan produk-produk tersebut secara piawai dan pengguna akan rasa selamat. Sebab itu kita juga mendaftar tidak kira sama ada ubat sudah diluluskan oleh FDA atau mana-mana agensi di negara-negara maju, kita kenakan juga pendaftaran kembali untuk memastikan yang ubat-ubat ini adalah selamat dimakan dan mempunyai kesan. Dia kata macam viagra Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada *side effect* tetapi dia ada *front effect*, pada kesan *efficacy* yang betul...

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak betul Yang Berhormat itu.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berapakah banyakkah ubat-ubat yang dibenarkan dan yang didaftar dalam negara kita ini diimport daripada luar dan daripada negara manakah? Apakah strategi jangka panjang di masa akan datang supaya kita dapat mengurangkan import ubat daripada negara luar? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik, tiap-tiap tahun kita menggunakan ubat *allopathic*, ubat-ubat moden ini di antara 1.2 hingga 1.6 bilion. 70 peratus adalah ubat-ubat daripada syarikat multinasional, sedikit sangat ubat-ubat yang dibuat oleh kilang dan juga *manufacturer* daripada Malaysia. Justeru itu, kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita banyak melakukan *research* dan juga *search* bagi menambahkan lagi nilai tambah dari sudut bio-teknologi supaya produk-produk ini dapat diperbaiki dan dipasarkan di seluruh dunia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Aminah.

9. Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan sistem rangkaian perkhidmatan awam yang lebih canggih dan berkesan bagi mengatasi masalah kesesakan di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan sedang merancang satu rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam bersepadu yang lebih menyeluruh bagi kawasan Lembah Kelang. Rangkaian baru ini yang bertujuan meluaskan liputan dan kekerapan perkhidmatan telah disiapkan dan akan dilaksanakan pada tahun 2006. Strategi pelaksanaan rangkaian bersepadu ini melibatkan penyediaan perkhidmatan bas perantara ataupun *feeder bus*, bas dalam bandar, *city shuttle service*, bas laluan utama, *trans-bus line,* perkhidmatan rel bandar dan sistem satu tiket ataupun *common ticketing system.*

Untuk menjayakan rangkaian baru ini bilangan bas akan ditambah daripada 500 buah pada masa sekarang kepada 1,000 buah sebelum akhir 2006 dan 1,500 buah pada tahun 2008. Bagi tujuan ini sebanyak 200 bas baru telah pun diperolehi dan akan beroperasi sepenuhnya pada Januari 2006. Jumlah bas baru pada pertengahan 2006 dijangka sebanyak 600 buah. Pada masa yang sama kerajaan akan menambahkan

kapasiti LRT melalui pembelian kenderaan baru. Tindakan juga sedang diambil untuk melanjutkan rangkaian LRT yang ada kepada kawasan-kawasan baru yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Di samping itu satu kajian akan dimulakan tidak lama lagi untuk menentukan satu *corridor* baru bagi perkhidmatan rel. Proses integrasi dan tambahan kapasiti melibatkan perkhidmatan bas, LRT, Monorail, KTM Komuter dan ERL dan akan diselaraskan dengan pembangunan infrastruktur sokongan seperti tempat letak kereta dan kemudahan penumpang. Strategi ini adalah ke arah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap, berkesan dan mesra pengguna.

Untuk memudahkan perjalanan penggunaan, kerajaan sedang merancang perlaksanaan sistem tiket bersepadu sebagai permulaan penggunaan Touch N Go sudah diperluaskan daripada perkhidmatan rel LRT kepada Monorail dan KTM Komuter. Rapid Kuala Lumpur juga sedang mengambil tindakan untuk memperluaskan penggunaannya kepada perkhidmatan bas. Pada masa yang sama kerajaan juga sedar bahawa bandar-bandar utama lain di seluruh negara juga menghadapi masalah pengangkutan awam yang disebabkan oleh pembangunan pesat dan kadar peningkatan penggunaan kereta persendirian. Bandar-bandar ini juga telah melaksanakan berbagai tindakan untuk menangani masalah pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas di kawasan masing-masing.

Di antara langkah-langkah utama adalah pengurusan permintaan trafik ataupun *traffic demand management* yang melibatkan di antaranya perlaksanaan jalan satu hala, pembinaan jalan lingkaran dan terminal bas utama di luar pusat bandar dan peningkatan kadar bayaran tempat letak kereta di kawasan bandar. Pihak Kerajaan Tempatan sentiasa mengkaji semula rangkaian pengangkutan awam sedia ada dan memberi kerjasama kepada agensi-agensi kerajaan berkaitan untuk memantau dan menguatkuasakan syarat-syarat perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya untuk menggalakkan lebih orang menggunakan rangkaian baru ini, adakah juga dicadangkan supaya stesen-stesen perantara sebagai contoh Masjid Jamek, Tasik Selatan di mana ada banyak perkhidmatan melalui situ, tetapi dari segi keselesaan untuk menukar dari satu *service* kepada *service* lain itu menjadi masalah besar kerana perancangan yang tidak baik. Adakah dalam rancangan yang telah disebutkan itu juga termasuk mengubahsuaikan stesen-stesen seperti itu untuk menjadi ia lebih selesa? Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, ya Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang telah memberi jawapan yang begitu lengkap sekali, tetapi cuma satu yang saya ingin mengetahui apakah *car pool system* yang dicadangkan pada satu ketika itu hendak di*enforce*kan atau tidak? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Apa sistem Yang Berhormat?

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: *Car pool...*

Tuan Yang di-Pertua: *Car pool system*, kongsi kereta.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini apa yang saya nyatakan tadi, sedang dalam pembinaan. Sekiranya perlu nanti saya percaya kalau ada cadangan daripada penguat kuasa tempatan dan sebagainya saya percaya boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri agaknya baik hati sebab soalan itu adalah soalan untuk Kementerian Pengangkutan. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

10. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah sudah dilaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia sehingga setakat ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani bertarikh 19 Disember 2005 kerana ia mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua : Saya benarkan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum sebuah Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi meneliti serta mengkaji kesesuaian 125 cadangan yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Di samping itu, lima jawatankuasa kecil juga telah diwujudkan untuk membuat kajian secara lebih mendalam mengenai cadangan-cadangan tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengarahkan supaya pada peringkat awal keutamaan harus diberikan kepada aspek pembangunan terutamanya kepada projek-projek pembinaan premis pejabat, balai-balai polis, pusat-pusat latihan dan juga perumahan bagi pegawai dan juga anggota PDRM.

Bagi tujuan ini sejumlah RM2.5 bilion telah pun diperuntukkan. Seterusnya keutamaan kedua ialah dari segi aspek logistik iaitu pembelian kenderaan, peralatan serta kelengkapan moden yang terkini dan canggih dalam usaha pemodenan PDRM dan penggantian kenderaan dan alat kelengkapan PDRM yang telah uzur bagi memastikan PDRM dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih efektif dan efisien. Bagi tujuan ini, sebanyak RM2.8 bilion telah pun diperakukan untuk dimohon kepada pihak kerajaan. Di samping itu aspek pembangunan sumber manusia PDRM seperti keperluan latihan, cadangan penyusunan semula PDRM, penambah perjawatan serta penubuhan unit atau bahagian baru di dalam PDRM adalah seharusnya berdasarkan kepada keperluan semasa, sedang dikaji dan diteliti oleh Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga Polis Diraja Malaysia di dalam maklum balas kepada pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah menyatakan bahawa PDRM telah mengambil tindakan terhadap 73 cadangan iaitu 58.4 peratus sama ada di peringkat telah dilaksanakan atau pun sedang menunggu kelulusan kewangan dan sewajarnya untuk dijalankan. 16 cadangan ataupun 12.8 peratus diterima dan akan dilaksanakan pada masa hadapan, satu cadangan tiada kaitan dengan PDRM dan 35 cadangan masih dalam kajian oleh pihak PDRM, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan yang agak lengkap namun saya mempunyai satu soalan tambahan iaitu daripada suruhanjaya yang telah pun di tubuh, beberapa cadangan telah pun kita semak dan kita teliti lima jawatankuasa baru telah pun di tubuh bertambah pula dengan satu jawatankuasa di bawah Perdana Menteri sendiri. Ini nampaknya akan memakan masa, namun tentu sekali prioriti-prioriti sudah pun dikenal pasti dan soalan saya ialah apakah jangka masa yang sudah dikenal pasti hingga setakat ini untuk melaksanakan segala cadangan yang telah pun dikenal pasti sebagai prioriti itu. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada cadangan jangka masa panjang dan juga jangka masa pendek dan daripada keutamaan yang kita beri sebagaimana yang kita maklum ialah PDRM membuat IPD dan juga perumahan-perumahan polis dahulu yang mana ini telah pun ada peruntukan dan untuk melaksanakan peruntukan RM2.5 bilion ini pihak Kementerian Kewangan telah menubuhkan syarikat pembinaan BLT Sdn. Bhd di mana syarikat pembinaan BLT Sdn. Bhd. inilah yang akan melaksanakan segala peruntukan yang telah pun disediakan oleh pihak EPF. Untuk langkah yang pertama ada dua projek telah pun di tender iaitu di IPD di

Kota Bharu dan juga di Manjong telah pun di tender dan untuk melaksanakan ini kita ada pula dua peringkat, keutamaan pertama dan keutamaan yang kedua.

Keutamaan pertama ialah kita akan membina rumah dan juga IPD di tanah polis sendiri. Keutamaan yang kedua ialah di mana-mana IPD ataupun balai yang tidak ada tanah polis, maka kita mengena usahakan untuk mendapat tapak daripada pihak-pihak yang tertentu. Jadi langkah yang pertama telah pun kita mulakan di samping itu pihak Polis Diraja Malaysia telah pun mengeluarkan lapan arahan pentadbiran yang diterima daripada cadangan suruhanjaya ini seperti contoh antaranya supaya setiap aduan yang dibuat oleh pengadu mestilah dimaklumkan kepada pengadu, report polis mesti boleh dibuat dan mesti diterima di mana-mana balai polis dan beberapa arahan yang lain yang kita boleh laksanakan secara pentadbiran yang tidak melibatkan perubahan ataupun yang tidak melibatkan pindaan mana-mana undang-undang ataupun perlembagaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Yaacob bin Haji Mohammad.

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlalu amat simpati kepada anggota-anggota PDRM, risiko yang mereka hadapi. Soalan tambahan saya kenapa kejayaan-kejayaan pihak anggota polis di dalam memerangi jenayah dan ancaman keselamatan negara tidak begitu di heboh, ditonjolkan berbanding dengan kelemahan-kelemahan mereka sekitar dua peratus begitu ditonjolkan. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar; Terima kasih di atas pandangan dan simpati Yang Berhormat di atas PDRM. Sudah menjadi lumrah dunia, yang mana baik selalunya tidak dihargai, yang mana buruk itulah yang dibesar-besarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Atau dalam Bahasa Inggerisnya "*Dog bite man is not news, man bite dog is news*" *[Ketawa]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dan apabila perkara ini dibesar-besarkan dan seperti juga pepatah Melayu yang menyatakan *"Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga".* Jadi yang lebih malangnya kadang-kadang yang mengheboh-hebohkan dan yang membesar-besarkan isu mengenai PDRM ini seperti yang kita sedia maklum pada hari ini ialah pihak pembangkang sedangkan kalau kita lihat jasa yang diperoleh PDRM jauh lebih baik ataupun banyak kalau kita bandingkan dengan perkara-perkara yang kecil dan kita tidak nafikan memang di dalam PDRM anggotanya ramai, memang ada anggota-anggota yang melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya. Bagi kita, kita tegas bahawa PDRM tidak akan bertolak ansur kepada anggotanya yang rasuah dan juga salah guna kuasa.

Bilangannya tidak ramai, lebih kurang 0.01 peratus sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah di atas pandangan positif Yang Berhormat nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ringkas.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, satu daripada 125 perakuan yang telah dibuat oleh suruhanjaya yang dirasai terpenting sekali ialah menubuhkan satu suruhanjaya bebas untuk menyiasat aduan dan juga salah guna kuasa oleh pihak polis dan satu ahli daripada suruhanjaya itu telah berusaha untuk mengeluarkan satu draf perundangan untuk dibentangkan di Parlimen supaya membolehkan Suruhanjaya Bebas ini ditubuhkan. Kenapa ini tidak dilaksanakan sebagai satu usaha untuk menaikkan imej orang ramai terhadap PDRM.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah katakan tadi bahawa keutamaan yang kita beri yang pertama ialah mengenai kebajikan polis dan yang tidak melibatkan pindaan undang-undang. Memang benar cadangan bahawa cadangan untuk draf undang-undang untuk menubuhkan suruhanjaya bebas (SCPMC) ini memang ada. Oleh sebab itu cadangan ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kecil Perundangan yang dipengerusikan oleh Peguam Negara sama ada cadangan itu boleh diterima 100 peratus ataupun diubahsuai ataupun kita mungkin tubuhkan badan-badan tertentu.

Ini kita belum dapat kepastian kerana Peguam Negara, saya difahamkan telah empat kali bermesyuarat sama ada kita nak tengok dari segi perlembagaannya adakah ia melibatkan perlembagaan, dari segi kuasa polis, dari segi undang-undang dan sebagainya. Jadi sebab itu dari segi undang-undang ini kita kena ambil masa supaya apabila kita laksanakan nanti ia tentu akan memberi kesan jangka masa panjang. Biarlah kita lambat sedikit asalkan kita membuat keputusan yang betul dan keputusan yang tepat. Walau bagaimanapun kita sedia maklum kalau ada kes-kes terpencil seperti kes video klip, kerajaan tidak ada teragak-agak untuk menubuhkan satu suruhanjaya untuk kita membuat penilaian sama ada laporan-laporan atau tuduhan yang dibuat kepada polis ini benar ataupun tidak. Saya percaya niat kerajaan ikhlas, apa juga tindakan yang polis, laporan yang diterima oleh orang ramai tidak akan ada *cover up* dan kita hendak telus untuk demi keselamatan dan juga keharmonian untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berbangga kerana Dewan ini membincangkan isu berkaitan dengan lebih objektif, lebih *balance* dan lebih serius daripada tempat-tempat lain. Tuan Tan Bon You.

11. Tuan Tan Bon You minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapakah kementerian masih mengenakan bayaran pencarian maklumat sebanyak RM10.00 sejam seperti di Pusat Sumber Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Harta Intelek Malaysia dulu dikenali sebagai PHIM sudah bertukar nama sekarang, kita panggil MyIP**O** - *Malaysia Intelectual Property Office.* Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) masih mengenakan bayaran sebanyak RM10.00 sejam bagi permintaan untuk membuat carian awam berdasarkan Jadual Pertama Peraturan 3 Fi Bahagian 2, lain-lain fi yang diperlukan di bawah akta..

Tuan Yang di-Pertua: Oh, saya faham Yang Berhormat. Mula-mula saya tidak faham apa sebab Yang Berhormat kata begitu sebab bila disebut RM10.00 sejam saya faham, terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Perdagangan melalui *online search* kepada pihak awam secara *trial basis* di mana kemudahan tersebut adalah diberi secara percuma sehingga akhir tahun 2005. Adalah dijangkakan mulai suku tahun pertama tahun 2006, kemudahan *online search* dan *online filing* juga akan disediakan kepada pihak awam apabila sistem *common software* telah berfungsi sepenuhnya. Melalui kemudahan ini pihak awam dijangka boleh membuat carian awam cap dagangan secara elektronik dan seterusnya memfailkan permohonan mereka juga secara elektronik dan bayaran fi boleh dibuat dengan menggunakan kad kredit. Terima kasih.

Tuan Tan Bon You: Soalan tambahan, terima kasih. Saya ingin tahu pada masa sekarang, kelulusan mencari ataupun kelulusan pencarian sesuatu *trade mark* mengambil masa selama 18 bulan. Adakah pihak kementerian dengan *online* ini akan memendekkan tempoh itu?

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua memang benar. Dulu kita ambil 24 bulan, sekarang kita telah pendekkan 18 bulan dan kita akan cuba lagi supaya kita dapat memendekkan masa ini.

12. Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan setakat manakah pengenalan subjek baru di universiti awam iaitu Hubungan Ras dan Etnik dapat meningkatkan perpaduan kaum di negara ini dan mengapakah subjek yang sama tidak diwujudkan di IPTS.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [**Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kursus Hubungan Etnik di IPTA telah mula diperkenalkan pada sesi 2005/2006 dengan dua kredit iaitu tahun ini. Pengenalannya difikirkan perlu hasil daripada penemuan penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Tinggi Negara (IPTN) terhadap 6,000 orang pelajar IPTA yang

mendapati bahawa polarisasi kaum masih wujud di kalangan pelajar. Di antara objektif kursus ini adalah :

(i) membekalkan pelajar dengan satu pemahaman komprehensif mengenai sejarah, mengenai prinsip, mengenai nilai dan aspek utama pengajian ketamadunan di Malaysia;

(ii) membawa satu generasi muda Malaysia yang berpengalaman dan peka mengenai isu-isu ketamadunan dan peradaban; dan

(iii) memperkukuhkan jati diri bangsa Malaysia sebagai sebuah negara pelbagai kaum yang mengamalkan kehidupan bertoleransi.

Oleh kerana kursus ini baru diperkenalkan pada sesi 2005/2006, maka keberkesanannya masih belum dinilai lagi. Pada kebiasaannya penilaian terhadap satu kursus dibuat setelah tiga ke lima tahun ianya dijalankan. Program seumpama ini turut juga dilaksanakan di IPTS. Walau bagaimanapun nama kursus yang dijalankan di IPTS dikenali sebagai Pengajian Malaysia. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, walaupun telah dinyatakan, saya ingin tahu sedikit sebanyak kejayaan-kejayaan walaupun belum dibuat kajian, kejayaan-kejayaan yang dapat kesan pihak kementerian terhadap program ini. Yang kedua, jika sekiranya didapati bahawa kejayaan-kejayaan itu menggalakkan, apakah sebab-sebab maka program ini dilaksanakan di IPTS dan apakah pihak IPTS menyambut baik pelaksanaan program baru ini dan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian bagi mengembangkan bukan sahaja di IPTS, saya rasa perlu juga sehingga ke peringkat sekolah-sekolah menengah supaya murid-murid, pelajar-pelajar sekolah menengah itu betul-betul memahami bagaimana hendak membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu-padu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat itu sebahagiannya tertumpu kepada Kementerian Pelajaran, bahawa Yang Berhormat dapati ada sebahagian yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi mengenai hubungan ras dan etnik, bolehlah Yang Berhormat jawab.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam soalan itu ada empat atau lima komponen yang ditanya. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya pada 1998, kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia iaitu TITAS telah pun dijalankan di IPTA sebagai kursus wajib, merupakan kursus yang penting bagi menyemai, memupuk, menyubur dan saling kesefahaman, hormat-menghormati dan hidup yang harmonis antara kaum, budaya, agama dan kepercayaan di Malaysia.

Sehubungan dengan kesan yang lebih penting iaitu perpaduan kaum dan hubungan etnik, maka kementerian telah pun merombak pengajian TITAS daripada empat kredit menjadi dua kredit supaya dimantapkan dan ditambah kepada pengajian hubungan etnik pada tahun ini menjadikan ia dua kredit untuk diperkenalkan di IPTA. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak bagi peluang Datuk Hajah Dayang Mahani kemukakan pertanyaan.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 13.

13. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan setakat tahun ini berapakah jumlah pelaburan di negara kita dalam sektor bio-teknologi dan namakan negeri-negeri di mana pelaburan tersebut dibuat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan

daripada Datuk Hajah Dayang Mahani, saya ingin minta membetulkan jawapan yang saya beri kepada Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan, ya.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Sebenarnya, DRB Hicom tidak mempunyai syer Proton. Walau bagaimanapun, kedua-dua syarikat adalah GLC, yang mana Khazanah mempunyai 1% syer dan Petronas mempunyai 15% syer, Proton dan juga DRB Hicom. Maksudnya *major share holders* adalah sama. Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Khazanah?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: *Yes*. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Hajah Mahani...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas pembetulan tersebut.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, sehingga September 2005, jumlah pelaburan dalam industri bioteknologi negara telah mencapai RM732.6 juta di mana sebanyak RM514.7 juta iaitu 70.3% adalah daripada pelaburan tempatan dan RM217.9 juta iaitu 29.7% adalah daripada pelaburan asing. Sumber utama pelaburan dalam sektor bioteknologi ini ialah daripada Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, Switzerland, Korea, Singapura, Jerman, Armania, England, Belanda dan Belgium. Negeri-negeri di mana terdapat pelaburan dalam bidang bioteknologi adalah Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Sabah, Perak dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya minta maaf. Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN TEMPATAN (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[7 Disember 2005]***

Tuan Yang di-Pertua: Masalah terbuka untuk di bahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

11.22 pagi

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam kita telah diberitahu dalam cadangan untuk membina Akta 637 itu, kenapa cadangan itu telah dibuat dan satu daripadanya yang kita telah mendengar ialah kerana banyak daripada bon yang dipasarkan itu tidak begitu aktif dan oleh kerana itu, cadangan-cadangan yang akan dilaksanakan nanti akan membolehkan perkara-perkara itu dibereskan supaya masalah ketidakaktifan itu tidak berlaku lagi.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa tempoh untuk setiap bon yang telah dikeluarkan itu ialah di antara tiga, lima atau sepuluh tahun. Kenapa kerajaan tidak mengambil langkah sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah-masalah seperti demikian untuk memendekkan tempoh. Jangan guna sebagai contoh 10 tahun. Mungkin kita letakkan semua itu tidak melebihi lima tahun. Dalam satu masa yang pendek itu, tiga atau lima tahun, maka kalau ia tidak begitu aktif, ia akan luput pada akhir tempohnya dan

kita tidak perlu mengambil sebarang inisiatif untuk membatalkan itu. Itu ialah satu perkara yang mungkin boleh difikirkan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tumpukan perhatian saya kepada satu lagi perkara. Saya melihat akta ini telah dibuat pada tahun 1959 dan mungkin dalam masa itu, banyak instrumen baru dan moden itu tidak dapat diperkenalkan. Memandangkan kita sudah dekat 50 tahun selepas akta ini diguna pakai, maka kenapa kerajaan tidak mencadangkan untuk merompak semula keseluruhan akta ini untuk membolehkan elemen-elemen baru dan diguna pakai oleh dunia itu dimasukkan dalam akta ini. Itu mungkin pada jangka masa panjang boleh difikirkan oleh kerajaan, sama ada sesuai atau tidak. Tetapi kalau akta ini masih relevan, masih kukuh dari semua segi perundangan yang membolehkan kerajaan mencapai hasrat yang termaktub dalam akta ini, maka nampaknya akta ini ialah satu akta yang baik sekali. Sungguhpun 50 tahun telah diguna pakai tetapi masih kuat, masih kukuh dan masih boleh mendatangkan faedah kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud akta ini digubal sebelum zaman kad kredit, merupakan sumber...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya. Tidak ada *electronic banking*, tidak ada banyak itu *Islamic banking* dan semasa itu tidak wujud Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita sekarang ada bab pemasaran bon yang menggunakan cara-cara lain dan sebagainya. Kita sekarang ada *offshore*. Semua itu tidak wujud dalam situasi tahun 1959 kerana masalah itu kita baru merdeka dua tahun dan ini adalah satu perkara yang harus dikaji oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dibuat kepada seksyen 11 akta ini iaitu pindaan kepada seksyen 11, telah menyatakan dengan jelas seksyen 11, 11A 11B telah menyatakan dengan jelas bahawa sekiranya bon itu akan ditarik balik pada sebelum tarikh matangnya atau *redeem* mengikut pilihan Menteri itu, maka semua perkara ini harus dirujuk kepada peruntukan-peruntukan dalam prospektus yang telah dikeluarkan. Itu amat jelas dan setahu saya, tiap-tiap kali kita mengeluarkan satu bon maka kita juga keluarkan satu prospektus dan ini mengandungi semua aspek sama ada tentang kadar faedah, tentang bila matang.

Kalau tidak tunggu sampai matang, maka apa harus dibuat dan siapa ada kuasa dan sebagainya. Semua sudah ada dalam bon itu. Jadi kalau kita lihat di seksyen 11 ini, kita sudah lihat bahawa satu daripada cadangan ialah *been accordance with the terms set out in the prospectus*. Itu ada dicadangkan dengan jelas bahawa kalau kita hendak buat sesuatu, maka kita rujuk balik akhirnya kepada prospektus kerana prospektus itu menjadi satu garis panduan kepada kita untuk bertindak terhadap bon yang telah dikeluarkan itu. Memandang demikian Tuan Yang di-Pertua, seksyen 11 adalah begitu jelas tentang isu ini, maka adakah kita perlu pindaan baru 11A dan 11B? Itu adalah pertanyaan saya kerana saya lihat ini satu perkara yang *superfluous* Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak perlu kerana prospektus itu telah menyatakan dengan jelas apakah tindakan yang harus dilakukan apabila kita hendak *redeem* bon ini, apabila matang...

Tuan Yang di-Pertua: Semalam saya terdengar Yang Berhormat sebut *superfluous* sekali. Hari ini timbul lagi *superfluous*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya. Itu tidak perlu kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memang tidak suka benda-benda yang *superfluo*us ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, kita selalu ada masalah dari segi interpretasi, dari segi masa dan sebagainya. Jadi kalau kita melakukan sesuatu itu, sungguhpun sudah ada peruntukan, maka ini ialah usaha yang membazirkan pemikiran kita, masa kita, duit kita dan usaha kita. Jadi saya tidak suka Tuan Yang di-Pertua. Ini kita tidak harus melakukan. Kita mesti tepat, kita mesti ikut apa yang sebagai contoh, perbahasan rang undang-undang. Kita juga patut tumpukan kepada apa yang ada di depan kita dan jangan menyeleweng dan membuang masa kerana masa itu adalah satu komoditi atau satu perkara yang kita mesti menghargai. Jadi saya dapati seksyen baru 11A, seksyen baru 11B itu tidak perlu kalau kita luluskan seksyen 11.

Seksyen 11A(1) mengulangi bahawa Menteri itu boleh membeli stok daripada seseorang itu mengikut harga dan terma seperti yang dipersetujui oleh Menteri, tetapi kalau prospektus sudah ada peruntukan semacam ini Tuan Yang di-Pertua, kita rujuk kepada prospektus.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mendengar hujah-hujah Yang Berhormat, saya teringat pada satu komen yang sentiasa dalam ingatan saya dalam satu rencana yang menyatakan saya *quote*, *"special with this innumerable laws and questionable record of enforcement".* Apa komen Yang Berhormat terhadap komen tersebut?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi masalah keyakinan, itu adalah masalah Malaysia pada pendapat saya. Kita ada masalah keyakinan, sama ada dunia itu yakin kepada kita? Kita tak mahu dilihat sebagai satu negara yang selalu menukar peraturan-peraturan untuk kepentingan kita, kita tidak mahu dilihat sebagai satu negara yang tidak mengikuti *norm* antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, itu ialah masalah. Kalau kita tidak membetulkan imej ini untuk meyakinkan bahawa usaha-usaha kita semua mempunyai niat yang baik...

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyatakan bahawa negara kita menghadapi krisis keyakinan. Keyakinan kawan-kawan kita, keyakinan rakyat kita dan keyakinan musuh-musuh kita pun mungkin, dan ini adalah satu masalah yang harus kita mengatasi untuk membetulkan imej. Mungkin kita tidak berbuat demikian tetapi usaha-usaha kita, tindakan kita seolah-olah kita tidak meyakinkan. Jadi apabila kita sudah keluarkan prospektus, prospektus itu sudah sebut semua aspek tentang bon itu, kenapa kita ada peruntukan di mana kata, "*Subject to such price and such terms as may be allowed by the Minister".*

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini tidak meyakinkan orang kerana prospektus itu sudah mencatatkan semua aspek tentang bon, kenapa kita sekarang ada peruntukan untuk Menteri membuat keputusan dan mungkin keputusan ini berlainan daripada semangat yang ada dalam prospektus itu. Dan apakah garis panduan yang akan diguna oleh Menteri?

Tuan Tay Puay Chuan: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Setuju kalau saya katakan Yang Berhormat bahawa kuasa diberikan kepada Menteri untuk sesuatu prospektus itu adalah sebagai satu *sivil clause,* dengan izin untuk memastikan bahawa sekiranya berlaku apa-apa kesilapan maka Menteri masih boleh menyelamatkan keadaan tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya apabila kita merancang sesuatu, kita tidak ada ruang untuk kelalaian, kekurangan dan sebagainya kerana ini adalah satu dokumen antarabangsa. Siapa pun boleh melabur dalam bon kita, mungkin United States, Great Britain, Australia, Japan, semua boleh melabur kepada pinjaman yang kita tawarkan itu, dan apabila ini berlaku maka kita tak boleh sesuka hati menukar ini, menukar itu, kita sudah dituduh banyak kali bahawa kita *change the rules* semasa dalam permainan. Itu tak boleh kerana kalau kita selalu berbuat demikian, maka keyakinan terhadap kita sebagai satu negara terjejas Tuan Yang di-Pertua. Kita tak boleh membiarkan ini berlaku dan banyak daripada perkara yang berlaku pada hari ini ialah kerana keyakinan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa dengan adanya pindaan-pindaan begini iaitu apabila ada satu masalah di Malaysia ini baru kita mengadakan pindaan-pindaan. Ini akan mengakibatkan krisis keyakinan di Malaysia, apa yang penting Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat bukan setakat krisis keyakinan di Malaysia, kita takut apabila ada pindaan-pindaan begini, keyakinan pelabur-pelabur untuk melabur di Malaysia juga akan ada krisis keyakinan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Kementerian Kewangan ada statistik tentang FDI. Kalau kita tanya berapa banyak FDI datang tahun ini, kita boleh tahu sama ada kita menghadapi masalah atau tidak. Kalau kita mengkaji berapa banyak duit telah keluar dari Malaysia kebelakangan ini dalam tempoh dua bulan atau satu bulan. Kita boleh lihat keadaan, kalau kita melihat kenapa bursa saham kita, BSKL itu tertinggal kalau dibandingkan dengan bursa-bursa lain, kita boleh tahu. Semua ini dipantau oleh Kementerian Kewangan.

Jadi apabila sesuatu perkara semacam ini berlaku, ini akan sedikit sebanyak menjejaskan imej kita dan kalau kita tidak mengatasi masalah keyakinan ini, maka banyak daripada usaha kita akan sia-sia sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh baru-baru ini kita lihat kes video klip seorang perempuan yang ditahan oleh pihak polis itu, saya puji Perdana Menteri kita kerana beliau sudah sedar tentang masalah imej ini Tuan Yang di-Pertua. Dia tak benarkan pihak polis buat siasatan sendiri, dia kata tak mahu pihak polis buat siasatan, saya mahu lantik satu suruhanjaya bebas untuk membuat siasatan. Akibat daripada itu, tidak ada isu lagi cuma rakyat Malaysia dan juga kerajaan negara China dan juga rakan-rakan kita nak sebut apa lagi? Kerana itu dilihat sebagai satu perkara yang harus dibuat dan kita telah berbuat demikian.

Pagi tadi saya tanya suruhanjaya untuk kebaikan pihak polis, penambahbaikan, pihak polis telah membuat 125 perakuan dalam laporan *Royal Commission* itu, Suruhanjaya Diraja itu. Dan yang paling penting, yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua ialah supaya pihak polis jangan menyiasat kes-kes tuduhan terhadap polis, tak mahu sendiri menyiasat tetapi biar satu suruhanjaya bebas untuk menyiasat kes-kes sedemikian. Dan seorang ahli dalam suruhanjaya itu iaitu Yang Arif Tun Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara telah berusaha, telah rela membuat satu draf perundangan supaya ia boleh dilaksanakan untuk membolehkan suruhanjaya ini ditubuhkan dan orang-orang yang boleh meyakinkan rakyat kita dan juga rakan-rakan kita di negara-negara lain itu dilantik untuk berkhidmat dalam suruhanjaya itu.

Dan mereka telah menyatakan ini adalah perakuan yang penting sekali tapi kerajaan kita tidak melaksanakannya sehingga hari ini. Pagi tadi saya tanya, kata dalam kajian, dalam kajian mungkin akan disapu di bawah permaidani. Apa kajian tidak akan dilaksanakan, inilah masalah kita, keyakinan. Jadi dalam sini kalau kita ada peruntukan kerana ini adalah seksyen baru Tuan Yang di-Pertua, apa yang dicadangkan 11A, 11B adalah seksyen baru.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang diperbincangkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tentang kelemahan kita dari segi tindakan setelah maklumat yang begitu jelas telah dibuktikan kepada kita. Jadi apa yang saya tak puas hati ialah segala perkara, sekiranya perkara ini disebut tetapi sentiasa dikatakan pembangkang yang disalahkan. Jadi apa komen Yang Berhormat dalam isu berkenaan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya selalu menyatakan jangan guna perkataan "pembangkang". Kalau Puan Siti Zailah itu digelar sebagai pembangkang, peranannya mesti membangkang apa yang saya kata, dia mesti bangkang kerana dia pembangkang. Kalau kita panggil Yang Berhormat Lim Kit Siang itu Ketua Pembangkang, apakah peranan dia? Dia mesti bangkang, kalau dia tak bangkang dia bukan Ketua Pembangkang. Jadi saya selalu suka menggunakan perkataan "kerajaan menunggu", "Ketua Kerajaan menunggu", menunggu jasa baik rakyat untuk memilih dia menjadi kerajaan. Mungkin satu hari rakyat akan berfikir seperti di Kelantan, mungkin satu hari Barisan Nasional akan dipilih sebagai kerajaan di Kelantan *so,* Barisan jangan panggil pembangkang, panggil dia "kerajaan menunggu". Jadi sebagai kerajaan, dia ada tanggungjawab, peranan dia bukan bangkang lagi, kerajaan menunggu, peranan dia ialah bagi alternatif kepada kerajaan yang sedia ada.

Okey, kalau kerajaan sedia ada mahu buat ini, kerajaan menunggu kata saya ada cadangan yang lebih baik, saya mahu buat itu. Kalau demikian semua konstruktif Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu pembangkang, saya tidak membangkang Yang Berhormat

Puan Siti Zailah, saya tidak mahu membangkang Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri, kita semua kawan baik. Tetapi kita berkongsi pengalaman, kita berkongsi maklumat dan itu adalah peranan kita kerana kalau saya anggap saya sendiri sebagai seorang wakil dalam kerajaan, sini kawan saya ialah wakil dalam kerajaan menunggu. Dia sedang menunggu, satu hari mungkin akan datang tidak lama lagi satu hari dia akan jadi kerajaan, lepas itu peranan saya ialah menunggu...

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, boleh mohon laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat bersetujulah dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat. Dan saya kalau boleh mohon dalam Dewan Negara ini saya rasa tidak boleh kita menimbulkan -Dalam Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara ini selain daripada yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertua Agung, di bawah saranan Perdana Menteri adalah dilantik oleh kerajaan-kerajaan yang pada waktu itu memerintah. Dia bukan pembangkang pada waktu itu, jadi saya sangat setujulah, terutama dalam Dewan ini tidak usah apabila kita memberikan jawapan ketua terutama sekali pembangkang. Saya ingat itu tidak baiklah. Jadi ini untuk melihat bahawa Dewan Negara kita ini betul-betul membincangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan kepentingan negara. Kalau tidak setuju, kita nyatakan tidak setuju ataupun pandangan kita berbeza daripada pandangan yang diberikan orang lain. Jadi saya setujulah, sangat setuju apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, ya, itu memanglah kita akan berusaha bersamalah yang penting sekali. So, balik kepada rang undang-undang ini...

Tuan Tay Puay Chuan: Saya minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: ...nanti Timbalan Menteri sudah tunggu lama.

Tuan Tay Puay Chuan: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat, saya ada satu soalan minta pendapat daripada Yang Berhormat sama ada setuju atau tidak. Saya rasa tidak kira sama ada sesuatu cadangan itu datang daripada wakil kerajaan sedia ada ataupun wakil kerajaan sedia menunggu mengikut kata-kata Yang Berhormat. Sekiranya cadangan itu baik maka kerajaan yang sedia ada harus memberi pertimbangan yang sewajarnya, setuju atau tidak?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya menjadi kerajaan memang saya akan mengkaji semua aspek untuk kebaikan negara, itu yang penting kerana pegangan saya ialah terhadap negara. Semasa saya menjadi Ahli dalam Dewan yang mulia, ini saya telah angkat sumpah, saya telah nyatakan saya akan berkhidmat mengikut sebaik-baik khidmat saya, kebolehan saya, untuk negara saya, itu yang penting. Jadi, apa yang baik untuk negara itu saya akan menyokong, apa yang saya rasa tidak baik untuk negara itu, saya akan mengkritik bukan saya pembangkang, saya tidak ada, saya bagi pandangan alternatif yang mungkin saya lihat lebih baik.

Kalau kita menghadapi krisis keyakinan, apa yang harus kita buat? Kita harus mengkaji kenapa kita menghadapi krisis ini, kita jangan lagi minta orang balik, kalau tidak suka balik. Kita jangan *target* kumpulan itu kumpulan ini, kita jangan. Kita kena kaji apa aspek yang kita ada kelemahan dan saya sangat memuji sikap dan juga tanggungjawab Perdana Menteri apabila beliau melantik satu suruhanjaya bebas untuk mengatasi masalah ini. Dan, dengan itu mungkin kita boleh membetulkan pandangan orang luar, selalu kita *cover up,* kita selalu *cover up,* kita selalu *bailout*, itu pandangan.

Tadi bila kita tanya tentang kerugian Bank Islam, ada juga ditanya sama ada kerajaan hendak *bailout* tetapi ini satu syarikat yang buat urus niaga sendiri, kalau dia tanggung kerugian biarlah dia tanggung kerugian, itu yang penting.

Jadi, adakah kita perlu untuk mengadakan peruntukan di bawah 11A dan juga 11A (1) dan A(2), di mana kita akan membolehkan Menteri itu membuat apa pembelian stok itu

daripada sesiapa mengikut harga dan terma seperti yang diputuskan oleh Menteri sendiri. Adakah ini akan lari daripada *prospectus...*

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya debat pada hari ini ialah mengenai pasaran modal. Pemindaan yang hendak dibentangkan kepada kita ialah pemindaan untuk membolehkan kerajaan mempunyai *access* yang lebih luas dalam dan lebar dalam pasaran modal. Ini adalah satu perkara yang harus kita banggakan. Saya merasakan inilah satu-satunya langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membolehkan kerajaan mempunai *access* kepada pinjaman domestik yang lebih besar untuk ia menjalankan projek-projek pembangunan yang amat kita perlui.

Jadi, debat kita harus keluar daripada pokok tetapi kepada *forest* kepada hutan itu sendiri. Yang hutan itu ialah, dengan izin, *we should not look at the trees but look at the forest*. Yang dimaksudkan di sini ialah matlamat pemindaan ini dilakukan. Ianya untuk membolehkan kerajaan mempunyai access yang lebih besar dalam *capital market.* Keduanya, faedah sampingannya ialah kita memperkayakan lagi pasaran modal kita. Jadi, dalam soal kredibiliti ataupun soal keyakinan dalam pasaran modal tidak berlaku. Ini pada jangkaan saya yang saya penuh yakin.

Oleh kerana apabila satu produk baru yang dikeluarkan oleh kerajaan iaitu satu *domestic* ringgit bond atau bon domestik yang kita adakan tahun lalu *supra natural national organization* seperti *Asia Development Bank*, *Islamic Development bank* dan juga IFC telah pun, apa kita katakan membelinya dengan sepenuhnya, iaitu *over three* bilion ringgit. Ini menunjukkan bahawa dunia mempunyai keyakinan yang begitu hebat terhadap pasaran modal negara kita. Jikalau soal 11(3), 11B dan juga kita menyangkal tidak perlunya mempunyai satu pindaan yang baru, yang dimasukkan dalam akta yang sedia ada oleh kerana sudah ada pun peruntukan di dalam *prospectus* bon itu sendiri, saya ingin mengatakan di sini bahawa kalau kita masukkan di dalam akta seperti yang dicadangkan oleh kerajaan, ia mempunyai impak *reinforcing,* bukan satu impak yang akan mengurangkan keyakinan kepada kita.

Ini menunjukkan satu perkara yang kita ambil secara serius, yang kita masukkan di dalam akta. Dan kita harus juga mengetahui bahawa harga bon itu sebelum *maturity* 10 tahun atau 15 tahun, ianya *fluctuate,* ianya naik turun mengikut selalunya ialah *interest rate* yang ada dalam negara dan juga luar negara. Ia mempunyai impak terhadap kita, iaitu pasaran modal yang agak muda kalau dibandingkan negara-negara lain.

Sebenarnya kita harus melihat kepada matlamat yang lebih besar dalam pemindaan akta ini. Jadi, saya dengan penuh sukacitanya sememangnya menyokong ianya diadakan, ini menunjukkan bahawa kita serius, ya. Sungguhpun akta itu sudah lama dan kita katakan bahawa bon itu adalah satu *instrument* yang sudah berkurun lamanya tetapi *instrument* bon dalam pasaran modal masih relevan, masih penting, masih banyak digunakan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan dan kepada kerajaan oleh kerana kita sudah pun mengenal pasti *instrument-instrument capital market* ataupun pasaran modal yang baru, yang canggih, terutamanya *rate* yang kita perkenalkan, aset '*securiti'* tentang kita punya harta dan bangunan yang saya rasa begitu diterima oleh rakyat di Malaysia, dengan begitu beria sekalilah, saya pun tidak dapat mencari perkataan yang bersesuaian, *enthusiasm,* dengan izin.

Jadi, krisis keyakinan dalam pasaran modal tidak timbul. Mungkin ada krisis keyakinan dalam pasaran ekuiti, itu berlainan tetapi itu juga kita tidak dapat membuat satu *painting everything with the same brush,* kita tidak dapat melukis sesuatu itu dengan satu *brush* yang sama sebab kedudukan itu berlainan untuk ekuiti *market* dan pasaran modal. dan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tentang krisis keyakinan tadi?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya tidak bersetuju 100%. Kadangkala krisis keyakinan adalah berasaskan persepsi tidak berasaskan realiti. Ini satu perkara yang memang kita semua fahami. Kadang-kadang persepsi itu menjadi realiti dan di dalam pasaran ekuiti mungkin ada persepsi-persepsi tertentu yang kurang meyakinkan pelabur-pelabur tetapi saya melihatkan bahawa kredibiliti terhadap Malaysia secara menyeluruhnya adalah baik.

Sebab saya ingin mengatakan di sini bahawa apabila saya menghadiri satu mesyuarat di Jakarta baru-baru ini, minggu lalu sahaja, 14, 15 negara termasuk Jepun, Korea dan negara-negara yang kurang maju dan juga negara yang sudah amat maju mereka menggunakan Malaysia sebagai contoh. Bukan sahaja sebagai contoh untuk pasaran ekuiti atau pasaran modal tetapi sebagai kerajaan yang bijak mengurus kerajaannya. Ini secara menyeluruh, mungkin kalau kita lihat *in comparative term* di negara-negara lain, Amerika Syarikat sendiri, persepsi kita amat buruk terhadap Amerika Syarikat tetapi ianya sememangnya masih menjadi satu negara yang begitu kuat oleh kerana faktor-faktor lain.

Jadi, saya meletakkan diskusi saya terhadap soal pasaran modal. Dalam pasaran modal tidak ada keruntuhan ataupun kelunturan di dalam soal keyakinan. Oleh kerana sememangnya sekiranya ada bon yang dikeluarkan oleh kita, syarikat-syarikat besar, *I mean* institusi-institusi yang besar seperti IFC, ADB dan IDB memang mengambilnya ataupun *subscribe* kepada bon-bon, isu-isu ini dengan begitu menggalakkan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Jadi, saya dengan ini di dalam erti kata lain saya menyokong dan menerima pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat cuma minta laluan untuk perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi. Tetapi terima kasihlah ke atas pandangan-pandangan dan atas huraian-huraian Yang Berhormat tadi. Dan, saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat sekiranya ada lagi perkara-perkara Yang Berhormat ingin berikan pandangan-pandangan dan sebagainya. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang saya tumpukan ialah kepada Seksyen 11 kerana Seksyen 11 yang dicadangkan itu menggantikan seksyen lama, Tuan Yang di-Pertua. Seksyen 11 yang akan diguna pakai ialah menggantikan keseluruhan seksyen 11 tersebut dengan satu seksyen yang baru. Dan, Seksyen 11 itu telah menyatakan tentang *redemption of stock* dan saya baca, "*Stock issue under this act shall be redeemable at par on those dates as may be specified in the prospectus. After which dates all interest on the principal moneys represented by it shall cease and determine, whether payment of the principal moneys shall have been demanded or not".*

Itu ialah secara keseluruhan Seksyen 11. Apa yang dicadangkan ialah Seksyen 11 baru yang mengandungi Subseksyen 1 A B dan juga Subseksyen 2 dan kemudian dicadangkan lagi dua Subseksyen baru iaitu Seksyen 11A dan Seksyen 11B. Pertanyaan saya ialah apabila kita sudah meminda Seksyen11, kita sudah terima Seksyen11 sama ada perlu Seksyen 11A atau Seksyen 11B. Itu ialah persoalan saya dan dalam Seksyen 11 ada menyatakan perkataan-perkataan seperti *in accordance with the term set out in the prospectus.*

Apabila kita sudah lihat dengan jelas bahawa dokumen yang kita rujuk ialah prospektus sama ada kita perlu satu lagi peruntukan yang mana memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan harga dan juga terma. Bukankah semua ini sudah ada dalam prospektus. Dokumen yang kita selalu baca sebelum kita melabur sama ada kita hendak beli ekuiti sama ada kita terlibat dengan bon, dokumen yang terpenting sekali bagi saya ialah prospektus. Apabila kita melihat prospektus itu kita sudah tahu apakah tujuan, berapakah pulangan dan sebagainya dan apabila tidak sampai tempoh apakah pihak yang mengeluarkan bon itu boleh buat, apakah hak saya sama ada boleh paksa saya jual atau tidak boleh paksa saya jual. Semua itu sudah disebutkan dalam prospektus.

Hujah saya ialah supaya kita guna prospektus sebagai bahan unggul untuk membuat keputusan dan semua berpandu kepada prospektus dan jangan ada isu-isu lain. Itu yang menjadi pokok *debate* saya dalam isu ini Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya tidak sokong pindaan kepada Seksyen 11. Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad ialah seorang bekas Pengerusi Bank Rakyat. Dia lebih pakar lebih arif daripada saya. Saya seorang Jurutera. Saya bukan seorang pakar ekonomi, saya tidak. Tetapi sebagai seorang yang selalu mengikuti perkembangan pasaran itu maka saya tahu dokumen yang paling penting dan selalu kita dinasihatkan oleh *independent advisor* penasihat-penasihat bebas ialah rujuk kepada prospektus. Broker kita siapa pun kata rujuk kepada prospektus kerana prospektus itu ialah satu dokumen perundangan, legal diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau mana-mana pihak yang mentadbir dan menjaga kepentingan itu.

Mereka telah luluskan itu dan oleh kerana itu maka kita rujuk kepada prospektus dan kalau perkara ini tidak ada dalam prospektus maka kenapa kita tidak menguruskan prospektus dengan baik supaya mengambil kira semua aspek dengan memberi ruang-ruang atau *loophole* bagi orang mencari masalah dengan kita, jangan. Itu ialah usaha kita untuk meyakinkan bahawa niat kita adalah betul dan ini semata-mata untuk membolehkan kita mendapat pinjaman untuk projek-projek pembangunan yang kita rancangkan itu untuk kebaikan rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakap panjang lebar dan itulah pendapat saya dan saya berharap kementerian akan mengkaji sama ada Seksyen 11A dan Seksyen 11B itu adalah *superfluous* memandangkan pindaan Seksyen 11 telah mengambil kira semua aspek. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang ingin mengambil bahagian? Tiada....silakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang berbahas tentang Rang Undang-undang ini. Tidak ketinggalan ucapan teramat terima kasih saya ingin ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad yang dengan jelas sebentar tadi menerangkan hasrat dan tujuan pindaan Rang Undang-undang ini dengan jelas kepada Dewan kita yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng iaitu sejak tahun 1959 dan merupakan ...tetapi masih hebat. Nama yang hebat dan sebagaimana pengetahuan Yang Berhormat, Akta ini tidak perlu kita rungkaikan atau rombak kepada akta yang baru kerana sebenarnya dipinda ini adalah untuk memperbaiki ataupun memperjelaskan lagi sesuai dengan keadaan semasa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi tujuan instrumen-instrumen dalam pasaran yang lain, kita mempunyai akta-akta yang lain dan tidak hanya tertumpu kepada akta ini.

Pindaan ini sebagaimana yang saya katakan tadi dibentangkan selaras untuk amalan pasaran sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad sebentar tadi dan untuk memenuhi permintaan pelabur tempatan dan luar negara pada pasaran kita, bon kita, SKM kita.

Tuan Yang di-Pertua, jelas kalau saya gambarkan pindaan ini adalah untuk menjadikan pelaburan ataupun pasaran modal itu lebih menarik pada pelabur-pelabur dan lebih bergaya..... telah tua ...malah lama, minta maaf, bukan tua, ... lama tetapi masih hebat. Tambah lagi macam fesyen juga tambah lagi dengan fesyen semasa dan sebagainya. Ini lebih menarik, dan cukup saya gambarkan mudah ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana tadi kita dikelirukan oleh celahan soal pembangkang dan sebagainya. Soal perkara sensasi seperti yang dibangkitkan sekarang di PDRM dan sebagainya. Kita seolah-olah digambarkan bahawa pindaan yang kita buat ini juga untuk disensasikan dan agak sedikit bahaya tadi Ahli-ahli Yang Berhormat dikaitkan dengan krisis keyakinan. Ada

tadi Ahli-ahli Yang Berhormat menambah soal seolah-olah ada pindaan ini menyebabkan berlaku kita tidak yakin kepada apa yang kita buat.

Sebenarnya tidak Yang Berhormat. Tidak perlu kita bimbang kerana kita telah mengalami sejak merdeka dan beberapa krisis berlaku di dunia dan di negara kita tetapi sistem kewangan kita dan apa yang kita ada pada hari ini, apa yang kita lakukan di Dewan sama ada di Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebenarnya kita menyumbangkan suatu usaha dan tenaga yang sangat hebat dan kedudukan sistem kewangan kita teguh, dipercayai dan penuh keyakinan sama ada pelabur tempatan dan pelabur luar negara. Itu yang ingin saya yakinkan sebab bila kita sebut pembangkang, sebut kerajaan menunggu dan sebagainya kita akan diragui dengan fakta, dengan keadaan yang saya kata boleh disensasikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya jelaskan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dengan panjang lebar tadi mengenai Seksyen 11A dan B apakah rasionalnya pindaan Seksyen 11A dan B. Kemudian bersangkutan dengan kecairan pasaran bon tempatan dan Seksyen 11A dan B lagi adakah dengan Seksyen 11A dan B dengan ada kuasa Menteri akan disalahgunakan untuk penebusan awal dan mencadangkan untuk menggantikan seksyen yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya perjelaskan sekali lagi pindaan yang kita cadangkan ini membolehkan kerajaan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memajukan pasaran bon tempatan dengan meningkatkan kecairan. Maksudnya lebih, menarik tidak beku. Kemudian dalam pasaran bon tempatan melalui pembelian balik SKM yang tidak aktif dan menambah lagi terbitan SKM tanda aras.

Selaras dengan matlamat kerajaan adalah tepat pada masanya jika Akta Pinjaman Tempatan ini dapat kita pinda untuk menyumbangkan lagi kepada perkembangan yang lebih pesat dan menarik dalam pasaran.

Manakala rasionalnya kita kepada Seksyen 11A dan Seksyen 11B adalah untuk memberi kuasa yang nyata dan jelas di sisi undang-undang kepada kerajaan untuk melaksanakan pembelian, pembatalan, penebusan awal dan penukaran Sekuriti Kerajaan Malaysia. Kalau kita lihat banyak sangat *off the run* kita perlu tukar. Tidak menarik lagi, ini yang nyatanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini SKM yang diterbitkan adalah berdasarkan kepada beberapa tempoh matang daripada satu tahun hingga 19 tahun yang fokusnya kita antara tiga, lima, tujuh dan sepuluh tahu untuk membina sekuriti tanda aras ataupun apa yang kita bangkitkan tadi. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memajukan pasaran semenjak penubuhan *Nasional Bon Market Committee* untuk memastikan usaha yang berterusan dan dapat menarik pelabur.

Manakala mengenai kuasa penebusan awal dalam Seksyen 11A dan Seksyen 11B, sebelum penebusan awal dibuat Akta ini telah menjamin bahawa penebusan awal hanya dilaksanakan berdasarkan terma-terma yang ditentukan ataupun yang diperuntukkan dalam prospektus. Maka pelabur mempunyai pengetahuan tentang terma-terma untuk penebusan awal. Penebusan awal akan dibuat secara telus *transparent* dan juga saya memberikan penjelasan kepada Ahli-ahli Dewan dalam pembelian ataupun pertukaran SKM ini akan dipersetujui oleh pemegang-pemegang stok dan harga pasaran yang dipersetujui oleh mereka dalam berdasarkan *billing buyer* dan *billing seller*. Pembeli dan penjual stok yang berkenaan bersetuju dengan terma-terma dan harga-harga yang ditetapkan. Inilah berdasarkan *market driven* permintaan dan penawaran di pasaran dan tidak ada percanggahan dengan prospektus yang lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi menekankan kenapa seksyen 11 yang dicadangkan menggantikan seksyen yang sedia ini. Jadi, sekali lagi saya katakan seksyen 11 ini adalah untuk memperuntukkan satu lagi instrumen yang baru selain daripada instrumen yang diterbitkan sekarang yang boleh ditebus pada masa sebelum tarikh matang. Instrumen baru adalah untuk meningkatkan lagi, seperti yang saya kata tadi, kepelbagaian kepada instrumen-instrumen yang sedia ada, sasaran memenuhi kehendak-kehendak pelabur. Instrumen yang diterbitkan berdasarkan permintaan daripada

pelabur-pelabur, dan pasaran bon dan tidak akan menjejaskan kepentingan pelabur itu sendiri.

Jadi itulah Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang saya nampak memang kita bersetuju. Cuma tadi kita bimbang takut-takut kita buat ini berdasarkan kepada kita ada bayangkan seolah-olah ada berlaku yang tidak baik atau sebagainya. Sebenarnya pindaan ini selaras dengan kehendak antarabangsa, selaras dengan kehendak market dan sangat sesuai dan dihormati dalam pasaran modal negara kita, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2005) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua

12.19 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan, [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan "Bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan, untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan sebahagian daripada tahun 2005, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu, maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Pembentangan Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus tambahan pertama 2005. Peruntukan tambahan pertama 2005 dibentangkan menurut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, iaitu bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2005 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2005 yang dibentangkan adalah berjumlah RM9,102.5 juta. Daripada ini, RM9,102.2 juta dipohon diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu sebanyak RM8,120.1 juta ialah tambahan secara langsung dan RM982.1 juta adalah untuk merekod semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka (CFAW). Sebanyak RM0.3 juta daripada jumlah tambahan ini adalah untuk perbelanjaan tanggungan iaitu Maksud B.T.9 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang telah dikeluarkan melalui waran khas untuk menampung kenaikan gaji dan elaun Ahli SPA.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada jumlah tambahan ini iaitu sebanyak RM6,292 juta atau 69% adalah bagi membiayai peningkatan subsidi barangan petroleum. Jumlah subsidi ini telah meningkat dengan tinggi, berikutan daripada kenaikan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa yang berterusan tinggi sehingga melepasi paras USD 70 setong pada bulan Ogos yang lalu. Mengambil kira peruntukan asal sebanyak 3 bilion ringgit jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi membiayai subsidi petroleum, pada tahun ini adalah sebanyak 9 bilion 292 juta Ringgit. Ini merupakan satu jumlah perbelanjaan yang besar yang ditanggung oleh kerajaan demi memastikan harga runcit petroleum yang dinikmati oleh rakyat tidak terus melambung. Walaupun harga runcit barangan petroleum telah dinaikkan sedikit tahun ini, namun jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan adalah masih sangat besar kerana kenaikan harga minyak mentah adalah jauh lebih tinggi. Namun demikian, atas dasar prihatin akan bebanan yang ditanggung oleh rakyat akibat kenaikan harga petroleum, kerajaan menyerap kenaikan tersebut walaupun jumlah perbelanjaannya adalah sangat besar.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di dalam Fasal 2, Rang Undang-undang adalah untuk maksud-maksud seperti berikut:

(i) RM763 juta untuk maksud B41 - Kementerian Pelajaran iaitu bagi membiayai pertambahan emolumen kerana kenaikan pangkat dan pertambahan perjawatan berjumlah RM700 juta serta untuk membiayai geran bantuan kepada sekolah agama rakyat yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran iaitu RM63 juta;

(ii) RM733.1 juta untuk maksud B12 - Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun iaitu sebanyak RM150 juta. Untuk kumpulan Wang Tabung Pembangunan Kemahiran sebanyak RM68.4 juta. Untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara sebanyak RM91.4 juta. Untuk Tabung Pinjaman Pelajaran sebanyak RM423.3 juta dan untuk Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan badan-badan lain;

(iii) RM524 juta untuk Maksud B42 - Kementerian Kesihatan bagi membiayai Kempen Anti Merokok Tak Nak RM50 juta, program kawalan pencegahan Thalaesemia RM14 juta, pertambahan kos perkhidmatan sokongan hospital RM90 juta, pembelian ubat-ubatan M150.7 juta. Kenaikan elaun kerja lebih masa dan elaun jahitan RM90 juta, serta bagi membiayai operasi hospital dan klinik baru sejumlah RM113 juta;

(iv) RM282.3 juta untuk maksud B26 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah bagi membiayai tambahan pelajar tajaan MARA di dalam dan luar negeri;

(v) RM131.2 juta untuk Maksud B.49 - Kementerian Pengajian Tinggi bagi membiayai tambahan bilangan pelajar bidang perubatan sesi 2005 dan 2006 di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA);

(vi) RM130.9 juta untuk Maksud B6 - Jabatan Perdana Menteri, bagi membiayai imbuhan bulanan kepada Imam masjid khairiyah dan mukim seluruh negara berjumlah RM30.9 juta dan untuk menampung kos operasi Agensi Penguatkuasan Maritim Malaysia berjumlah RM100 juta;

(vii) RM100 juta untuk Maksud B.46 - Kementerian Sumber Manusia bagi membiayai Skim Latihan Graduan Tiga;

(viii) RM98.6 juta untuk Maksud B.62 - Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi membiayai tambahan kos pengurusan Agensi Antidadah Kebangsaan iaitu sejumlah RM45 juta, Polis Diraja Malaysia, berjumlah RM34.2 juta, penjara baru di Kluang dan Tapah berjumlah RM18.4 juta dan Jabatan Pertahanan Awam berjumlah RM1 juta;

(ix) RM22.3 juta untuk Maksud B.45 - Kementerian Belia dan Sukan bagi membiayai kos menaik taraf Pusat Kawalan Doping di Universiti Sains Malaysia sejumlah RM9.5, Program Majlis Kecergasan Kebangsaan berjumlah RM6.8 juta, Program Rakan Muda/Jiran Muda RM5 juta dan Program Penggerak Rakan Muda berjumlah RM1 juta;

(x) RM19.2 juta untuk Maksud B.44 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi membiayai geran kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional, FINAS; dan

(xi) RM5.5 juta untuk Maksud B.30 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, bagi membiayai geran untuk dana *Prospecting Malaysia Industry Government Group of Higher Technologies* (MIGHT).

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2005, adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2005, dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Pindaan 18A Tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu. Dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Dr. Mohd. Fuad.

12.29 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2005. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Yang pertama ialah saya ingin membangkitkan perkara yang terkandung di dalam Maksud B.11, iaitu tambahan sebanyak 6 bilion 292 juta ringgit untuk menampung bayaran subsidi barangan petroleum berikutan peningkatan harga minyak mentah, di pasaran dunia sekarang ini. Sebenarnya rakyat memang menghargai janji kerajaan untuk tidak lagi menaikkan lagi harga minyak sehingga hujung tahun ini. Namun kita tetap tertanya-tanya, iaitu mengenai tahun 2006 dan sentiasa dalam keadaan kebimbangan iaitu tentang kenaikan harga yang bakal berlaku.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dalam isu kenaikan harga petroleum ini, iaitu untuk mengkaji semula skim subsidi sekarang yang hanya lebih menguntungkan kepada golongan yang berada jika dibandingkan dengan golongan yang kurang berada ataupun rakyat miskin. Kita ambil contoh dengan subsidi petrol dan diesel sekarang, pemberian kerajaan kepada rakyat adalah tidak sama rata. Mereka yang berpendapatan mewah dan membawa kereta-kereta besar seperti sedan berenjin 5 liter serta kereta pacuan 4 roda sebenarnya menerima subsidi yang lebih berbanding dengan rakyat terbanyak yang hanya mampu membawa Perodua Kancil

ataupun Proton Iswara. Kita tidak ada sistem yang menghukum mereka yang menggunakan petrol dan diesel yang berlebihan ataupun dengan jumlah yang banyak.

Oleh itu kerajaan patut mengkaji satu sistem yang menggalakkan pengguna menggunakan kereta yang lebih kecil ataupun efisien melalui satu sistem rebat dalam cukai jalan ataupun ke atas setiap pembelian petrol mereka itu. Sistem ini jelas dapat mengurangkan penggunaan kenderaan-kenderaan yang mewah yang malangnya tidak efisien dalam pembakaran petrol dan diesel ini. Di samping itu, pelaburan dan penyelidikan dalam bahan bakar alternatif harus digalakkan oleh kerajaan. Untuk itu pelaburan dalam biodiesel amat dialu-alukan, walaupun kita sedar penghasilan satu prototaip komersial masih jauh lagi.

Namun langkah-langkah yang lain boleh diambil kira, contohnya menggalakkan penggunaan gas untuk kenderaan NGV. Setakat ini beban perkhidmatan ini hanya disandarkan kepada Petronas sahaja dalam memenuhi tanggungjawab tersebut. Adalah wajar jikalau kerajaan menggalakkan syarikat minyak yang lain untuk turut serta mengurangkan kebergantungan negara kita kepada petrol dan diesel.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.12, perkara 4(1) kerajaan telah menambah sebanyak RM150 juta untuk Kumpulan Wang Tabung Kemahiran bagi membiayai pinjaman untuk pelatih MLVK. Di sini saya ingin membangkitkan rungutan para operator program MLVK, khususnya operator-operator kecil dan bumiputera. Ramai daripada mereka yang sudah pun gulung tikar. Alasan mereka ialah cara pemberian pinjaman yang tidak efisien. Sebagai contoh, ada program MLVK tempohnya hanya 6 bulan tetapi kelulusan untuk mendapatkan pinjaman kadang-kadang melebihi tempoh 3 bulan. Ini menyebabkan ramai operator ini sukar untuk mendapatkan pelatih. Jadi saya harap Kementerian Sumber Manusia memberikan perhatian kepada persoalan ini.

Mengenai tambahan sebanyak lebih kurang RM60 juta dalam perkara 4(2), B.12, iaitu membiayai program pembangunan sukan semasa. Saya anggap ini adalah penting dan wajar sekali. Kejayaan atlet kita yang membanggakan di Sukan Sea ke-23 di Manila baru-baru ini dan kejayaan Nicol David sebagai juara dunia memberikan keyakinan kepada saya bahawa Kementerian Belia dan Sukan mampu membangunkan mutu sukan negara jika peruntukan yang lebih diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Sebab itulah saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan iaitu Datuk Azalina Othman di atas kejayaan ini.

Kejayaan ini lebih manis kerana beberapa bidang sukan yang mempunyai peminat yang ramai menunjukkan ada sedikit peningkatan seperti badminton dan sepak takraw. Oleh itu wajar kerajaan menambahkan peruntukan untuk membangunkan jenis-jenis sukan yang mempunyai peminat yang ramai di negara kita, khususnya bola sepak dan hoki yang kita mengharapkan supaya kedua-dua bidang sukan ini mendapat perhatian yang serius daripada kerajaan dan peruntukan yang lebih kerana mempunyai peminat yang ramai dan saya harap ini akan diberikan perhatian oleh kementerian ini.

Walau bagaimanapun saya berharap kerajaan tidak menggalakkan dan tidak menghabiskan wang mengambil atlet-atlet luar yang diberikan taraf kerakyatan ataupun kewarganegaraan seperti mana yang kita lihat berlaku dengan begitu mendadak di negara jiran kita Singapura, hanya semata-mata untuk menambah jumlah pungutan pingat emas yang saya rasa tidak wajar kita turuti dan kita galakan dilakukan di negara kita ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah peruntukan dalam bidang sukan ini saya harap Kementerian Belia dan Sukan memberikan perhatian dalam sukan *futsal* yang semakin mendapat perhatian daripada generasi muda dan kita perlu membanyakkan gelanggang-gelanggang seperti ini yang mana saya fikir ini dapat mempengaruhi golongan belia supaya melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang berfaedah dan menjauhkan mereka daripada aktiviti-aktiviti, dengan izin, *social decadence* ini.

Dalam perkara 4(3) iaitu dalam Maksud B.12 hampir RM91 juta ditambah untuk tabung pinjaman pelajaran bagi membiayai kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar politeknik dan kolej komuniti. Ini juga satu perkara yang baik. Cuma saya ingin tahu jumlah pelajar kolej komuniti yang sudah pun menerima pinjaman tersebut dan sebenarnya saya juga ingin tahu iaitu kerana kita sebelum ini pernah dijanjikan bahawa di setiap Parlimen

akan ada satu kolej komuniti tetapi apa yang kita lihat sekarang ini, perkara ini tidak berlaku sepenuhnya. Ada banyak lagi kawasan-kawasan yang belum mendapat ataupun dibangunkan kolej komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.26, perkara 5(1) iaitu tambahan sebanyak RM257,600,000 untuk pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar tajaan MARA, saya ingin tahu apakah pinjaman ini hanya terhad kepada pelajar-pelajar dalam jurusan-jurusan tertentu sahaja ataupun dalam semua bidang dan saya ingin mencadangkan supaya MARA hanya memberikan pinjaman ini untuk tujuan pengajian di luar negara hanya diberikan kepada mereka yang mengambil bidang-bidang yang kritikal sahaja, bukan dalam bidang-bidang yang lain. Saya berharap untuk membantu MARA untuk mendapatkan jumlah pinjaman yang lebih banyak supaya yang syarikat-syarikat GLC seperti Petronas yang dilaporkan mendapat keuntungan yang besar baru-baru ini supaya mereka juga menyumbang kepada tabung pinjaman MARA ini untuk supaya lebih ramai para pelajar kita mendapat kemudahan pinjaman untuk melanjutkan pengajian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.41, perkara 7.2, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran kerana menyediakan tambahan sebanyak RM63 juta untuk membiayai geran bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat yang didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran. Ini adalah bukti bahawa tidak benar tuduhan yang mengatakan bahawa selama ini kerajaan mahu menutup sekolah-sekolah agama rakyat. Dengan jumlah yang sebegini besar, sebenarnya inilah adalah bukti bahawa kerajaan memang ingin membantu sekolah-sekolah agama rakyat.

Sebab itulah saya merasa hairan sebelum ini pernah berlaku apabila ada pihak yang menampal poster dengan begitu banyak di negeri Johor yang mengatakan bahawa ini projek kerajaan Barisan Nasional, “Satu Lagi Projek Kerajaan Barisan Nasional” iaitu tutup sekolah agama rakyat. Tetapi dengan apa yang berlaku ini adalah bukti bahawa sebenarnya kerajaan adalah adil dari segi membantu sekolah agama rakyat tetapi dengan syarat sekolah agama rakyat ini mestilah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran untuk mudah dipantau dari segi pengajarannya, gurunya, sistemnya dan juga untuk memantau kualiti yang ada di sekolah agama rakyat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua saya membangkitkan perkara ini ialah kerana supaya tadi pun kita berbahas soal iaitu tentang pembangkang dan sebagainya. Saya berharap bahawa di dalam Dewan yang mulia ini apabila kita berhujah, kita mestilah mengemukakan hujah-hujah berasaskan kepada fakta yang benar. Saya ambil contoh tadi seperti mana poster-poster yang dipasang di negeri Johor iaitu “Satu Lagi Projek Kerajaan Barisan Nasional” iaitu tutup sekolah agama rakyat.

Perkara ini berbangkit, ingin saya perjelaskan di sini, perkara ini berbangkit hanyalah semata-mata kerana kekeliruan iaitu bahawa di negeri Johor ini, Kerajaan Negeri Johor memang mewujudkan sekolah-sekolah agama yang ditaja oleh Kerajaan Negeri Johor daripada darjah satu hinggalah darjah enam. Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, daripada RM400 juta belanjawan kerajaan negeri yang diluluskan, RM100 juta diperuntukkan untuk sekolah agama dari segi pengurusannya, dari segi gurunya, dari segi bangunan sekolahnya dan sebagainya. RM100 juta daripada RM400 juta perbelanjaan belanjawan di negeri Johor yang diluluskan setiap tahun adalah untuk sekolah agama dan sistemnya pun hampir sama seperti mana yang diamalkan oleh Kementerian Pelajaran.

Maksudnya kalau di setiap daerah itu ada PPD, Pegawai Pendidikan Daerah maka akan ada juga PPAD, Pegawai Pendidikan Agama Daerah. Dari darjah satu hingga darjah enam kerajaan negeri buat, tetapi yang menengah ini daripada tingkatan satu hinggalah mereka hendak pergi ke luar negara ini dibuat oleh swasta iaitu sekolah-sekolah agama rakyat dan kerajaan negeri tidak buat. Hampir 100% sekolah agama rakyat di negeri Johor ini mendapat bantuan penuh daripada Kerajaan Negeri Johor walaupun ia bukan milik Kerajaan Negeri Johor. Tetapi apabila ada satu sekolah agama rakyat di Tebrau, dia buat yang menengah tetapi yang rendah pun dia buat juga, yang darjah satu hingga darjah enam pun dia buat juga. Sedangkan di kawasan yang sama sudah ada sekolah agama rendah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor.

Sebab itulah kerajaan Johor mengeluarkan satu surat meminta sekolah agama rakyat tersebut menutup yang sekolah rendahnya itu, yang guru pun tidak terlatih, guru pun kurang, bilik darjah pun daif dan sebagainya supaya pelajar itu dihantar di sekolah agama rendah milik kerajaan Johor, tetapi kalau dia hendak terus sambung sekolah menengah, baliklah ke sekolah agama rakyat tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 'dia' yang Yang Berhormat maksudkan itu siapa dia?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang membawa tuduhan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia yang membina sekolah menengah dan juga membina sekolah rendah, siapa tadi?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat katakan dia, dia yang membina sekolah menengah, dia yang membina sekolah rendah, dia itu siapa dia?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Pihak swasta yang memiliki sekolah agama rakyat berkenaan, yang rendah pun dibuat. Sebenarnya yang rendah sudah ada yang dibuat oleh kerajaan Johor. Jadi kerajaan Johor hanya minta yang rendah itu ditutup.

Tetapi surat itulah yang digunakan oleh pihak pembangkang ataupun kerajaan bayangan ini, *shadow government* ini digunakan sebagai bukti bahawa seolah-olah kerajaan Johor ingin menutup sekolah agama rakyat di negeri Johor. Sedangkan kita minta dia hanya tutup yang rendah itu sahaja, masuk sekolah agama kerajaan negeri yang rendah yang sedia ada yang gurunya terlatih, sistemnya lebih teratur, bangunannya lebih baik dan sebagainya. Itu sahaja, tetapi dieksploitasi dan dipergunakan dalam satu perdebatan yang saya lihat melibatkan Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz dengan Ketua Pemuda Parti Pembangkang daripada PAS.

Saya terpaksa sebut ini hanya untuk penjelasan. Untuk membuktikan bahawa sebenarnya tidak timbul pun baik di peringkat negeri Johor, baik di peringkat Kerajaan Pusat tidak ada unsur atau tidak ada usaha pun untuk menutup sekolah agama rakyat.

Dengan adanya tambahan sebanyak hampir RM63 juta. Ini penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Cuma dalam soal ini...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat, Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Maknanya tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh kerajaan menunggukah ataupun pembangkangkah adalah satu fitnah bahawa kerajaan ingin menutup sekolah agama rakyat ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, memang sebenarnya satu fitnah, ia bukan satu fakta yang betul sebab pada hari ini kita lihat buktinya iaitu bahawa kerajaan menambahkan satu peruntukan tambahan sebanyak RM63 juta untuk...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ...untuk membiayai sekolah rakyat ini. Sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat, pada akhir tahun 2003, dalam Dewan yang mulia ini pernah dinyatakan oleh wakil daripada kerajaan sendiri bahawa Kementerian Pendidikan tidak berhasrat, dalam satu persoalan, tidak berhasrat untuk membantu sekolah-sekolah agama rakyat, terutamanya dari negeri Kelantan kerana pada tahun tersebut telah ditarik balik bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat. Saya tidak tahu mungkin hanya sekolah agama rakyat di negeri Kelantan.

Jadi saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat, adakah geran sebanyak RM63 juta ini, termasuk geran sekolah agama rakyat yang memang didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran, kalau dibangkitkan mengenai dengan sekolah agama rakyat di Kelantan. Dan, saya juga ingin tahu adakah sekolah agama rakyat di negeri Johor juga menerima geran perkapita dari Kementerian Pendidikan, selain daripada menerima bantuan yang biasanya daripada Kerajaan Negeri Johor itu sendiri. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, dia ada dua isu yang berbeza di situ. Isu yang pertama ialah dari segi bantuan per kapita. Yang kedua isu menutup sekolah agama rakyat. Soal menutup sekolah agama rakyat tidak timbul. Yang dibangkitkan, yang dihebohkan, yang dihujahkan, yang diperbahasakan ialah kerajaan adalah zalim kerana menutup sekolah agama rakyat. Yang ini yang tidak betul. Soal per kapita, kerajaan hanya meminta supaya sekolah agama rakyat ini berdaftar dengan Kementerian Pelajaran untuk mereka disambung semula untuk menerima bantuan ini. Tetapi yang tak nak daftar, yang rasa ego, yang dia rasa dia hebat dan sebagainya, kerajaan tidak akan beri bantuan. Yang ini sepatutnya dibezakan.

Tetapi di negeri Johor, yang sekolah menengah, sebab itu saya nak nyatakan di situ, bahawa kebanyakan tokoh-tokoh agama Johor ini, mereka ini walaupun berkelulusan daripada Al-Azahar dan sebagainya.. Mereka belajar sekolah agama, darjah 1 hingga darjah 6 di sekolah agama kerajaan Johor. Kemudian bila sekolah menengah mereka masuk sekolah agama rakyat. Tidak timbul masalah sebenarnya, kemudian mereka habis hendak pergi Al Azahar pergilah.

Sebab itu kalau dilihat, di negeri Johor, sekolah agama rakyat yang menengah ini, dari segi bangunannya, dari segi guru, bayar gaji pun dibayar oleh Kerajaan Negeri Johor. Tidak timbul soal perkapita dari Kerajaan Pusat. Sebab itulah apabila dulu Kerajaan Pusat mencadangkan, semasa bekas Menteri Pelajaran dulu, iaitu Khir Johari, dia mengatakan bahawa kita mesti mengamalkan sekolah satu sesi saja iaitu pelajaran agama diajar di sekolah kebangsaan. Jadi, semua sekolah agama di negeri-negeri mesti tutup, yang sesi petang ini. Hanya Johor sahaja yang tidak menutup, sebab ketika itu kebetulan, Menteri Besar Johor adalah bekas Mufti Johor maka dia membantah dan tidak mengikut arahan itu. Sebab itulah di Johor hingga ke hari ini, sekolah agama rendah ini, darjah 1 hingga 6 masih wujud. Itu Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tetapi cuma dalam soal tambahan perbelanjaan ini, saya cuma sedikit dukacita, kenapa tidak ada peruntukan tambahan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar, yang masih berhadapan masalah-masalah bekalan elektrik awam dan bekalan air awam ini. Ini banyak, bahkan Menteri Pelajaran sendiri mendedahkan, hampir 700 buah sekolah yang masih tidak dapat bekalan elektrik awam dan mengapa perkara ini berlanjutan dan tidak diselesaikan pada tahun 2005 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di sini iaitu tambahan perbelanjaan di bawah Maksud B.42 untuk Kementerian Kesihatan. Sebanyak RM10 juta dibelanjakan untuk membiayai kempen anti merokok "Tak Nak". Saya ingin tahu, dengan perbelanjaan yang begitu besar, apakah kempen ini berjaya atau tidak berjaya. Saya dapati syarikat-syarikat pengeluar rokok masih melakukan eksploitasi sebenarnya terhadap perokok-perokok di negara kita.

Kita ada sejenis rokok yang disebut sebagai *'Marlboro Light'*, kononnya kurang sedikit dia punya candu, dadah dan sebagainya, *Malboro Light*. Ini sebenarnya bentuk eksploitasi. Bagi saya, soal kempen, kempen, tapi penguatkuasaan. Kadang-kadang bagi saya Tuan Yang di-Pertua, kotak rokok itu bila ada label pun 'Amaran Kementerian Kesihatan', ia hanya satu gimik yang tidak diperlukan, yang hanya dipergunakan oleh pengeluar rokok. Dia kata dia dah beri amaran, orang nak beli rokok beli juga.

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa perkara ini harus di lihat, soal kempen ini, di samping penguatkuasaan. Kadang-kadang saya lihat di Parlimen kita ini, minta maaflah, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau yang merokok dan sebagainya, masih bebas merokok. Kita di Dewan yang mulia membahaskan persoalan ini tetapi ada lagi, maksudnya orang-orang bebas merokok di kawasan Parlimen. Jadi sebab itu, saya harap kita mesti mengamil...

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih. Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat mengenai rokok sebab saya tidak hisap rokok. Di antara perkara yang saya lihat, berkemungkinan, kerana harga rokok sekarang ini terlalu rendah yang boleh dibeli oleh anak-anak sekolah. Walaupun cukai baru-baru ini dinaikkan 5%, harga ini membolehkan mereka membeli rokok. Jikalau dapat kita cadangkan supaya

harga rokok ini dinaikkan ke maksimum mungkin, berkemungkinan berkurangan di kalangan mereka yang merokok. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan telah pun menaikkan cukai rokok dalam bajet baru-baru ini sebanyak 13% tetapi ada juga di kalangan kita yang merungut. Dan, yang lebih mendukacitakan ialah ada pula pihak, tokoh korporat, bila saya baca ulasan mereka tentang kenaikan cukai rokok 13% dan arak 9%, dia kata ini boleh membantut industri pelancongan di negara kita. Saya tidak faham maksudnya kenapa dia berhujah sedemikian, apa pentingnya, maksudnya apakah pelancong itu datang kerana hendak beli rokok yang murah harganya di negara kita ataupun hendak minum arak semata-mata. Saya tidak fikir begitu, tetapi itulah antara hujah-hujah yang negatif yang dikemukakan akibat daripada tindakan kerajaan. Saya harap tahun hadapan, Bajet 2007 cukai rokok naik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin tadi, saya memang ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa jika sekarang ini masanya, kita mesti membuat satu peraturan dan undang-undang yang lebih ketat iaitu rokok tidak boleh di jual di gerai-gerai, restoran ataupun kedai-kedai runcit yang kecil-kecil ini, kerana ini memberi kemudahan kepada anak-anak muda untuk membeli rokok. Yang kedua, kita juga mesti membuat peraturan bahawa anak-anak yang dua puluh tahun ke bawah, kalau hendak beli rokok mesti tunjuk IC, kad pengenalan.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat sekarang berucap tentang rokok, tetapi apakah pandangan Yang Berhormat, di Kelantan kita menggalakkan orang menanam tembakau dan juga di Sabah. Bagi saya, seolah-olah kita ini hipokrit, di satu ketika kita kata jangan merokok tetapi di Sabah, di Kelantan kita galakkan menanam tembakau. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Dr. Haji Mohd. Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, ini memang susah saya nak jawablah, memang susah saya nak jawab, tetapi kalau Yang Berhormat hendak tanya ikhlas daripada saya, memang saya tidak setuju, saya memang tak setuju.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun].*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sila Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat, sebab menyentuh soal Kelantan saya tersentuh, saya bangun. Sebenarnya rokok yang Yang Berhormat mengatakan kerajaan Kelantan menggalakkan, saya rasa itu satu yang tidak benar. Sebab kita ada Lembaga Tembakau Negara yang di bawah Kerajaan Persekutuan itu sendiri. Sebenarnya Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dan kerajaan Kelantan tidak pernah menggalakkan dalam isu ini. Jadi persoalan yang ada di depan sekarang ialah kita kena bekerjasama, kalau selagi lesen menjual rokok diberi, kempenlah berjuta-juta masalah kita tidak akan selesai. Dan, kita lihat daripada penyakit akibat daripada merokok, kita lihat ribuan pesakit yang dimasukkan ke hospital yang melibatkan jutaan kos kesan akibat daripada merokok. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang isu ini? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya berbalik kepada hujah asal saya iaitu bahawa saya memang mengharapkan kerajaan mesti mencari pendekatan yang lebih konkrit, bagaimana kita ingin memberi tahu kepada rakyat bahawa rokok ini adalah berbahaya kepada kesihatan. Kempen Anti Merokok...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebentar Yang Berhormat. Sebab itulah saya mempersoalkan apakah kempen anti merokok 'Tak Nak' ini berkesan atau pun tidak. Kalau hendak dijawab persoalan Datuk Karim tadi memang saya merasakan bahawa industri tembakau di negara kita ini harus dilihat kembali. Dan kita juga kena lihat, pengeluar-pengeluar ataupun pengusaha-pengusaha tembakau ini tidak mengeksploitasi kita dengan sewenang-wenangnya dengan menggunakan satu jenama rokok untuk membuat kerja-kerja kebajikan yang menyebabkan kita terkeliru, itu yang pertama.

Yang kedua ialah penguatkuasaan undang-undang tadi. Saya memang amat bersetuju jika sekiranya kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas. Contohnya tadi saya katakan, mereka yang berumur 20 tahun ke bawah ini, hendak beli rokok di kedai-kedai kena tunjuk IC, supaya jangan nanti yang 10 tahun beli, yang 15 tahun beli, 16 tahun beli dan sebagainya. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat iaitu saya katakan bahawa kerajaan telah belanjakan berjuta-juta ringgit untuk kempen 'Tak Nak' merokok, iaitu kempen ini tidak berjaya dan kerajaan hanya membazirkan begitu besar wang untuk 'Tak Nak' merokok ini. Ini kerana macam Yang Berhormat kata tadi penguatkuasaannya tidak dilakukan. Kalau kita belanja duit untuk kempen 'Tak Nak' merokok tapi *the other side* penguatkuasaannya, kita tidak buat. Seperti budak-budak, kanak-kanak 10 tahun, 11 tahun boleh beli rokok, di mana sahaja. Lihat 7-Eleven, buka sampai pagi, 24 jam, kanak-kanak yang bawah umur boleh beli apa saja di situ. Ini saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, penguatkuasaannya mesti dilakukan. Kalau tidak, bagi saya kempen 'Tak Nak' merokok ini tidak berjaya, membazirkan wang kerajaan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaflah kepada rakan-rakan yang menghisap rokok, tetapi jelas diperkatakan, sudah banyak diperkatakan tentang bahaya merokok. Nasihat saya berhenti merokok, berhenti merokok. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, bahawa dari segi agama sendiri pun sebenarnya sudah dinyatakan dengan jelas iaitu setiap yang mudarat itu adalah haram dan doktor-doktor baik doktor yang bukan Islam pun sudah mengesahkan bahawa orang yang merokok ini banyak kesannya, keburukannya.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat, boleh minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, okey.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Saya nampak Yang Berhormat bersungguh-sungguh hendak melihat tiada lagi yang merokok. Apa kata, kalau kita pergi lebih jauh, saya mencadangkan dan Yang Berhormat saya rasa boleh bersetuju, kita mencadangkan kepada kerajaan supaya mengharamkan rokok di negara kita ini. Selesai masalah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Itu satu cadangan, memanglah dianggap sebagai *extreme*, kalau boleh dilaksanakan, baik, cuma saya kata bahawa penguatkuasaan ini harus di lihat balik, sama ada kita serius atau tidak. Kita ambil contoh, syarikat MAS, penerbangan kita, bahkan bukan setakat penerbangan MAS, penerbangan antarabangsa pun, yang dimiliki oleh Amerika dan sebagainya, tidak boleh hisap rokok dalam kapal terbang. Dulu orang macam marah tetapi akhirnya orang ikut, orang tidak merokok, walaupun ada yang mencuri-curi merokok dalam tandas kapal terbang, mereka diambil tindakan.

Jadi, sebenarnya boleh dilakukan, jika kita serius dalam melaksanakan penguatkuasaan ini. Jadi sebab itulah, mungkin belum sampai kepada peringkat mengharamkan, tetapi penguatkuasaan itu harus dilihat balik, supaya Tuan Yang di-Petua, usaha kita untuk menjayakan kempen anti rokok dan kalau boleh sekali kempen anti minum arak ini, yang sebenarnya memang langsung tidak mendatangkan faedah kepada kita semua. Sila.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kempen 'Tak Nak' ini, kita melihat bahawa ini satu fenomena yang begitu tidak baik kepada yang tidak kita nak sesuatu. Dalam kita menuju ke arah ini, kita melihat bahawa kita hendak sesuatu - sampai rakan saya mengatakan bahawa kita haramkan. Ada yang mengatakan supaya kita tidak tanam tembakau dan sebagainya. Dalam tindakan-tindakan seperti ini akan membawa sesuatu yang baru iaitu naluri manusia yang sedia ada itu nak tahu pada masa-masa yang akan datang, apakah rasanya rokok.

Sebab itu apabila kita mengharapkan sesuatu, contoh saya beri, contoh sebagaimana kita katakan pornografi. Apabila satu ketika dulu pornografi di lihat sebagai satu benda yang tidak baik, haram dan sebagainya, ia menjadi naluri kepada budak-budak untuk mengintai, apakah pornografi itu?, ada filem itu, ini dan sebagainya. Begitu juga

dengan rokok, pada satu ketika nanti, ianya akan timbul satu fenomena, bahawa manusia ini ingin hendak mengetahui, apakah rasa rokok, rasa cerut dan sebagainya, sehingga yang haram itu akan dicuba, kalau kita isytiharkan ia sebagai haram.

Begitu juga dengan keadaan-keadaan yang lain, seperti yang dikatakan, kalau kita tidak beri tanaman ini kepada penanam-penanam tembakau. Ia akan diisi oleh pengusaha-pengusaha negara lain, seperti Thailand, Indonesia dan sebagainya. Ia juga memberi satu kesan negatif terhadap ekonomi yang akan diisikan oleh negara-negara lain. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Petua, saya sebenarnya tidak bersetuju dengan pandangan tersebut iaitu apabila kita melakukan sesuatu tindakan yang tegas, seperti pengharaman rokok, pornografi dan sebagainya menyebabkan manusia akan lebih kuat nalurinya untuk hendak tengok pornografi ataupun nak merokok dan sebagainya. Saya tak fikir begitu. Saya tidak tahulah kalau satu kajian yang khusus yang mengatakan bahawa apabila kita sekat sesuatu perkara, maka manusia itu lebih kuat naluri dan keinginannya untuk melakukan perkara tersebut dan mencuba perkara tersebut, seperti dadah dan sebagainya, saya tidak fikir begitu dan saya tidak bersetuju dengan pandangan yang sedemikian sebenarnya.

Saya juga tidak bersetuju sekiranya kita tutup industri tembakau, maka ia membawa kesan buruk kepada ekonomi negara kita. Seperti juga dulu banyak orang mengatakan bahawa bila kita tutup Loteri Kebajikan Masyarakat yang dibuat oleh Kementerian Kebajikan, maka kerajaan akan menghadapi masalah kekurangan wang dan sebagainya. Saya tidak fikir begitu sebenarnya, itu hanyalah satu hujah yang dangkal, bahkan lebih banyak kebaikan sebenarnya iaitu apabila kerajaan sendiri tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti perjudian seperti Loteri Kebajikan Masyarakat. Dan, sebab itu saya, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu asal saya iaitu kalau kerajaan ingin meneruskan pun kempen anti merokok ini, perlu dicari satu pendekatan yang bukan sambil lewa, yang hanya menghabiskan wang tetapi tidak membawa sebarang kesan. Saya minta Kementerian Kesihatan khususnya, untuk memaklumkan kepada kita, setakat ini kempen anti merokok 'Tak Nak' ini berjaya atau tidak berjaya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk sekejap, kerana masa dah cukup. Saya tangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang.

Dewan ditempohkan pada jam 1.04 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi sambung ucapan.

2.33 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung kembali perbahasan saya terhadap Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005 khususnya yang berkaitan dengan tambahan perbelanjaan sebanyak RM10 juta untuk Kempen Anti Rokok ataupun Tak Nak.

Tuan Yang di-Pertua, di sesi pagi tadi saya membangkitkan soal perbelanjaan sebanyak tambahan RM10 juta ini iaitu berkaitan dengan keberkesanan Kempen Anti Merokok yang sudah pun dilaksanakan sebelumnya. Apa yang kita dapati ialah bahawa kempen ini seolah-olah tidak berjaya, terutamanya dari segi kempen menggunakan media-media seperti televisyen kita yang masih tidak begitu berkesan dan tidak begitu efektif, yang tidak memberikan sebarang kesedaran pun kepada orang ramai khususnya anak-anak muda kita ini. Oleh itu saya ingin mencadangkan bahawa jika sekiranya kita ingin meneruskan Kempen Anti Merokok ini, maka perlulah dibuat satu kajian yang lebih teliti iaitu bagaimanakah kempen yang lebih berkesan sebenarnya, terutamanya di TV kita.

Sepatutnya di TV kita itu ditunjukkan apakah kajian-kajian saintifik, bukti-bukti saintifik yang membuktikan bahawa orang yang merokok ini benar-benar membawa kesan buruk kepada kesihatannya, kepada paru-parunya dan sebagainya bukan setakat letak *billboard* yang besar, Kempen Anti Merokok ataupun Tak Nak, tetapi tidak ada satu kesan psikologi kepada orang ramai terhadap kesan buruknya apa tah lagi kepada pelajar-pelajar sekolah. Oleh kerana itulah,...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan sahabat saya yang bercakap mengenai Kempen Anti Merokok yang mana kita tahu perbelanjaan tambahan sebanyak RM10 juta yang telah diberi kepada Kempen ini. Masalah Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kalau kita hendak buat Kempen Anti Merokok ini, kita kena ada *starting point*, di mana kita hendak mulakan Kempen Anti Merokok, bukan dengan slogan, bukan dengan *advertisement*, hanya hendak bagi tahu Kempen Jangan Merokok.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kita lihat di sini, apabila kita mengadakan/mengenakan cukai untuk kenaikan harga rokok, naik pun tidak banyak, pelajar-pelajar sekolah mampu beli, anak-anak muda mampu beli. Bagaimana kita hendak buat kempen, sedangkan harga menjual rokok begitu murah, hingga membolehkan remaja-remaja membeli bukan sahaja di kedai-kedai malah 7-Eleven, Tuan Yang di-Pertua yang menjual 24 jam, jual rokok, dia tidak kira umur, boleh beli. Hari ini bagi RM10 juta suruh buat kempen. Saya rasa tidak ada makna. Setakat kalau kita hendak buat kempen untuk ambil syarat hendak mengadakan Kempen Anti Merokok, tetapi sebaliknya kita menjual rokok berleluasa. Remaja-remaja sekolah, kalau kita minta Kementerian Pelajaran kalau boleh bagi kat kita terperinci berapa penangkapan remaja-remaja di sekolah yang hisap rokok, saya rasa banyak Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita kena ajar mekanisme, bagaimana hendak buat cara Kempen Anti Merokok, RM10 juta kita belanjakan, dia macam buang air macam itu sahaja.

So, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, kita kena ada *starting point.* Dalam Dewan ini saya rasa ramai juga rakan-rakan kita yang hisap rokok. Kita hendak buat kempen tetapi kita dok hisap rokok, macam mana kita hendak kempen hendak bagi tahu kepada orang ramai sebab merokok ini membahayakan kesihatan. Saya bersetuju dengan sahabat saya Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Beliau ada bagi pandangan, apakah kalau boleh kita haramkan sahaja rokok ini. Kalau dadah kita boleh haramkan, kenapa? Saya pun tidak nampak. Kalau kita naik kapal terbang hari ini, kita pergi ke luar negara, tidak pun hisap rokok. 'No Smoking' atas kapal terbang, lapan jam, 12 jam, 15 jam. Semua boleh tidak hisap rokok. Kenapa semua orang boleh dengar. 15 jam daripada Kuala Lumpur pergi London, tidak hisap rokok. Jadi tidak ada makna kita bagi peruntukan RM10 juta tidak kan hendak buat slogan Kempen Anti Merokok. Kita tidak menerangkan bahayanya merokok dan kenapa kita biarkan seluruh negara kita jual rokok di 7-Eleven berleluasa tanpa sekatan. Setakat bubuh poster umur 18 tahun ke atas boleh beli, kalau Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan pergi ke bawah pergi tengok umur 12, 13 dan 14 boleh hisap rokok.

So, kita kena buat kajian terperinci, kalau boleh saya cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, semua Yang Berhormat dok ada ini, pegawai-pegawai kerajaan ini kita berhentikan rokok, kita jalan, kita dahulu, barulah kita hendak berkempen pasal Anti Merokok, kita yang dok merokok, lepas itu kita hendak Kempen Jangan Merokok. Kalau boleh kita mula dengan Tuan Yang di-Pertua kita hendak ikut. Kawan-kawan saya cerita Tuan Yang di-Pertua pun sekali sekala merokok juga. Jadi bukan apa, benda ini dia membahayakan, anak-anak tengok kita merokok, kita ini contoh, kita hendak jadi contoh, tetapi kita dok merokok.

Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak merokok. Arwah bapa saya merokok satu hari dua kotak. Tetapi anak dia seorang pun tidak merokok. Di rumah, saya bagi tahu anak-anak saya tentang bahaya merokok. Kadang-kadang kawan mai rumah Tuan Yang di-Pertua, dia merokok. Lepas dia balik anak tanya dekat saya, kenapa kawan bapa boleh hisap rokok, bapa kata ini bahaya semua segala-galanya.

Inilah masalah kadang-kadang kita sendiri, apabila kita pergi rumah seseorang, dia tidak tahu, kita hendak bagi tahu kawan kita pun, nanti dia kecil hati. Alah, kita mai hendak dok sembang, hendak hisap rokok. Masalah ini kita kena bermula daripada diri kita dan semua kena ambil tanggungjawab. Ini masalah serius, kalau kita pergi di peringkat sekolah, remaja ramai berleluasa Tuan Yang di-Pertua sehingga ada wanita pun merokok. Saya tidak tahu dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, 'Oh, sudah berhenti, alhamdulillahlah Tuan Yang di-Pertua'. Yang Berhormat Dato' Rhina Dato' Rhina Bhar sudah berhenti, inilah kita bermula dari sini. Jadi kalau sokongan semua pihak, kerajaan tidak payah belanjalah duit, hendak belanja kempen, kita sendiri sama-sama kita, kita boleh jimat.

Menteri-menteri juga mesti menunjukkan teladannya sebab ini melibatkan kerajaan. Kalau ada menteri yang merokok dia pun kena berhenti merokok dia tidak boleh merokok ini. Saya pun hairan kenapa susah sangat nak berhenti merokok ini. Kalau bulan puasa sebulan kita berpuasa, sebulanlah kita tidak merokok. Macam kita naik kapal terbang... katakanlah kita hendak pergi Amerika hampir 13 jam perjalanan, boleh kita berhenti merokok. Tetapi bila kita buat kempen anti-merokok susah sangat kita hendak ikut apa yang sudah kita perkatakan ini bahkan sebab itulah saya mempersoalkan RM10 juta ini keberkesanannya. Gunakan perkataan "Tak Nak" langsung tidak mencuit *psychology* kita untuk berhenti merokok. Kadang-kadang anak-anak muda dan anak-anak yang remaja ini dia pun tidak faham sebenarnya kerana kempen itu tidak berkesan.

Soal mesti bermula di dewan parlimen ini saya setuju bahkan saya juga ingin mencadangkan bahawa kalau di lapangan terbang ada kawasan tempat merokok, kita tutup sahaja kawasan tempat yang membenarkan kita merokok, langsung tidak boleh ada sekarang, tidak ada lagi kawasan bilik khas untuk tempat merokok, tutup sahaja tidak payah lagi, tidak perlu lagi. Kalau tidak, kita ini tidak serius Tuan Yang di-Pertua.

Bukanlah kerana saya ini tidak merokok maka saya tidak bersimpati dengan yang merokok tetapi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali tadi, iaitu bahawa dari segi harga rokok pun kalau boleh naikkan berganda, kalau sekarang harganya RM10 jadikan RM20, biar mahal sebab ini satu cara bagi saya untuk kita mengurangkan orang yang menghisap rokok.

Saya pernah diberitahu oleh seorang pemimpin dengan izin saya sebut namanya di sini iaitu Tan Sri Osman Saad bekas menteri besar Johor. Saya dua, kali berkunjung ke rumah beliau meminta pandangan dan nasihat daripada beliau sebagai orang yang berpengalaman dalam politik dan sebagainya.

Saya tengok dia sudah tidak merokok, saya tanya dia Tan Sri sudah berhenti merokok kah atau tidak, dia kata dia sudah berhenti, dia kata Fuad pembohong besarlah kalau orang itu kata dia tidak boleh berhenti merokok, dahulu dia kata dia menghisap rokok satu hari 100 batang. 100 batang Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia boleh berhenti merokok jadi sebab itulah saya hairan jika sekiranya kita tidak boleh berhenti merokok. Kalau dia hisap 100 batang sehari, saya tidak tahulah kalau dia bohong saya tetapi sebagai seorang bekas pemimpin Tan Sri Osman Saad, saya yakin dia tidak berbohong kepada saya sebab memang di pejabat Menteri Besar itu pekerja-pekerja lama yang masih bekerja di situ beritahu saya memang Tan Sri Osman Saad ini merokok sahaja tetapi dia boleh berhenti Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itulah jika sekiranya kita dapat melakukan ini kepimpinan melalui teladan saya yakin ramai orang akan berhenti merokok sebenarnya. Dalam soal kempen ini saya berharap tidak hanya setakat Kementerian Kesihatan kena lihat bahawa tidak hanya setakat soal rokok, arak pun kita kena ada kempen, anti minum arak ini sebab saya menganggapkan…

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebentar ya Yang Berhormat, saya berhujah bahawa dia tidak membawa sebarang faedah pun kepada kita sebenarnya soal arak, soal rokok dan sebagainya. Sebab itulah tadi apabila Yang Berhormat Datuk Rashid Ngah menyebut haramkan sahaja rokok, saya mungkin tidak se *extreme* begitu tetapi dia boleh kita mulakan dengan mengharamkan tempat-tempat yang membenarkan kita merokok iaitu

ruangan-ruangan khas dan sebagainya. Sebab itu saya cuba berhujah tadi bahawa dari segi Islam pun dalam kaedah usulnya iaitu setiap yang mudaratkan itu adalah haram. Sedangkan para doktor Amerika kah, Rusia kah orang putihkah dan sebagainya memang sudah membuktikan rokok ini mudarat dan membawa kesan kepada kesihatan. Oleh kerana dalam hal itu kaedah usulnya sudah begitu jelas yang mudarat itu haram sebenarnya haram. Patutnya kita ini yang memulakan diri kita tidak payah merokok. Sila Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, begitu tegas dengan pendirian dan juga kempen anti merokok. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya dalam membahaskan usul ini.

Ya Yang Berhormat kita kena faham bahawa masyarakat yang merokok bukanlah terdiri daripada masyarakat orang Islam, maknanya semua termasuk orang Asli yang merokok. Begitu juga dengan minuman, walaupun kita Islam ada juga yang minum minuman keras. Pada saya cadangan untuk memberhentikan ini memang satu yang agak *extreme*, macam orang yang bercinta hisap rokok ini. Apabila dia tidak hisap rokok ini kalau dia tidak dapat hisap rokok, saya pun tidak tahu, tanyalah perokok-perokok yang tersebut, itu contoh-contoh. Tetapi bagi orang yang perokok ini dia tidak makan pun tidak apa, jadi bagaimana kita nak mengatasi keadaan ini?

Saya punya pandangan Yang Berhormat, bolehkah pihak Kementerian Kesihatan mengkaji semula kandungan rokok itu, nikotin nya yang begitu banyak kalau kita boleh tengok dan kalau kita hisap sekali, taruh dekat tangan kita pun melekat dan kempen kita pun banyak Yang Berhormat tentang bagaimana gejala rokok ini boleh memudaratkan kesihatan. Sudah banyak keluar televisyen, sudah keluar dalam mas media ini sudah berlambak, semua orang tahu, kanak-kanak sekolah pun tahu, sudah ada dua ratus dalam rokok itu.

Malah dalam tar yang tepi jalan itu pun ada termasuk dalam kandungan rokok itu. Jadi saya fikir kementerianlah diberi cara bagaimana dia dapat mengurangkan nikotin dalam rokok itu atau dibubuh sedikitlah supaya ketagihan itu makin dia melihat rokok dia hisap lama-lama dia rasa tawar, dia rasa benci, dengan sendirinya hilang. Itu satu cara kalau boleh. Kalau kita nak mempertahankan nak buang itu kemudian kita nak kata sekat penanam tembakau, ini ekonomi seseorang kalau kita tahan dia menanam tembakau nanti macam mana sumber pendapatannya. Kalau boleh penanam tembakau ini tanam tak jadi masalah selepas itu kita eksport tembakau itu. Tak perlu banyak-banyak kita tak beri orang tanam tembakau tetapi kita beri sumber dia untuk mencari rezeki. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya pun difahamkan ada orang menyatakan sebenarnya merokok ini lebih pada psikologi. Tak ada apa pun sebenarnya, sama ada kita nak kurangkan dia punya nikotin sebab saya tak merokok, jadi saya tak berapa nak tahu sangat. Nak kurangkan daripada 50 peratus kepada satu peratus itu mungkin satu alternatif, tetapi saya difahamkan merokok ini sebenarnya psikologi kalau kita nak berhenti kita teringat rokok ambil pen hisap pen mereka kata. Akhirnya kita tak jadi nak ambil rokok sebab pen itu pun kita dah boleh hisap.

Sebab dia kata psikologi sahaja. Sebab itu saya kata bukanlah satu perkara yang sukar sebenarnya seperti mana saya katakan tadi bahawa kita boleh berhenti merokok sebulan semasa bulan puasa. Jadi apa masalahnya untuk kita nak berhenti terus daripada merokok. Soal tembakau tadi, kita boleh bantu sebab dengan aktiviti pertanian yang lain beri mereka alternatif kalau kita nak berhentikan penanaman tembakau ini. Bukanlah maksudnya kita ini bersubahat pula tanam tembakau eksport bagi kepada negara lain biarlah negara lain merokok, tetapi kita boleh cari alternatif yang lain kepada penanam-penanam tembakau ini .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mohon izin. Saya ingin tahu berapa Ahli Yang Berhormat yang nak berucap dalam masalah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005 ini, sila berdiri.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Bangun]*

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya difahami bahawa kerajaan bercadang untuk menjawab dan menggulung pada hari ini juga, adakah ini benar Yang Berhormat? Terima kasih dan sekiranya rang undang-undang ini dibereskan sebelum pukul 5.30 bermakna kerajaan perlu bersedia untuk membentang Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005. Saya difahami kerajaan masih belum bersedia untuk membentangkan rang undang-undang tersebut. Maka saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili kerajaan di sini supaya dapat kita habiskan rang undang-undang ini tepat pada pukul 5.30 petang. Sekiranya tidak kerajaan perlulah bersedia untuk membentang Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005. Terima kasih, sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya pun hanya tinggal satu dua perkara lagi yang untuk dibahaskan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua mengenai Kempen Anti Merokok ini saya harap kerajaan nilai balik keberkesanannya iaitu...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna kalau Yang Berhormat masih ada satu dua perkara sahaja lagi dan ada dua sahaja hari yang nak berucap, pihak kerajaan perlulah bersedia untuk membentang Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005 pada petang ini juga.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ada banyak perkara yang saya ingin bangkitkan mungkin saya perlu satu jam atau satu jam lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap janganlah sehingga Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat menggulung dan menjawab pada petang ini juga.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memastikan cukup masa diberikan.

Tuan Yang di-Pertua : Sila Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin mempertegaskan lagi iaitu bahawa Kempen Anti Merokok ini perlu dinilai kembali keberkesanannya dan saya harap ia mestilah bermula daripada Dewan yang mulia ini dan tindakan tegas mesti diambil kepada mereka yang tidak mematuhi peraturan-peraturan larangan merokok di tempat-tempat yang tertentu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin membangkitkan soal tambahan perbekalan kepada Kementerian Kesihatan mengenai dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di klinik-klinik khususnya di luar bandar. Saya ingin bangkitkan di sini ialah ada klinik yang terpaksa berkongsi ambulans untuk menghantar pesakit jika berlaku kecemasan dan sebagainya, dan ini sebenarnya menyulitkan dan ini patutnya diberi perhatian berasaskan kepada pertambahan perbelanjaan untuk peralatan dan kemudahan-kemudahan di klinik-klinik ini.

Di samping itu saya juga ingin membangkitkan di sini tentang kemudahan untuk katil bersalin di klinik-klinik yang boleh kita kategorikan berada di kawasan luar bandar ataupun daerah kecil ini, terlalu banyak kekurangan. Beberapa kali kita dah memohon bantuan dan sebagainya supaya diberi perhatian tetapi tidak ada tindakan. Jadi oleh sebab itulah saya mengharapkan bahawa dilihat secara keseluruhan kemudahan-kemudahan yang ada di klinik di luar bandar ini khususnya yang berkongsi kemudahan ambulans ini untuk menghantar pesakit ke hospital-hospital di bandar jika berlaku kecemasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai geran tambahan sebanyak RM19 juta kepada FINAS ataupun Perbadanan Filem Nasional ini di bawah Perkara B.44. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya melihat bahawa industri perfileman di negara kita ini masih jauh ketinggalan dan kita harus memberikan perhatian kerana filem juga adalah merupakan satu media yang penting sebenarnya untuk kita membawa unsur-unsur pendidikan, pengajaran dan sebagainya untuk pembinaan bangsa

tetapi kebanyakan filem-filem kita sekarang ini sudah tidak bermutu. Nama sahaja hebat tetapi dari segi kandungannya tidak ada apa dan saya pun hairan ada filem yang dinobatkan memenangi berbagai-bagai hadiah, tetapi apa yang kita tahu di kalangan mereka yang terlibat dalam industri perfileman ini ialah cara memberikan hadiah kepada filem-filem yang menang itu pun sebenarnya berlaku rasuah, pilih kasih dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini ialah saya ambil contoh, saya mengambil contoh filem seperti Puteri Gunung Ledang. Saya melihat, menonton filem ini semasa tayangan perdananya, setengah jam 30 minit saya duduk itu melihat filem tersebut selepas itu saya keluar kerana dari awal-awal lagi sudah saya merasakan bahawa berlaku pencemaran terhadap sejarah kita sendiri terhadap filem tersebut yang mana benar-benar melakukan eksploitasi terhadap nama Puteri Gunung Ledang kemudian dimomokkan dengan perbelanjaan RM20 juta, tetapi tidak membawa sebarang pengajaran dan tidak ada kualiti pun yang dibangga-banggakan oleh media dan sebagainya. Sebab itulah saya berharap FINAS...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat cerita Puteri Gunung Ledang ini *legend* atau *history?*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Kalau *legend* satu legenda berdasarkan kepada sejarah Melayu. Tuan Yang di-Pertua tetapi itu pun ditokok tambah seperti katalah percintaan Hang Tuah yang kita lihat sebagai seorang hulu balang, pahlawan tetapi akhirnya menjadi seperti pondan setelah dia kecewa percintaannya dengan Puteri Gunung Ledang yang sengaja diada-adakan. Tidak timbul pun bahawa Hang Tuah ini bercinta dengan Puteri Gunung Ledang yang didatangkan daripada Jawa.

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua yang Yang Berhormat sebutkan tadi itu Puteri Gunung Ledang dan Hang Tuah adakah *legendary figure* atau *historical fact?*

Tuan Yang di-Pertua, ada ahli-ahli sejarah, tokoh-tokoh budayawan Melayu melihatnya sebagai satu sejarah. Ada yang berhujah bahawa kehebatan Hang Tuah menguasai pelbagai bahasa, boleh bercakap Perancis, Jerman dan sebagainya ini kerana dia membawa unsur pengajaran. Tetapi apabila disalahgunakan, dieksploitasikan dengan satu legenda percintaan dengan Puteri Jawa yang tidak masuk akal, hendak duduk dalam hutan, hendak menunggu Hang Tuah datang, saya rasa inilah yang menyebabkan akhirnya filem itu tidak berkualiti, sekurang-kurangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuma semata-mata hendak cuba selami minda Melayu. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebab Hang Tuah dilihat sebagai orang yang taat setia Tuan Yang di-Pertua, sehingga bukanlah maksudnya dalam buku Sejarah Melayu bila dia terjun ke dalam lubang najis itu menyebabkan dia setia membabi buta. Tetapi ada unsur-unsur pengajaran lain. Kalau kita hendak berbahas dari segi sastera dan sebagainya ...

Tuan Ismail bin Kasim: Pohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Silakan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu berhubung dengan kemerosotan dan turunnya standard ataupun kualiti dalam penghasilan filem-filem tempatan kerana kita lihat perkara ini telah lama diperdebatkan dan langkah-langkah drastik telah pun diambil.

Misalnya diwujudkan mata pelajaran-mata pelajaran yang berkaitan dan tenaga-tenaga pengajar yang dilihat berkualiti dihantar belajar di luar negara dan sekarang ini juga yang terbaru diberi kepercayaan orang yang terlibat dalam industri ini iaitu Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin sendiri untuk mengemudi FINAS. Tetapi kita lihat seolah-olah macam ada satu keadaan, macam yang membolehkan, kita melihat tidak ada kesungguhan di kalangan penerbit-penerbit filem ini kerana Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad, saya ada sedikit terlibatlah dalam penerbitan. Tetapi sedikit, baru bermula. Saya melihat terutamanya

dalam kita menghasilkan sesuatu, misalnya di peringkat awal panel skrip, seolah-olah yang dibuat orang..... mereka yang masuk dalam panel skrip ini, yang kadang-kadang hanya masuk yang mempunyai minat, tidak mengikuti kursus formal di mana mereka harus terlibat mengkaji fakta sejarah dan sebagainya. Seolah-olah kalau kita hendak buat satu filem, satu tajuk filem di negara kita, sebuah filem kita hendak buat, kita memikirkan tentang kos.

Tetapi kekuatan skrip yang merupakan nadi kepada perjalanan dan kekuatan filem berkenaan tidak pernah dibuat. Ini kerana kita lihat sebuah filem barat, yang mengambil masa 10 tahun, 15 tahun, kajian dalam penghasilan skrip, olahan demi olahan dibuat. Tetapi kita hanya kadang-kadang seminggu sahaja panel skrip memutuskan buat filem, kemudian ia terus dihasilkan. Sebab itu kita lihat filem-filem berkenaan kadang-kadang tidak memaparkan jati diri mengenai unsur-unsur didaktik yang boleh dibanggakan dan malah untuk mewakili masyarakat yang bernama Malaysia Boleh sukar untuk kita paparkan dalam elemen-elemen yang cuba dipaparkan ini. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Sebab itu saya mengambil contoh Yang Berhormat, contoh seperti filem *Sepet* yang dikatakan banyak menang hadiah. Saya difahamkan filem itu sebenarnya dibuat dalam bentuk video pada asalnya. Kemudian di*convert* dengan izin kepada filem. Sebab itu, kita mempersoalkan kesungguhan mereka yang membuat filem sekarang ini.

Saya ingin mencadangkan kepada FINAS yang sekarang ini dipengerusikan oleh salah seorang daripada sahabat kita iaitu Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, iaitu bahawa jika ada filem-filem yang menggunakan unsur sejarah, tajuk-tajuk yang melibatkan tokoh-tokoh tertentu, mesti diberikan syarat, mesti ada panel penasihat dari segi sejarah untuk memastikan ia tidak lari daripada fakta yang sebenarnya. Sebab itulah saya mengharapkan FINAS, Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin sendiri yang tertangguh filemnya iaitu *Peristiwa Bukit Kepong*, diteruskan dan kerajaan patut membantu produser seperti Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin ini untuk melengkapkan cerita, peristiwa Bukit Kepong ini, kerana ini sejarah. Saya ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, ketika saya hadir dalam Persidangan *United Nation* baru-baru ini, bila saya berucap di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu tentang terrorisme.

Saya beritahu pengalaman kita, bagaimana kita berhadapan dengan parti Komunis Malaya. Habis saya berucap, wakil daripada Vietnam datang. Dia marah dengan saya. Dia kata Parti Komunis bukan *terrorist*. Dengan izin, dia kata *we are freedom fighter, we against* ... *colonialism*. Tetapi saya beritahu dia bahawa pengalaman kita di Malaysia berbeza. Parti Komunis Malaya telah menyerang balai polis di Bukit Kepong. Mereka bunuh Ketua Polis Negara dan sebagainya. Sebab itulah bagi saya, filem *Bukit Kepong* ini penting dan FINAS kena beri perhatian daripada bantu filem-filem yang tidak memberikan sebarang kesan pengajaran dan pendidikan kepada anak bangsa. Maka, perlu kita bantu filem seperti *Bukit Kepong* ini.

Saya ingin mencadangkan supaya FINAS memikirkan untuk buat satu filem mengenai Dato' Onn. Kita sudah menonton filem seperti *Gandhi.* Ada kesan kepada kita, bagaimana hubungan agama Islam, Hindu dan sebagainya dalam filem *Gandhi*. Apa salahnya kita membuat filem seperti Dato' Onn kerana Dato' Onn bagi saya adalah pengasas kepada sebuah negara dan bangsa. Dia yang turun ke tengah padang, beritahu rakyat bahawa kita mesti menentang Malayan Union.

Tuan Yang di-Pertua: Apa hal pula kalau menepati fakta sejarah tetapi gagal di pasaran?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Itu saya kata Tuan Yang di-Pertua bahawa biarlah ada satu panel. Bukan setakat produser filem ya, bila dia buat filem ini tidak merujuk kepada pakar-pakar sejarah untuk memastikan bahawa ianya lebih berkualiti. Bukan setakat hendak buat filem untuk sebulan, 10 hari filem sudah siap. Sebab itu dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengharapkan FINAS memikirkan soal pembikinan filem Dato' Onn ini kerana dari situlah kita dapat pengajaran bagaimana hubungan antara rakyat dengan raja berubah sebab Dato' Onn mengajak rakyat untuk

mengkritik raja yang masa itu hendak tandatangani 'Perjanjian Mac Michael', Malayan Union ini.

Kalau tidaklah kerana Dato' Onn menentang Malayan Union, kita pun tidak tahu apa bentuk negara yang akan kita warisi sekarang ini. Dia sanggup pergi dari satu tempat ke satu tempat, dari satu negeri ke satu negeri berkempen, mengajak rakyat, memahamkan rakyat tentang Malayan Union walaupun dia tidak pernah menjadi Perdana Menteri. Tetapi kenapa maksudnya, kenapa kita tidak, FINAS sebagai contohnya tidak memikirkan soal pembikinan filem seperti ini daripada kita berbelanja habis-habisan buat festival filem dan sebagainya, yang akhirnya tidak ada apa-apa keuntungan dan kesan pun kepada industri filem negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh perkara yang terakhir iaitu mengenai dengan Perkara B.45 iaitu tambahan kepada program-program Rakan Muda. Bagi saya tambahan ini adalah terlalu kecil. Kalau kita lihat Perkara 10.3 dan 10.4, saya harap Kementerian Belia dan Sukan jangan hanya tumpu. Pertama, kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan di atas kejayaan atlet-atlet kita di Sukan SEA baru-baru ini termasuklah kejayaan Nicol David dan sebagainya. Tetapi jangan kita terlupa dalam soal pembangunan belia. Sebab itulah bila saya melihat Perkara 10.3, 10.4 ini, hanya lebih kurang RM6 juta sahaja tambahan untuk pembangunan program Rakan Muda ini termasuklah penggerak Rakan Muda. Sepatutnya penggerak Rakan Muda ini diperbanyakkan di setiap daerah kerana program Rakan Muda adalah program yang penting, yang baik sebenarnya untuk kita membangunkan generasi muda, generasi belia kita ini.

Tuan Ismail bin Kasim: Laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat dan pohon sedikit pandangan. Apabila penggerak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, yang akan ditamatkan kontrak mereka pada hujung bulan Disember nanti, yang saya rasa amat tidak relevan sama sekali dan perlu difikirkan semula oleh pihak kementerian. Jadi saya minta penegasan perkara ini supaya kita minta lanjutan semua penggerak-penggerak ini untuk beberapa tahun sekurang-kurangnya bagi mendapat impak dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa banyak rungutan mengenai tentang penggerak-penggerak Rakan Muda ini.

Tetapi kita kena faham juga bahawa penggerak-penggerak Rakan Muda ini juga berhadapan dengan masalah dari segi bantuan kewangan untuk mereka menggerakkan aktiviti-aktiviti belia, aktiviti-aktiviti Rakan Muda yang terlalu kecil dan terhad ini. Sebab itulah saya mengharapkan, saya menyebutkan tadi bahawa apabila peruntukan terlalu kecil, tidak banyak perkara yang boleh dibuat sebenarnya untuk menjayakan aktiviti-aktiviti Rakan Muda.

Sebab itulah saya mengharapkan pertama, penggerak Rakan Muda ini diramaikan. Yang kedua, kita mesti menyediakan dana yang mencukupi yang lebih banyak sebenarnya untuk membantu aktiviti-aktiviti Rakan Muda ini. Sebab itu kadang-kadang kita kecewa juga apabila ada program Rakan Muda ini bila dibuat sukan, sukan lari dalam guni dan sebagainya sebab peruntukan sudah tidak banyak. Itu tidak membangunkan walaupun itu sukan yang boleh menghidupkan perpaduan. Tetapi sebenarnya saya lebih mengharapkan program Rakan Muda ini adalah program yang boleh meningkatkan daya saing generasi muda kita sebab kekurangan kita sekarang ini ialah belia yang berdaya saing.

Apabila kita tidak ada daya saing maka kita tidak ada motivasi, kita tidak ada semangat untuk terus berjuang untuk membangunkan negara, kita menjadi terlalu *magical,* dengan izin, tetapi tidak mahu mencapai satu tahap yang lebih cemerlang. Sebab itulah saya mengharapkan Kementerian Belia dan Sukan, di samping kejayaan besar kita dalam bidang sukan yang semakin memberangsangkan sekarang ini, Perdana Menteri sendiri

merasakan kesyukuran, kegembiraan beliau di atas kejayaan atlet kita. Tetapi jangan lupa soal pembangunan belia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

3.12 ptg.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya izin untuk mengambil serta di dalam perbahasan Peruntukan Mengurus Tambahan 2005. Oleh sebab hari ini adalah hari terakhir saya sebagai Ahli Dewan Negara ini, maka dalam perbahasan ini saya ingin *reminisce*, mengulang semula tentang berapa ketika suka duka selama menjadi Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Kali terakhir bagi penggal pertama atau hari terakhir?

Datuk Haji Karim Ghani: Kali kedua sudah Tuan Yang di-Pertua selama menjadi Ahli Dewan Negara. Pertama-tama saya ingin mengenang semula bahawa beberapa kali apabila kita bersidang, ada sahaja Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan. Pada masa-masa yang lalu saya selalu bertanya apakah sebabnya ada memohon Akta Perbekalan Tambahan.

Adakah pegawai-pegawai kita tidak cekap untuk meramalkan keperluan negara tiap-tiap tahun atau adakan kepimpinan kita tiba-tiba sahaja keluar idea-idea untuk membelanjakan dan meminta tambahan perbelanjaan? Saya percaya pegawai-pegawai kita lebih cekap, saya percaya pemimpin-pemimpin kita lebih faham tentang keperluan bila masanya memerlukan tambahan atau sebagainya supaya anggaran perbelanjaan kita tiap-tiap tahun lebih membayangkan keadaan sebenarnya atau apabila bersidang sahaja ada permintaan tambahan. Kenapa ini berlaku?

Kebetulan pada kali ini permohonan pertambahan bukan sedikit RM9 bilion, dan untuk perkhidmatan am dan perbendaharaan RM6 bilion, antara sebab kononnya adalah kerana subsidi seperti mana Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad mengatakan, antara subsidi yang diberikan ialah subsidi bahan bakar, subsidi minyak. Saya juga kadang-kadang tertanya kenapa mahu beri subsidi minyak ini dan bila kita beri subsidi minyak ini, adakah betul negara kita memberi subsidinya? Bila kita beri subsidi minyak untuk kenderaan, orang yang *drive* Mercedes, orang yang *drive four wheel drive* juga diberi subsidi. Orang-orang ini sudah kaya raya, kenapa lagi diberi subsidi? Kalau hendak beri subsidi, betullah tindakan kerajaan bagi subsidi untuk motosikal, untuk kereta-kereta yang 1500 cc ke bawah, itu betul, sungguh baik memberikan subsidi. Tetapi memberi subsidi kepada orang yang *drive* Mercedes, BMW, Toyota besar-besar, saya tidak nampak di mana rasionalnya.

Lagipun tentang subsidi ini, kita dikatakan kerana harga minyak melambung tinggi, betul, tetapi sebagai negara yang mengeluarkan minyak, sepatutnya kita mempunyai *advantage* supaya rakyat di Malaysia ini mempunyai keistimewaan sedikit dengan mempunyai harga minyak lebih murah daripada negara-negara yang tidak mengeluarkan minyak. Di negara Brunei umpamanya, harga minyak di sana murah. Indonesia, walaupun orang Indonesia mengatakan mahal, tetapi harga minyak di Indonesia lebih murah daripada kita. Di Sabah, mengeluarkan minyak begitu banyak, di Terengganu mengeluarkan begitu banyak tetapi keuntungan untuk orang Sabah dan Terengganu dari segi harga minyak tidak banyak berbeza dengan negeri-negeri yang tidak ada minyak.

Lagipun saya difahamkan dari sumber yang saya percaya, mungkin kawan-kawan tidak percaya, *the production cost* dengan izin, minyak satu *barrel* di Malaysia ini cuma 4 *dollar*. Dan kita jual 60-70 *dollar* satu *barrel,* seolah-olah kita ini *profiteering*, kalau rakyat yang membuat begitu sudah kena tangkap. Jadi saya tidak ada masalah tentang harga minyak ini.

Pertama saya hendak tahu, berapa harga *production cost* minyak satu *barrel*? Berapa harga *refinery cost?* Berapa harga cukai kerajaan? Berapa keuntungan? Bila itu

sudah ditetapkan, *we pay the price* untuk membantu orang-orang yang miskin yang mempunyai kereta kecil-kecilan, itulah kerajaan sudah mengurangkan cukai dan mungkin mengurangkan *road tax,* mungkin mengurangkan cukai *spare parts* dan sebagainya. Tetapi tolonglah beritahu berapa sebenarnya harga *production cost* dan sebagainya supaya kita tahu betulkah harga yang kita bayar itu berpatutan atau *somebody's profiteering.*

Lagipun sekarang ini waktu ditentukan harga minyak dinaikkan di Malaysia ini, harga petrol di dunia meningkat sampai dekat 70 *dollar*, sekarang sudah turun. Jadi kalau sudah sekarang turun harga minyak di dunia, adakah mungkin kita di Malaysia ini harga minyak juga diturunkan? Ini kita tunggulah sebab saya tengok kerajaan juga sungguh prihatin. Apabila menjanjikan tidak ada kenaikan minyak sehingga hujung tahun dan apabila gas untuk motokar dinaikkan, kerajaan *stop*, kerajaan berhentikan. Itu satu perbuatan yang sungguh terpuji.

Kebetulan juga bercakap tentang subsidi, saya teringat kembali zaman koloni dulu di mana orang-orang bumiputera, orang Melayu di Sabah disuruh bertanam padi sedangkan bertanam padi itu tidak untung. Tetapi kami diberitahu mesti tanam padi, kalau tidak nanti perang, tidak ada makan, *food security* konon tetapi suku-suku lain disuruh berladang, disuruh berniaga, akhirnya kami tetap miskin. Apabila merdeka, kami terus disuruh tanam padi, di Semenanjung juga suruh tanam padi tetapi bila rakyat teriak-teriak katakan tanam padi tidak untung, kerajaan bagi subsidi.

Falsafah memberikan subsidi ini adalah kerana pekerjaan itu tidak untung. Jadi bererti selagi subsidi ini diberi kepada penanam padi, selagi itu penanam padi terus miskin. Dan apabila penanam padi terus miskin, saya tertanya adakah ini *by design* ataupun kebetulan? Kita kasi subsidi kerana tidak untung, oleh sebab tidak untung dia miskin, oleh sebab miskin dia tidak kaya, biarlah dia terus menerima subsidi supaya dia jangan kaya. Dan bila dia tidak kaya, seolah-olah bagi saya, saya orang Melayu memperhambakan orang Melayu sendiri supaya dia terus jangan kaya, supaya saya, anak saya, cucu saya terus menjadi pemimpin kepada Melayu yang miskin ini.

Jadi saya mintalah Melayu sendiri memikirkan barangkali masanya satu hari nanti *stop the subsidy*, aturkan supaya orang Melayu keluar daripada subsidi ini dengan rancangan yang lebih menguntungkan, macam mana kami ini seolah-olah orang yang sakit doktor kerajaan dan pemimpin-pemimpinlah punya tugas mencari jalan macam mana kita dikeluarkan dari mentaliti subsidi. Barangkali dari segi undang-undang tanah, reformasi tanah....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Penjelasan sedikit.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan sahabat saya ini bersemangat cakap tentang subsidi yang kerajaan sekarang ini berikan kepada penanam-penanam padi. Kalau boleh tidak payah lagi bagi subsidi katanya biarlah keluarkan daripada masalah subsidi yang ada dalam negara. Bukankah kita pun tahu, Yang Berhormat pun tahu bahawa tanam padi ini tidak menguntungkan dalam negara kita ini kerana kalau kita import beras daripada luar negara lebih menguntungkan daripada tanam sendiri. Tetapi Yang Berhormat juga tahu terpaksa kena ada juga orang yang menanam padi kerana padi ini merupakan strategik *crop* dalam negara kita, tetapi yang menimbulkan masalahnya kerana kebanyakan yang menanam padi itu orang Melayu kebanyakan dan tidak semestinya semua orang Melayu, orang India pun ada, orang Cina pun ada. Dan mereka terus tanam mengapa yang kita hendak mempersoalkan orang Melayu yang kita beri subsidi. Bukankah penanam padi itu yang kita beri subsidi Melayu.

Kalau di Amerika orang yang tanam gandum, soya mereka juga diberi subsidi tetapi mereka kaya. Orang yang menjadi petani di Amerika begitu kaya sekali, di Eropah orang yang menanam begitu juga diberi subsidi dan mereka kaya. Apakah subsidi itu yang menyebabkan kita miskin ataupun cara untuk kita menyesuaikan penanam-penanam padi itu supaya bertambah maju yang menimbulkan masalah di sini. Saya beri contoh selaku Pengerusi FELCRA sebagai contoh, kita juga tanam padi. FELCRA ada 13,000 ekar tanam padi dan ianya menguntungkan tidak pun kata rugi, tidak, menguntungkan. Jadi timbul

masalahnya di sini saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat kalau kata jangan beri subsidi kerana beri subsidi itu sepatutnya dapat menguntungkan mereka, tetapi ada unsur-unsur lain yang menyebabkan mereka ini rugi.

Kenapa tidak kita cadangkan kepada kerajaan bagaimana hendak membantu petani-petani ini supaya lebih menguntungkan dengan memberikan subsidi-subsidi yang patut supaya mereka ini akan menjadi petani-petani yang betul-betul berjaya seperti petani-petani yang ada di Amerika, di Barat sana yang lebih kaya, lebih senang lenang duduk mereka daripada petani-petani yang ada dalam negara kita. Daripada kita hendak menyalahkan kerajaan beri subsidi supaya jangan,.... saya rasa biarlah, kalau tidak, kalau tidak ada subsidi ini mungkin langsung tidak ada orang hendak tanam padi nanti. Jadi apa pendapat Yang Berhormat tentang yang saya berikan ini?

Datuk Haji Karim Ghani: Memang benar itulah sebab saya katakan fikir semula macam mana kita boleh keluar daripada mentaliti subsidi ini barangkali melalui *land reform*. Dan saya percaya di FELCRA bila dia tanam padi bukan dua tiga ekar macam orang Melayu, orang Melayu kita kalau ada sepuluh ekar tanah anak lima bila dia mati yang sepuluh ekar itu dibahagi jadi lima tinggal satu orang dua ekar, macam mana boleh kaya walau sebesar mana pun subsidi kita bagi tetap tidak kaya. Jadi barangkali melalui *land reform* kita jangan ambil kira di Amerika, di Europe kalau kita lihat barangkali dia mempunyai agenda yang lain. Subsidi di Amerika, di Europe, Amerika terutama sekali untuk mematikan rakyat di negara-negara membangun subsidi yang diberikan dari segi *agriculture product* di Amerika, di Europe mematikan negara-negara Afrika dan mungkin juga di Asia - ini saya tengok. Dan ini juga menjadi satu perkara yang paling besar diperbincangkan di *World Trade Organization* fasal subsidi yang menjadi *distortion* ini. Jadi kita mesti memikirkan macam mana keluar, kita telah buat FELDA orang Melayu terkeluar dari kemiskinan ke FELCRA, jadi orang Melayu dan nelayan Melayu ke Cina yang kebetulan Melayu yang banyak terima subsidi. Kita mesti cari jalan macam mana hendak keluarkan daripada kemiskinan ini - mesti ada jalan.

Tuan Ismail Kasim: Pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Yang Berhormat Datuk Haji Karim. Saya mohon pandangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat kerana ada setengah-setengahnya saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan ada setengah saya rasa ada sedikit yang kita perlu perjelaskan. Pada saya subsidi ini perlu buat masa ini dan yang menyebabkan kemiskinan, lingkaran kemiskinan itu masih ada. Kerajaan telah memperkenalkan banyak cara termasuk Kementerian Pertanian dalam rancangan lima tahunnya telah dibuat pelbagai termasuk walaupun bilangan saiz tanah itu kecil seperti mana Yang Berhormat timbulkan tadi selepas dibahagikan mengikut tradisi pembahagian pusaka dan sebagainya. Tetapi kita boleh buat dalam bentuk pengurusan mini estet yang telah dicuba di beberapa tempat dan terbukti pengurusan yang dibuat dalam mini estet ini, di mana saiz tanah yang kecil ini mereka menyertainya secara pemegang saham. Dan apabila diurus dengan teliti seperti subsidi harga padi, subsidi racun, subsidi jentera dan sebagainya kita lihat perubahan hidup yang ketara dan pendapatan yang bertambah terutamanya kita lihat contohnya di kawasan utara yang merupakan kawasan pertanian terbesar dalam penghasilan padi seperti Yang Berhormat bangkitkan tadi.

Saya lihat perubahan yang cukup besar kerana saya membesar daripada keadaan lama dahulu yang di mana harga padi tidak diberi subsidi oleh kerajaan dan dibuat harga terbuka. Kita lihat memang keadaan itu cukup daif pada masa itu tetapi sebaliknya apabila sekarang dengan pertolongan dan perancangan yang teliti dengan benih padi hasil *research* yang telah dibuat oleh pihak MARDI, kita lihat pengeluaran bertambah cuma yang menjadi masalah sekarang benda ini dalam keadaan kawalan kerajaan harga padi ini. Kerana kalau harga padi tinggi kita biarkan ianya dibuat dalam pembelian secara terbuka bermakna harga beras akan mahal, sebab itu subsidi ini perlu bukan setakat padi dihasilkan untuk meningkatkan hasil petani tetapi soal pengguna yang bukan petani ini yang membeli beras dengan harga yang tinggi. Sebab itu benda-benda ini sentiasa berada di dalam pengawasan dan kawalan kerajaan.

Pada saya tidak ada masalah kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa lingkaran kemiskinan itu sikap itu berpunca daripada subsidi, yang menjadi masalahnya mentaliti, kerana kalau kita ikut golongan-golongan *old-timer* dengan izin, golongan-

golongan yang lama-lama mereka tidak mahu menyertai kerana mereka menganggap penyertaan mereka dalam mini estet, yang cuba dibuat oleh MADA atau Pertubuhan Peladang Kawasan ataupun kawasan di luar MADA dalam LPP kerana mereka tidak faham sebenarnya. Mereka rasa kalau kita cuba uruskan dengan pengurusan yang lebih moden dengan mini estet dan sebagainya ini, mereka anggap kerajaan cuba hendak rampas tanah mereka mentaliti itu hendak betulkan yang itu sahaja. Yang lain-lain saya rasa tidak ada masalah kerana telah terbukti petani yang mengikut hala tuju dan cara dan corak yang telah dibuat oleh kerajaan terbukti mereka berjaya. Dan kita lihat sekarang saya hendak bagi Datuk Haji Karim yang ada juga relatif di sebelah utara petani yang buat betul-betul dalam apa yang telah ditunjuk oleh kerajaan ini, rumah mereka, hidup mereka dalam keadaan yang cukup selesa kalau dibandingkan dengan pada masa dahulu yang mana tidak mendapat pertolongan kerajaan sama sekali. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ke arah itulah fikiran saya bahawa minda orang Melayu subsidi ini kita keluarkan umpamanya kita sudah tunjukkan daripada petani-petani kecil kepada FELDA, FELCRA dan sekarang saudara Ismail sudah mengatakan apa yang sudah berlaku di Perlis dan sebagainya inilah yang kita mahu supaya minda kita ini dikeluarkan.

Sudah berapa puluh tahun, 40 tahun kita merdeka masih juga penanam-penanam padi dalam pemikiran orang umum bahawa inilah masyarakat yang miskin. Tetapi kalau sudah kita keluarkan daripada minda penanam padi yang kecil-kecilan ini kepada estet dan komersial insya-Allah orang yang menanam padi akan bertambah sedikit, pengeluaran akan bertambah banyak, yang menanam padi akan bertambah kaya dengan *land reformation* dan sebagainya. Ke arah itulah yang saya harapkan satu masa nanti orang-orang Melayu ini dapat keluar. Selain daripada itu kita di Malaysia ini memerlukan 1.5 juta pekerja asing. Kalau kurang orang kita bertanam padi keluar kerja-kerja dibuat oleh orang asing, orang Malaysia sendiri boleh buat tetapi kalau kita tidak dapat buat begitu, kita tidak dapat buat orang Malaysia sendiri jumlahnya bertambah, sampai kiamatlah kita memerlukan pekerja-pekerja asing ini.

Tetapi kalau cara yang kita hendak cadangkan supaya memperhebatkan, mempercepatkan orang Malaysia ini bertumbuh jumlahnya dengan banyak, nanti orang-orang seperti Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain akan marah dan juga orang lain akan marah tetapi inilah kenyataan. Daripada subsidi macam mana kita keluarkan? Kekurangan pekerja-pekerja macam mana kita selesaikan? Di Sabah pun barangkali tidak kurang dari 3 suku juta pendatang pekerja. Macam mana kita hendak menyelesaikan ini. Inilah yang harus kita fikir untuk masa yang akan datang.

Tuan Ismail bin Kasim: Yang Berhormat, mohon laluan. Sekali, sedikit sahaja.

Datuk Haji Karim Ghani: Okey.

Tuan Ismail bin Kasim: Yang Berhormat, saya ambil contoh tentang sikap. Apabila kita melihat kemunduran dalam penghasilan pertanian. Sekarang pertanian merupakan di antara sektor yang diberi perhatian berat oleh kerajaan. Saya ambil contoh ada dua tempat yang bilangan saiz tanah tidak besar. Pemilik-pemilik sawah ini hanya ada dalam empat lima ekar sahaja. Dua tiga ekar di Sekinchan dan satu lagi Chuicak di Perak.

Di Sekinchan kalau Yang Berhormat boleh melawat dan boleh buktikan rakan-rakan petani kita yang berketurunan kaum Cina, Yang Berhormat boleh melihat mereka adalah petani yang betul-betul tekun dan mengusahakan sendiri sawah mereka dengan boleh dikatakan setiap hari ditumpahkan seluruh keringat dan tenaga dan penghasilannya satu ekar 10 tan berjaya dihasilkan. Kalau ada tiga ekar 30 tan. Ini cara yang dibuat, kesungguhan. Tetapi petani kita banyak sekarang ini memilih untuk bersenang-lenang. Semuanya dibuat dengan upah dan sebagainya dan ada yang pakai *handphone* tolong tabur baja sat, lima relung tanah aku itu, aku ada di sini jalan, makan angin dan sebagainya. Itu mentaliti yang kita perlu usahakan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah itu yang orang kampung sebut, buat bendang atas meja buat kontrak dalam kereta?

Tuan Ismail bin Kasim: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Saya sungguh berterima kasih kepada Saudara Tuan Ismail bin Kasim mengatakan apa yang saya cakap ada yang setuju ada yang tidak setuju. Terima kasih kerana niat saya bukan apa yang saya katakan mesti dipersetujui. Niat saya apa yang saya perkatakan dipersoalkan. Kalau tidak betul diperbetulkan macam saudara hendak betulkan. Niat saya supaya orang Melayu termasuk saya sudah mula berfikir, keluar daripada masalah serupa ini, keluar daripada masalah subsidi.

Tuan Yang di-Pertua: Pernah Yang Berhormat katakan kepada saya Yang Berhormat berasal dari Kashmir.

Datuk Haji Karim Ghani: Datuk saya dahulu dari Pakistan, bapa saya dari Negeri Sembilan. Nenek saya separuh dari Sarawak, separuh dari Sabah. Jadi, saya tidak tahu sebenarnya kalau dari segi bangsa, saya apa. Tetapi minda dan hati saya ini Melayu. *[Ketawa]*

Kerana saya menganggap sebagai seorang bumiputera, orang Asli dari rantau kepulauan Melayu saya mestilah seorang Melayu. Saya orang Asli. *[Ketawa]* Jadi, itulah! Barangkali masanya orang kita ini harus berfikir kenapa di Perlis orang Melayu tanam padi kaya. Ya, kami tidak tahu. Yang setahu saya orang Melayu tanam padi, miskin, bergantung kepada subsidi. Kalau seterusnya bergantung kepada subsidi, implikasinya tidak beri subsidi nanti dia tidak sokong jika tidak beri subsidi. Jadi, kalau begitu, itulah yang saya katakan akan terus miskin.

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pembahas itu ialah sekaum saya Orang Asli katanya. Jadi, kalau Yang Berhormat dapat memahami bahawa Orang Asli pun kita melihat, seperti mana yang saya bahaskan di persidangan yang lalu bahawa Orang Asli ini miskin. 80% ialah miskin dan kerajaan setiap tahun memberikan peruntukan. Tahun ini sahaja kalau kita lihat RM104 juta. Tahun-tahun yang lepas RM100 juta, RM150 juta bentuk subsidi. Tetapi, kenapa pada pandangan Yang Berhormat Orang Asli masih lagi dalam keadaan miskin. Apakah puncanya dan bagaimana cara untuk membantu masyarakat ini? Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya ini 'orang Asli'. Kalau saya bukan 'orang asli' tentulah pendatang. Kadang-kadang saya tanya, Yang Berhormat ini orang Asli jadi yang lain ini, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi barangkali bukan orang asli. Jadi, orang dari mana kalau dia bukan orang asli.

Sedangkan bagi saya Orang Asli ini orang Melayu sebab dia penduduk yang berasal dari gagasan Kepulauan Melayu barulah dia dikatakan Orang Asli. Barangkali yang boleh kita katakan bukan orang Asli, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Tetapi kalau saudara bilang saya bukan orang Asli saya pukul sebab saya orang Asli. Orang asli Sabah. Okey, dan bagi saya miskin kaya ini sebenarnya Yang Berhormat ialah minda. Kalau hari ini sebulan saya dapat RM1,000, belanja RM800, saya kaya. Kalau hari ini sebulan saya dapat RM1,000 belanja RM1,200, itu miskin. Kalau hari ini saya dapat RM1,000 belanja RM1,000 itu bolehlah. Tidak miskin, tidak kaya. Tapi manusia ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Minta izin sebentar. Saya telah memberi kelonggaran dalam perbahasan kerana hendak mencari kaitan di antara subsidi dan mentaliti. Soal subsidi memang adalah masalah yang dibahaskan kerana ia tertera dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005. Walaupun soal mentaliti memang ada kaitan di antara subsidi dengan pembentukan mentaliti yang sedang diperdebatkan bolehlah saya benarkan.

Jadi, saya harapkan untuk memberi masa kepada Yang Berhormat jawab janganlah terlalu banyak mengenai mentaliti, lebih banyak mengenai subsidi.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Subsidi baik kalau kena caranya untuk sementara waktu membantu sehingga kita boleh terkeluar daripada subsidi dan itu tentu sekali memerlukan pandangan dan pemikiran yang baru yang selalu tercabar bukan yang selalu dibantu, diberi makan.

Saya sudah menyesuaikan diri saya daripada seorang senator untuk menjadi seorang petani peladang, Tuan Yang di-Pertua. Pada ketika ini saya pelihara kambing. Hari-hari saya lepaskan kambing ini, saya tengok kambing makan, makan, makan, petang pulang. Tidak ada menyimpan untuk hari esok. Kalau tidak pun kambing saya kandangkan, saya bagi makan petang habis besok dia tidak ada simpan.

Tuan Yang di-Pertua: Minat bela kambing ini datangnya dari asal usul yang di sini atau di sana.

Datuk Haji Karim Ghani: Mungkin, mungkin. Jadi, saya terfikir, eh, kambing ini makan, hidup, makan, tidak ada simpan untuk besok. Jadi, kalau saya pun begitu, bekerja untuk cari makan tidak ada simpan untuk esok, rupanya saya ini sama dengan kambing. Sedangkan sebagai manusia, saya memerlukan lebih daripada makan. Untuk bayar elektrik, untuk bayar minyak dan sebagainya dan inilah saya mengatakan, okey, kalau saya pelihara kambing, saya mesti lebih daripada kambing, ada lebih untuk esok.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tujukan ucapan kepada saya jangan kepada Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee nanti dia ingaT dia kambing.*[Ketawa]*

Datuk Haji Karim Ghani: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, jadi ertinya, okey. Orang Melayu sekarang tidak beri subsidi bagus kerana untuk membantu tetapi satu hari orang Melayu ini dia mesti mahu lebih daripada *just* untuk hidup.

Sekarang saya mahu meneruskan perbahasan ini dengan pertanian. Saya katakan tadi, saya memelihara kambing. Saya ingin memelihara lembu. Tapi kalau memelihara lembu, mengharapkan subsidi, dibagi lembu 10 ekor, 20 ekor, sudah 20 atau 30 tahun dibagi bersama. Hasilnya, sehingga ini adalah tidak berjaya sama sekali. Malahan gagal. Lembu itu, ayam, itik yang dibagi 10, 20 ekor tidak mendatangkan hasil apa-apa. Puluhan juta habis.

Tetapi kalau mahu berternak, mahu fokus, berternak, matlamatnya untuk apa? Untuk hidup sebagai kambing cukup atau untuk menjadi kaya? Jadi, saya mengatakan, kalau mahu bertani, matlamatnya mesti petani kaya, mahu penternak, penternak kaya. Macam mana? Hah, itulah saya minta jalan ditunjukkan kepada saya dan juga kepada petani-petani yang lain, macam mana menjadi petani, petani kaya? Bererti pendapatan lebih dari yang cukup. Saya membuat satu Kertas Kerja berdasarkan Kementerian Pertanian di Sabah dan di Semenanjung. Untuk memelihara lembu, kalau mahu kaya, minimum 1,000 ekor.

1,000 ekor, harga lembu bunting, satu ekor di Sabah, RM6,000.00. Ini harga daripada Jabatan Penternak. 1,000 ekor, RM6 juta. Belum lagi rumah, belum lagi itu, belum lagi ini, *basic figure* untuk keperluan itu RM10 juta. Untuk penternak supaya menjadi penternak kaya. Bila saya ajukan surat permohonan kepada bank, bank tanya *collateral.* Kalau bank tanya *collateral*, bagus jangan. Sebab tidak mungkin Karim Ghani atau any Bumiputera kampung, dan mempunyai *collateral* untuk diberikan kepada bank, supaya dia boleh jadi petani yang boleh jadi kaya.

Kalau petani cuma untuk menjadi petani untuk cukup makan, *kepepet*, kata orang Indonesia, tidak bezalah antara petani itu dengan kambing atau lembu yang dipeliharanya. Keluarkanlah kami daripada kemiskinan ini. Tetapi, saya difahamkan negeri Pahang yang saya ingin melawat, yang saya sungguh kagum mendengar, Jabatan Pertanian di sana membantu penternak. Dia tidak ada *collateral,* jabatan itu menjadi *collateral* kepada bank. Katakan Karim kasi si polan ini, *loan* untuk membuat ternak. Dia yang mengawasi, dia yang memberi nasihat, memastikan penternak itu maju, *loan* boleh dibayar. Mudah-mudahan, kerajaan terutama sekali Kementerian Pertanian yang ingin melihat petani-petani maju, bukan sahaja petani maju, tetapi petani kaya.

Kalau cuma untuk memelihara penternak, 1 ekor binatang pun penternak juga. Tetapi pelihara 10 ekor, 20 ekor binatang, kalau tidak ada bezanya penternak itu dengan binatang yang diternaknya itu, kerana penghidupannya tidak akan berbeza. Tolonglah, kalau kami ajukan permohonan kepada bank-bank, mintalah bank itu mengkajinya. Kalau Jabatan Pertanian mengatakan ia projek ternak ini betul, minta Jabatan Pertanian memberi jaminan, *loan* yang dibagi kepada kami untuk menternak atau membuat ladang dan sebagainya itu, jabatan atau kementerian memberi jaminan. Dia memantau, dia memberi nasihat, dia menjaga supaya betul-betul dibuat, dan hutang boleh dibayar petani itu menjadi kaya.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya saudara saya, sama ada dia tengok atau dengar .. komuniti Punjabi yang simpan 5 ekor kerbau. Dia boleh cari wang sampai dia hantar dia punya anak ke universiti, jadi doktor, jadi lawyer, dan sebagainya.

Dari pandangan saya, kalau seseorang rajin, ada rajin, memang petani boleh kayalah. Contoh, saya. *[Ketawa].* Mula-mula, saya mula dengan sekeping tanah 10,000 kaki persegi. Cuba tanam bunga kekwa, *chrysanthemum*. Berjaya. Saya buat *Working Paper*, hantar ke bank, bank mari tengok bunga saya, dia cakap, oh ya lah boleh cari makan. Dia bagi saya wang untuk membeli 1 ekar tanah. Saya sudah tanam bunga di 1 ekar. Dia tengok, eh, *you must stay there* lah. *I've no money. Okay, I give you money but build the house.* Dia bagi saya pinjaman lagi. Lepas itu, 1 ekar, saya berjaya, dia kata, eh *buy some more land. I will give the loan.* Dia bagi saya*. So, from 10 thousand square feet, I went to one acre, after that*

Selepas itu, saya dapat memang saya kerja kuatlah. Sampai pukul 10 malam. Saya pasang lampu, isteri saya dan saya kerja sungguh-sungguh. Jadi saya dapat cari wang yang cukup untuk memberi pelajaran yang cukup untuk anak saya dan pada masa ini *I am very happy*. Cukup wang. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk].*

Datuk M. Ratnam: Boleh kata macam itu lah. *[Ketawa].* Apakah pandangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Karim Ghani: Tahniah Yang Berhormat. Pertama saya mahu tahu, siapakah itu Bank Manager? Kalau saya mempunyai kuasa, *Bank Manager* itu mesti diberi anugerah, sekurang-kurangnya 'Dato''. Kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang dia boleh pinjam pun dah Dato' dah... *[Ketawa]*

Dato' Haji Karim Ghani: Kerana Bank Manager itulah. Itulah Bank Manager misali yang kita perlukan di Malaysia ini. Membantu, menasihat. Bukan nak minta *collateral* semata-mata. Cara-cara Yang Berhormat itu, patut dibukukan, diedarkan kepada seluruh petani-petani, supaya kita tahu beginilah caranya untuk menjadi petani yang kaya. Orang Punjabi itu, barangkali betul zamannya. Tetapi zaman saya ini, Yang Berhormat, kalau saya pelihara kambing untuk dapat RM500.00 tambah sebulan, bagus jangan, sakit kepala sahaja. Lagipun saya tidak ada masa untuk pelihara 10 ekor kambing tunggu 10 tahun baru sampai ekonomi *… turn* yang baik. Masa itu, barang kali saya sudah bengkok. Umur sudah tak tahan.

Ertinya, kerjasama antara bank, petani, pegawai, disatukan supaya kerja-kerja kita itu boleh mendatangkan hasil yang baik. Jangan seperti yang sudah-sudah, saya dengar banyak subsidi nelayan bagi bot, bagi pukat kepada orang yang tinggal di gunung. Orang yang bukan nelayan. Kasi subsidi padi orang yang kelat di pejabat. Akhirnya, perahu, enjin dijual, baja dijual, bahkan minta lagi subsidi. Inilah harus kita fikirkan supaya mengeluarkan masyarakat kita ini daripada satu masyarakat yang sungguh selesa kepada satu taraf yang lebih baik di masa akan datang.

MAS, kapal penerbangan kita MAS. Nama baik *on the air,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sungguh *beautiful.* Saya sungguh selesa dengan MAS. Saya sungguh merasakan *comfortable* dengan MAS. Saya sungguh merasakan selamat dengan MAS. Tetapi *on the ground* sungguh mengecewakan. Kalau di Kota Kinabalu itu, pejabat MAS, *photocopy machine* pun tak ada. Begini umpamanya, dulu saya juga telah membangkitkan

di Dewan ini, macam mana nasi lemak satu hidangan dicaj kepada MAS RM180.00. Barangkali ada saudara-saudara yang sama-sama ini. Satu hidangan, RM180.00. Mana tidak MAS jadi jahanam? Lepas itu, macam-macam MAS sudah berlaku sehingga, macam-macam. Sehingga hari ini, dua penggal yang lalu, MAS rugi berapa ratus juta? Kita bagi tahniah kepada Dato' Fernandes dengan Air Asianya, sekarang ini, Air Asia, harga murah, untung banyak dibandingkan dengan MAS. Di manakah salahnya ini?

Tapi MAS bukan sahaja kerugian begitu banyak, tetapi ada satu yang memalukan saya. Pengurusan MAS, pengurusan Tabung Haji, pengurusan Bank Islam, pengurusan macam-macam lain lagi. GLC dan syarikat-syarikat yang bersangkut paut dengan kerajaan yang diuruskan oleh kita ini. Semua kalau tidak rugi, salah guna kuasa. Apa salahnya kita ini. Adakah salah kita pilih orang yang mengurus atau memang bangsa kita tidak bertanggungjawab bila diberikan tanggungjawab atau apa? Jadi ini kita harus fikir untuk masa depan supaya bila memilih orang yang mentadbirkan sesuatu badan dibuat dengan baik. Untung, cemerlang supaya dunia tahu bangsa Melayu di Malaysia ini mentadbir dengan bagus.

Sekarang ini bila benda ini dijawab terlalu panas telinga saya diketawakan dari belakang. Ha, ini Melayu tadbir rugi, ini Melayu tadbir kena jail, ini itu, ini itu. Tolonglah, jangan malukan kami dan keturunan kami pada masa akan datang. Orang Melayu yang diberikan tugas untuk mentadbirkan sesuatu pastikan layak, untung dan berjaya.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai doktor di Sabah di Sarawak kekurangan doktor tetapi cara-cara kita melatih doktor sekarang kalau di Sabah barangkali 100 tahun pun dari sekarang kita tidak akan cukup doktor. Pertama dengan keadaan meritokrasi sekarang orang-orang di Sabah tidak seperti itu dapat bersaing dengan orang-orang di Semenanjung untuk masuk ke dalam universiti.

Kedua, kalau kami hendak hantar anak ke luar negara kita tidak mampu, kalau minta *loan* pun bukan semua dapat. Jadi untuk memperbanyakkan doktor di Sabah ini saya cadangkan supaya kita tengoklah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Datuk Haji Karim Ghani: ..bila anak-anak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,..saya mohon bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat habiskan menjawab dan menggulung mengikut masa yang diperuntukkan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya ingat tidak sampai satu jam Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat...

Datuk Haji Karim Ghani: Cuma 10 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jadi kalau Yang Berhormat boleh habiskan pada pukul 4 dan lebih kurang pada pukul 4, Dato' Dr. Chin Fook Weng di antara 30 hingga 40 minit bolehlah ada masa yang cukup untuk Yang Berhormat.

Datuk Haji Karim Ghani: Boleh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan supaya kita mencari jalan untuk *first degree* sebagai doktor Tuan Yang di-Pertua. Carilah di India, di Pakistan di Indonesia daripada menghantar ke London, ke Amerika, ke Australia yang memerlukan belanja sampai RM1 juta. Kalau di Indonesia RM200 ribu sudah cukup, di India, Pakistan pun kurang lebih begitu.

Apabila sudah selesai menjadi doktor peringkat pertama, dua tahun, tiga tahun selepas itu bolehlah kita hantar untuk buat spesialis di luar negara yang lebih tinggi lagi. Tetapi untuk keperluan kami di *rural areas* walau doktor daripada India atau daripada Indonesia cukup untuk ketika ini. Penyakit yang kami hadapi di peringkat-peringkat kampung, kalau mempunyai penyakit yang lebih berat bolehlah hantar ke Kota Kinabalu, ke Sandakan, ke Tawau atau di sini bolehlah hantar ke JAID Negara. Untuk peringkat yang pertama bagi memenuhkan kekurangan doktor di Sabah ini tolonglah barangkali begitu juga

di Sarawak, perbanyakan penuntut-penuntut yang boleh masuk ke universiti. Saya *congratulate* sama MIC umpamanya.

Saya difahamkan MIC banyak menghantar *student* dia, ke Malang di Indonesia, ke Medan banyak dan barangkali MARA pun ada menghantar tetapi mungkin tidak setanding dengan apa yang diusahakan oleh MIC. Carilah perundingan sebab di Indonesia pun ada 10 ke 15 universiti yang kita *recognize* - Malaysia iktiraf. Jadi apa salahnya kita hantar *student* kita ke sana, bukan kerana anak saya dihantar ke sana tetapi kalau kita hantar ke Indonesia untuk belajar dari segi agama, budaya, makan, bahasa lebih senang kita sesuaikan diri.

Datuk Dr. Norraesah binti Mohamad: Makluman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai 2680 *student* di Indonesia, 80% adalah untuk perubatan, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Tahniah, mudah-mudahan di perhebatkan, diperbanyakkan lagi. Ada 5 minit lagi saya akan cepatkan. Saya pada hari ini hari yang penghabisan sebagai Ahli Dewan dan orang-orang macam kami ini seluruh Malaysia pun tidak banyak lagi yang ada, orang yang sudah bersara.

Waktu menjadi Ahli Dewan kita mempunyai *certain privileges* umpamanya naik kapal terbang 25% diskaun, bukan banyak Tuan Yang di-Pertua dan bila kami *retired* pun bukan selalu hendak naik kapal terbang. Jadi kalau boleh kasihankanlah wakil-wakil rakyat atau senator, bila dia *retired* tolonglah minta kerajaan kekalkan *privileges* itu, bukan banyak. Kalau hendak *travel* ekonomi kelas saya sudah berhak sebagai *senior citizen,* tidak ada masalah lagi 50%, tetapi tidak akanlah. Kalau saya tidak ada masalah ekonomi kelaskah, *no class* pun ok.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Karim Ghani: Tetapi senator-senator, bekas-bekas wakil rakyat, orang yang berbakti kepada negara, Yang Berhormat tidak akanlah kita tengok dia tersorok-sorok menunggu mendapat potongan 50% untuk senior *citizen.*

Tolonglah kekalkan ini supaya dia *travel within* Malaysia dapatlah subsidi 25% kalau dia hendak *travel business class* itu bukan banyak dan rakyat pun jangan dengki pada MP dan senator yang menjadi Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini kerana wang yang dibelanjakan di dua "rumah" ini, Dewan Negara dan Dewan Rakyat barangkali Tuan Yang di-Pertua tidak sampai 5% *of our total budget, very little,* sedikit sangat wang yang kita belanjakan untuk wakil rakyat dan Ahli Dewan Negara ini dibandingkan perbelanjaan seluruh negara. Wakil rakyat dan Ahli Dewan Negara ini telah membincangkan undang-undang yang memastikan negara ini aman, bebas, merdeka, makmur tidak akanlah rakyat tidak faham bahawa mereka ini juga harus diberikan kedudukan yang lebih baik supaya khidmatnya itu tidak dilupakan.

Orang-orang ini haruslah dibenarkan seperti di Amerika, sekali dia menjadi presiden sampai mati dia jadi presiden. Begitu juga di China, sekali dia jadi senator sampai mati dia pegang nama jawatan senator itu. Kalau YB Senator yang bersara tidaklah salah kalau dia terus menggunakan namanya, Senator ABC. Sebagai penghormatan, kenang-kenangan, jasa yang dia berikan kepada rakyat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mungkin kembali ke Dewan Negara ini kerana disekat oleh perlembagaan. Tetapi 6 tahun saya sebagai Ahli Dewan Negara ini, suka-duka, gurauan selalu saya hadapi. Nasihat tentang, kadang-kadang saya *provoke* kawan-kawan saya *just for the sake of* menukar minda itu supaya minda berfikir. Kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat di belakang berdiri minta laluan.

Datuk Kalakau bin Untol: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat Datuk Kalakau.

Datuk Kalakau bin Untol: Apakah Yang Berhormat Datuk Haji Karim ini sudah putus asa selepas Ahli Dewan Negara dan tidak lagi mahu meneruskan perjuangan politik dalam negeri? Minta maaf Yang Berhormat.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Kalakau. Sebagai Ahli Dewan Negara tidak mungkin sebab itulah perlembagaan kita dua tahun sahaja. Sebagai Ahli Parlimen pun melalui suasana politik sekarang juga tidak mungkin kerana saya sudah merasa seolah-olah saya sudah terpinggir, kalau sudah terpinggir *next round* tetapi tersingkir.

Minda saya sekarang ini sudah bertukar daripada ahli politik sekarang kepada seorang petani. Tetapi niat saya untuk saya sendiri, makan minum cukup, untuk hantar anak sekolah cucup. Adakah patut selepas ini saya katakan tutup mata, tutup telinga, tutup mulut jangan peduli masyarakat di luar, cukuplah saya dengan keluarga, anak bini saya yang sudah cukup ini. Tetapi adalah dayus bagi saya sebagai seorang pejuang melihat anak bangsa saya yang terbiar. Jadi, kalau masih ada ruang untuk saya memberikan sumbangan Insya-Allah, saya ini biasa...

Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol: Sedikit lagi.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Saya ini biasa...

Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol: Laluan sedikit Yang Berhormat. Saya rasa secara wajarnya seorang senior dalam politik negeri tidak melafazkan sifat putus asa. Saya yang lebih muda daripada Yang Berhormat, *I would like to say here*, dengan izin, *a quitter never win and a winner never quit*. Terima kasih.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Terima kasih. Saya adalah seorang yang boleh dikatakan sungguh bertuah hidup di zaman *chartered company* sebelum Perang Dunia Kedua, selepas itu */Colony of Britain*, selepas itu kerajaan sendiri antara 31 Ogos hingga 16 September 1963 dan Malaysia sekarang. Pengalaman saya sungguh banyak – seorang *civil servant* antara *civil servant* yang paling tinggi di Sabah, selepas itu menjadi politik bertanding kalah 16 undi, kerajaan tumbang menjadi pembangkang 18 tahun, sebagai ahli kerajaan sekarang, seolah-olah saya punyai *expertise* dahulu *is to topple government*. Jadi mudah-mudahan pada masa depan perkara ini sudah berubah dan saya mengatakan di peringkat negeri, tunggulah kerana kerbau yang ingin menanduk dia tidak angkat kepala, dia tunduk.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berjuta-juta terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana *you are indulgence* apabila saya berucap, memberikan peluang saya membuat soalan tambahan kepada saudara-saudara Ahli Dewan, *this is a place where you have to learn.* Pegawai kerajaan yang memberikan kerjasama, kakitangan Dewan Negara, pegawai-pegawainya, semua baik-baik belaka.

Kadang-kadang mungkin saya tersalah cakap, tersalah laku, kadang-kadang seolah-olah biadab tetapi niat saya sebagai seorang yang belum tua tetapi,*quite senior,* mudah-mudahan kita memikirkan lebih daripada peribadi, memikirkan Malaysia yang indah ini di luar negara sungguh indah namanya. Kita ahli kerajaan atau ahli pembangkang sama sahaja. Niat kita mahu memperbaiki negara kita. Jangan kita di dalam Dewan ini yang selama ini sungguh *decorum*, tidak ada mengatakan satu monyet, yang lain monyet, kalau saya katakan umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri monyet. Yang Berhormat Tuan Hasan bin Haji Shukri kata saya monyet. Dua-dua itu monyet, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi, kuorum yang rasakan selama enam tahun ini sungguh indah dan kepimpinan Tuan Yang di-Pertua sungguh cantik dan kerajaan pada ketika ini sungguh baik, mudah-mudahan *I can rest in my retirement in happy, not yet rest in peace.* Dengan itu sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih *[Tepuk]* dan selamat tinggal. Sehingga berjumpa lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan mengucapkan terima kasih dan menghargai jasa dan sumbangan bakti Yang Berhormat. Selamat berjuang. Datuk Dr. Chin Fook Weng.

4.03 ptg.

Datuk Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selepas mendengar apa yang telah disuarakan oleh rakan...

Tuan Yang di-Pertua: Lepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh menjawab dan menggulung. Sila Yang Berhormat, mengambi masa mungkin sehingga 4,45 petang, boleh? Selewat-lewatnya 4,45. Boleh Yang Berhormat? Baik, Timbalan Menteri. Baiklah, selewat-lewatnya 4.50 petang.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa Dewan ini balik ke perkara-perkara yang telah dipohon di bawah Akta Perbekalan Tambahan 2005 ini khusus kepada beberapa maksud yang telah disebutkan. Sejumlahnya adalah 10 maksud daripada B.6 hingga B.62 dan amaun yang dipohon itu ialah RM9.1bilion atau lebih kurang 10% daripada anggaran perbelanjaan yang kita meluluskan pada tahun yang lalu.

Semasa kita meluluskan draf bajet pada tahun 2004 itu, maka kita telah diberi janji oleh kerajaan bahawa polisi untuk berjimat, polisi untuk mengawal selia duit kerajaan diketatkan lagi supaya kekurangan dalam perbelanjaan fiskal kerajaan itu tahun demi tahun akan dikurangkan kerana kerajaan pun sudah rasa bahawa perbelanjaan negara sudah meningkat dan kalau tidak diawasi dengan baik dan dalam suasana ekonomi dunia yang kurang baik itu, maka negara kita mungkin menghadapi masalah.

Oleh kerana itu beberapa projek juga ditangguhkan untuk membolehkan pengurusan duit itu dikaji dengan baik dan kemudian langkah-langkah tertentu diimplementasikan atau dilaksanakan supaya pengawasan ini dapat dipantau dengan baik dan semua pihak berkuasa yang menjaga kewangan itu dapat memainkan peranan mereka. Jadi, apabila saya melihat amaun yang dipohon lebih kurang 10% daripada amaun yang diluluskan pada asalnya, saya juga tanya menanya adakah kerajaan sudah lari daripada dasar yang diguna pakai setakat ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap di atas janji-janji yang telah dibuat itu bahawa kita tidak akan lari daripada dasar fiskal yang telah dilaksanakan di Malaysia setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun yang lalu saya sempat berjumpa dengan Ahli Parlimen di Filipina dipanggil Ahli Kongres dan Senator mereka dan mereka telah mengatakan daripada pendapatan negara itu, maka lebih kurang 34% itu diketepikan untuk membayar hutang sahaja dan selepas itu apa-apa baki boleh diguna untuk pembangunan. Itu ialah akibat daripada penyelenggaraan duit yang tidak profesional dan tidak baik dan kita tidak mahu melihat keadaan semacam itu berlaku di Malaysia. Jadi, kita sekarang membahaskan tambahan satu. Tidak lama lagi akan dibentangkan tambahan dua dan tiap-tiap kali kita dapati permohonan itu kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya berada di sini sebagai Ahli Dewan Negara, subsidi gas cecair LPG dan diesel itu memang sudah ada. Tahun demi tahun ini sudah meningkat. Sekarang apa yang dipohon ialah 6.29. Dalam bajet yang kita luluskan itu juga ada peruntukan bagi subsidi diesel dan kalau kita berterusan dengan perkara ini, maka kita tidak boleh mengatasi masalah dan lama-kelamaan negara akan menghadapi masalah besar. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua saya minta kerajaan supaya memikir perkara ini sungguhpun duit yang dipohon itu RM6.29 bilion atau 60% daripada jumlah yang dipohon itu, adalah untuk tujuan yang baik iaitu memberi subsidi, tetapi adakah ini satu jalan keluar untuk jangka masa panjang? Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat perkhidmatan pengangkutan awam di negara kita, kita tidak boleh berasa bangga. Hanya di Lembah Kelang di mana konsentrasi duit kerajaan ditumpukan untuk memperbaiki perkhidmatan, tetapi di bandar-bandar lain tidak ada.

Pagi tadi kita mendengar Kementerian Kewangan memberitahu jumlah bas yang akan dibeli untuk Lembah Kelang. Amaun jumlah itu ialah lebih kurang 1,500 buah bas untuk menampung perkhidmatan di Lembah Kelang. Tetapi, di bandar-bandar lain Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sokongan daripada Kerajaan Pusat langsung dalam perkara ini.

Itu amat mendukacitakan. Di Perlis bas yang memberi perkhidmatan itu sudah menghadapi kerugian, di Pulau Pinang itu pun serupa Tuan Yang di-Pertua, dan kalau kita tidak tukar minda kita supaya kita mengguna sebahagian subsidi ini untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam supaya kita menggalakkan lebih orang menggunakan servis pengangkutan awam dan juga selepas itu, tidak perlu lagi menggunakan kereta sendiri. Kalau kita dapat berbuat demikian, maka masalah untuk subsidi ini tahun demi tahun itu mungkin boleh dikurangkan ataupun boleh diatasi akhirnya. Kenapa kerajaan masih pegang begitu kuat kepada pendirian bahawa pelesenan bas-bas awam itu semua dipegang oleh Kerajaan Pusat dan tidak membantu kerajaan negeri langsung?

Di Pulau Pinang kita sudah ada perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi begitu lama, tetapi dari segi .... masih berterusan. Sehingga hari ini apabila kita melihat perkhidmatan bas, maka kita dapati ini amat berkurangan dan duit yang sepatutnya digunakan untuk tujuan baik itu tidak digunakan, tetapi diguna sebagai subsidi dan subsidi ini tidak akan mengatasi masalah kita, kerana kos minyak akan meningkat dan subsidi ini akan ditambahkan tahun demi tahun. Kita mesti ada satu usaha baru iaitu kita sekarang sudah berbelanja banyak untuk pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Kenapa satu amaun mungkin 10% daripada apa yang dibelanja di sini diberi kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk membantu mereka supaya mengadakan satu perkhidmatan yang baik? Apabila saya datang ke Kuala Lumpur saya sudah pakar dalam menggunakan LRT, Komuter, ERL, Bas Rapid dan sebagainya kerana saya tidak perlu lagi menggunakan kereta, kerana sudah ada pengangkutan awam yang boleh memadai bagi saya, tetapi apabila saya berada di negeri saya, sukar untuk saya menggunakan ini kerana di Pulau Pinang kita hanya bergantung kepada bas dan teksi.

Teksi tidak mahu guna meter, sampai sekarang kerajaan tidak boleh mengambil tindakan kepada teksi yang tidak mahu guna meter, bas itu auto selalu bermasalah, tidak tepat datang dan oleh kerana itu, maka kita terpaksa menggunakan kereta sendiri. Jadi saya berharap, subsidi RM6.292 bilion yang diberi kepada para pengguna kenderaan itu, sebahagian daripada ini, pada jangka masa panjang mesti diberi sebagai subsidi untuk negeri-negeri memperbaiki perkhidmatan bas mereka supaya tidak bergantung lagi kepada kereta.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dipohon untuk meluluskan bagi Maksud B.12 sebanyak RM91.4 juta untuk tabung pinjaman pelajaran bagi pinjaman pelajar politeknik, kolej komuniti dan juga jarak jauh. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tujuan untuk pinjaman ini adalah baik, tetapi daripada sikap pelajar-pelajar yang memohon ini kita dapati kerajaan terpaksa mengambil tindakan sehingga mereka disekat daripada keluar negara kerana tidak bayar balik pinjaman-pinjaman yang diambil itu.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman ialah pinjaman, pinjam mesti bayar. Kalau sudah pinjam tidak bayar, itu bererti kita sudah tidak menjalankan tanggungjawab kita, apabila kita hendak pinjam kita janji hendak bayar, tetapi lepas pinjam kita tidak bayar. Ini pun tidak betul. Jadi saya berharap amaun yang dipohon RM91.4 juta itu apabila disalurkan kepada pelajar, apabila pelajar itu tamat pelajaran mereka, mereka mesti, pasti membayar balik amaun yang dipinjam itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pinjaman sebanyak RM101 juta ialah untuk tiga syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia di bawah papan pertama dan tiga syarikat ini adalah syarikat gergasi, Consolidated Plantation Berhad, Boustead Holding Berhad, Kumpulan Guthrie Berhad. Consolidated Plantation Berhad diluluskan pinjaman RM75 juta, Boustead Holding Berhad - RM16 juta. Kumpulan Guthrie Berhad - RM10 juta.

Tuan Yang di-Pertua, patutkah kerajaan memberi pinjaman kepada tiga syarikat yang besar semacam ini, adakah kerajaan arif dalam perkara ini? Tiga syarikat dalam bursa saham Kuala Lumpur, dalam sektor *plantation*, tetapi dapat pinjaman RM101 juta. Saya fikir ini tidak patut berlaku, orang-orang kecil-kecilan, SME dan sebagainya tidak dapat tetapi tiga syarikat yang besar ini boleh memohon RM101 juta. Saya fikir kerajaan patut kaji semula perkara ini supaya di masa hadapan janganlah meluluskan permohonan semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat ada beberapa syarikat lagi yang permohonannya di luluskan oleh kerajaan RM100 juta kepada Syarikat Infineon Technologies Kulim Sdn Bhd bagi pembinaan kilang power, loji wafer fabrication, RM33.3 juta untuk Syarikat Cyber View Sdn Bhd. Bagi SME fasa 2 RM40 juta, bagi PUNB dan RM50 juta bagi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan supaya melihat laporan daripada Ketua Audit Negara. Ketua Pantomim Negara telah memberikan satu laporan yang tebal. Dalam laporan itu untuk tahun 2004, Ketua Audit Negara telah menyentuh tentang pinjaman kerajaan kepada syarikat-syarikat itu. Biar saya membaca apa yang telah disebutkan dalam laporan itu. Ketua Audit Negara telah menyatakan tunggakan bayaran balik pinjaman oleh syarikat bukan kerajaan pada tahun yang disebutkan ada 16 syarikat yang telah diberi pinjaman dan apabila sampai masa bayar balik hanya 4 bayar balik. Satu daripada syarikat itu iaitu SUKOM 1998 Bhd, terpaksa dihapuskan hutang dan syarikat itu dibubarkan secara *winding up*, Tuan Yang di-Pertua iaitu semua pinjaman hilang, habis semua *write-off* hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi syarikat yang tidak bayar balik langsung ialah Cyber View Sdn Bhd dan kerajaan berbesar hati dan melanjutkan tempoh penangguhan pinjaman itu sehingga 31 Disember 2005. Mereka belum bayar lagi, sekarang kita diminta lulus RM33.3 juta kepada Syarikat Cyber View Sdn Bhd, Tuan Yang di-Pertua. Kalau cara kita menguruskan duit negara kita tentu ada masalah, tentu ada masalah, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah laporan dan pengkritikan daripada Ketua Audit Negara. Saya tidak tahu maklumat ini tetapi apabila saya baca laporan Ketua Audit Negara maka saya telah melihat Cyber View tidak bayar hutang sekarang minta lagi pinjaman RM33.3 juta. Saya berharap perkara-perkara semacam ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua RM100 juta akan dipinjamkan kepada Syarikat Infineon Technologies Sdn Bhd bagi pembinaan kilang power, loji wafer fabrication di Kulim. Bolehkah kita pastikan RM100 juta ini tidak akan hilang? Adakah kerajaan mengkaji sebaik-baiknya projek-projek semacam ini sebelum meneruskannya?

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ke Maksud B.45 - Kementerian Belia dan Sukan. Di pohon RM22.293 juta. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita melihat bahawa kejayaan para atlet kita, sangat membanggakan dan kita melihat kontinjen yang Asean games di Manila ini, mereka telah mencatatkan rekod iaitu menang 61 pingat emas, 49 pingat Perak, dan 69 pingat gangsa. Akibat daripada prestasi yang cemerlang itu maka Perdana Menteri telah mengucapkan tahniah kepada mereka dan bukan sahaja berita baik itu tetapi Nicol David juga menang dalam skuasy dunia, pertandingannya di Hong Kong.

Semasa saya berucap sekarang, Nicol David sedang dilayan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sebagai satu penghargaan kepada pencapaian Nicol dan apabila Nicol balik dari Hong Kong, Menteri Belia dan Sukan berada di KLIA untuk menyambut. Sebelum Perdana Menteri berlepas ke Mekah, Perdana Menteri kita juga menelefon Nicol untuk mengucapkan tahniah. Ini adalah petanda-petanda yang baik yang menunjukkan bahawa kita boleh, Tuan Yang di-Pertua. Dan, Kabinet telah meluluskan RM200,000 sebagai satu penghargaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap di bawah Kementerian Belia dan Sukan itu dan juga di bawah badan-badan lain seperti National Sports Council (NSC) kita, kita ada skim-skim dan insentif-insentif bagi mereka yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam arena sukan.

Saya berharap semua insentif itu yang telah diberikan termasuk pencen seumur hidup bagi atlet-atlet yang mencapai kejayaan itu juga akan dipanjangkan kepada Nicol David sekiranya Nicol David itu layak menerima insentif-insentif. Itu yang penting kerana kita tidak mahu lihat seolah-olah kita mengingati prestasi ini apabila dia berlaku sahaja dan kemudian kita sudah lupakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bangkitkan perkara orang kita yang mendaki Bukit - *Mount Everest* apabila mereka balik mereka diberi tahniah dan sebagainya tetapi selepas itu tidak ada apa lagi yang diberi kepada mereka ini. Mereka seolah-olah dilupakan dan apabila rakyat kita di England dalam acara berenang English Channel apabila budak itu

Lee dia berjaya berbuat demikian maka kita juga ucap tahniah dan selepas itu bagi satu bantuan untuk pengajian dia sebanyak 5,000 pound dan kemudian dia juga dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi-prestasi yang membawa nama baik kepada negara kita itu mesti dihargai melalui skim-skim yang ada dan saya berharap di bawah kementerian itu dia akan berusaha.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat setakat ini sungguhpun Menteri Belia dan Sukan berada di KLIA untuk menyambut kedatangan Nicol David pada hari Isnin itu maka sebelum itu saya tidak lihat telegram atau telefon dan sebagainya untuk mengucap tahniah kepada pihak-pihak ini. Saya lebih suka melihat kepada Menteri Sukan kita supaya memberi galakan yang lebih kepada para atlet. Ini pada saya satu perkara pokok kerana kita bukan senang mendapat prestasi cemerlang seperti yang dituntut dan kita patut memberi penghargaan yang secukup-cukupnya sebagai satu negara yang mengakui bahawa prestasi mereka ini telah membawa nama baik kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang Maksud B.46 iaitu di bawah Kementerian Sumber Manusia. Apa yang dipohon ialah RM100 juta untuk Skim Latihan Graduan.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali pertama permohonan ini dibuat, kita tahu bahawa kebelakangan ini oleh sebab keadaan ekonomi kurang baik maka ramai daripada mereka yang keluar daripada universiti itu tidak dapat pekerjaan dan akibat daripada itu maka kerajaan telah mengadakan satu Skim Latihan Graduan untuk membantu mereka dari segi pemasaran kemahiran-kemahiran pelajar-pelajar ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan semacam ini tiap-tiap kali kita kena luluskan. Kalau kita memikir adakah ini cara yang betul untuk mengatasi masalah semacam ini, kalau kita tanya-tanya sama ada apa yang kita buat setakat ini adalah cara yang betul untuk mengatasi masalah ini kita lihat seolah-olah tak boleh mengatasi. Ini mungkin bagi sedikit ubat sahaja tetapi penyakit itu masih berterusan.

Pada saya, apa yang menjadi masalah ialah mungkin kursus-kursus yang dipelajari oleh pelajar-pelajar ini kurang sesuai untuk memberi pekerjaan kepadanya dan kalau selepas Skim Latihan Graduan ini mereka boleh dapat pekerjaan, itu bermakna apa yang diajar pada masa ini patut diajar di universiti supaya apabila pelajar itu keluar, dia sudah lengkap dengan kemahiran-kemahiran yang akan dihargai oleh sektor-sektor yang akan memberi mereka pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau demikian, RM100 juta ini lebih baik disalurkan kepada universiti-universiti untuk masukkan unsur-unsur yang ada dalam Skim Latihan Graduan ini supaya graduan itu boleh dapat pekerjaan.

Kalau kita tidak berbuat demikian maka masalah ini akan berterusan. Tahun depan kita akan juga diminta meluluskan satu amaun lagi untuk maksud ini. Sebagai satu jangka masa panjang, saya lihat masalah ini tidak akan diatasi kalau kita guna pendekatan ini iaitu tiap-tiap kali dari graduan yang tidak dapat pekerjaan selepas itu bagi mereka latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan kemudian harap mereka dapat pekerjaan. Kenapa kita tak mengkaji kesesuaian kursus-kursus yang ada.

Apabila saya lulus universiti dulu Tuan Yang di-Pertua saya terus dapat pekerjaan. Saya tidak perlu latihan tambahan dan sebagainya tak ada itu latihan tambahan mungkin pada masa itu keadaan ekonomi lebih baik apalah saya pun tidak tahu tetapi sama ada orang itu sudah bersedia untuk memulakan pekerjaan atau orang itu masih tak bersedia dan perlu lagi latihan atau bantuan dari Kementerian Sumber Manusia ini.

Kita harus mengkaji perkara ini sebagai satu masalah jangka masa panjang dan cari suatu penyelesaian yang boleh menyelesaikan masalah ini supaya ia tidak berterusan tahun demi tahun.

Tuan Yang di-Pertua bagi Maksud B.62, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. RM45 juta telah dipohon untuk kos operasi Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Kebelakangan ini kita telah mendapat publisiti yang buruk tentang Agensi Anti Dadah Kebangsaan ini.

Oleh kerana apabila ada satu acara yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dalam satu pelancaran, maka pegawai ini dari agensi itu tidak hadir. Apabila Timbalan Menteri yang sama itu hadir di satu lagi acara, maka pegawai lagi tidak hadir di tempat yang lain.

Memandangkan demikian Tuan Yang di-Pertua, adakah munasabah bagi kita berbelanja RM45 juta ataupun kita patut mengkaji sama ada kakitangan-kakitangan di sini patut diingatkan bahawa mereka memainkan satu peranan yang penting sebagai Agensi Antidadah Kebangsaan dan mereka mesti memberi penuh sokongan kepada rakyat atau sesiapa yang akan menganjurkan seminar atau apa aktiviti yang akan membantu dalam mengatasi masalah dadah ini.

Memandangkan masalah dadah adalah satu perkara yang sangat besar, kita patut mengkaji bagaimana kita dapat meningkatkan lagi prestasi agensi ini supaya ia cukup minat dalam perjuangan untuk mengatasi masalah dadah itu. Ia akan memainkan satu peranan untuk memimpin dalam segala usaha, dalam mencegah dadah. Pihak PDRM.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya kurang setuju sikit dengan pandangan Yang Berhormat tadi mengatakan peruntukan tidak patut diberi kepada Agensi Antidadah Kebangsaan kerana ada dua pegawainya tidak hadir majlis yang dianjurkan ataupun majlis yang Timbalan Menteri hadir, tidak ada dua pegawai Agensi Antidadah. Tetapi bagi sayalah, janganlah kerana satu, dua kesilapan kita hendak tuduh seluruh agensi dadah itu tidak relevan.

Saya berasa perkara ini dan saya bagi satu lagi bukti kepada Yang Berhormat. Di Pulau Pinang sendiri, Timbalan Menteri hadir satu majlis agensi dadah yang pegawainya tidak hadir. Tetapi di sebelah Seberang Perai juga, ada satu majlis lagi yang dianjurkan agensi dadah tetapi ada pegawai yang hadir. Tetapi perkara yang remeh-temeh satu, dua perkara kita tidak boleh tuduh kepada semua pegawai agensi dadah tidak relevan. Jadi saya berharaplah perkara ini kita kena pertimbangkan. Kita juga manusia biasa, ada kelemahan dan kesalahan. Mungkin ada *communication breakdown*. Jadi ini saya rasalah Yang Berhormat kita kena risik mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setujulah bahawa oleh kerana kelakuan satu dua orang itu, jangan salahkan semua yang lain. Itu betul. Tetapi apa yang saya berhujah dalam perkara ini ialah supaya kita melihat tentang peranan mereka kerana mereka dilihat oleh masyarakat sebagai satu badan yang mendahului perjuangan ini dan mereka mesti menunjukkan semangat dan sikap yang betul. Itu yang penting. Untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) Tuan Yang di-Pertua, 34.2 juta ialah permohonan yang telah dibuat untuk PDRM.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah ada banyak laporan dalam surat khabar, dalam media dan sebagainya tentang beberapa perkara yang telah berlaku dan akibat daripada itu, kita sudah ada satu suruhanjaya untuk menyiasat perkara-perkara yang telah dituduh itu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting bagi kita ialah supaya kita dapat mengatasi imej PDRM pada setakat ini dan PDRM patut mengingatkan pegawai-pegawainya tentang hak-hak asasi setiap rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini buku ini "Mengenali Hak Anda", "*Know Your Rights*" *[Memegang buku yang dimaksudkan]* telah dilancarkan oleh pihak Pemuda dan Wanita Parti Gerakan Rakyat Malaysia pada satu acara pagi ini dan juga dihadiri oleh pegawai-pegawai polis PDRM dan wakil-wakil dari kedutaan-kedutaan yang mana rakyatnya dikatakan telah menghadapi masalah daripada pihak PDRM.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kehadiran pihak polis dalam acara semacam ini adalah satu petanda yang baik yang menunjukkan mereka cukup profesional untuk mengatasi masalah ini. Baru-baru ini, kita juga melihat pegawai-pegawai polis semua memakai lencana "Saya Anti Rasuah". Ini juga satu petanda yang baik. Tetapi bolehkah kita juga mengharapkan pihak polis supaya menghormati hak rakyat, semasa rakyat ditahan, di*lock-up* atau semasa rakyat ditahan di tepi jalan dan sebagainya.

Apa yang disebutkan di sini ialah *"know your rights, work with the police*". Ini bukan satu kritikan kepada pihak polis tetapi satu cadangan supaya pihak polis lebih bertanggungjawab tentang peranan mereka dan saya berharap pegawai-pegawai atasan polis itu akan mengambil berat tentang pelancaran buku ini dan kemudian mengingatkan pegawai-pegawai mereka supaya mematuhi apa yang telah dikatakan sebagai garis panduan kepada pihak polis dalam perjalanan usaha-usaha dan juga tugas-tugas mereka. Kalau kita dapat berbuat demikian, maka saya pasti dan yakin bahawa imej polis dengan rakyat itu akan dipulihkan dan kita penuh keyakinan terhadap usaha polis dalam membantu kita.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah perkara-perkara dan saya telah diminta habis tepat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Satu minit lagi? Ya, sila.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Saya tertarik dengan ucapan Dato' berkenaan dengan supaya polis menghormati hak rakyat dan kita lihat bagaimana apa yang berlaku dalam negara kita banyak kes dan kita lihat seolah-olah ada campur tangan orang politik dalam menguasai dari segi beberapa kerja polis. Di antaranya saya bagi contoh yang terdekat ialah dalam kempen pilihan raya Pengkalan Pasir. Kami melihat sendiri bagaimana polis mengiringi petugas-petugas daripada parti kerajaan di dalam berkempen kepada rakyat. Ini merupakan satu perkara yang saya rasa tidak profesional di dalam kita hendak memastikan demokrasi yang seadil-adilnya berlaku dalam negara kita. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya tidak tahulah sama ada penyokong-penyokong PAS mengancam mereka. Kalau itu berlaku, mungkin mereka takut dan kena dapat perlindungan pihak polis, tetapi saya serahkan ini kepada kebijaksanaan pihak polis untuk menentukan kerana keadaan di tempat itu mungkin begitu hangat dan perlukan mereka diberi perlindungan dan sebagainya. Saya tidak tahu kerana saya tidak hadir di tempat itu. Jadi sangat susah bagi saya memberi komen yang membina terhadap perkara ini.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin memberitahu pengalaman saya sendiri apabila ada pilihan raya di Lunas dulu. Parti PAS, pekerja parti PAS bawa parang panjang, pisau, kayu, tahan bas-bas yang pergi sana. Saya juga dikurung di balai polis di Lunas, jadi elok dan selamat apabila polis-polis memberi bantuan kepada pekerja-pekerja untuk menjaga keselamatan diri pekerja-pekerja itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Seperti yang saya terangkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa keadaan di tempat berkenaan mungkin memerlukan tindakan-tindakan tertentu. Jadi sebagai satu badan yang mempunyai profesionalisme yang mencukupi, saya rasa mereka boleh memikirkan apa yang patut dibuat. Tetapi apa yang penting di dalam garis panduan ialah kita diingatkan bahawa sesiapa yang tidak puas hati, boleh buat laporan polis dan polis mesti terima laporan itu, tidak boleh elak, tidak boleh kata tidak mahu terima, mesti terima. Jadi saya mintalah kalau pihak PAS yang tidak puas hati itu supaya buat laporan polis dan bagi mereka membuat penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sudah lama berada dengan kami untuk mendengar hujah-hujah yang banyak itu daripada saya dan kalau saya telah keluar daripada tajuk, saya minta maaf. Tetapi bagi saya, saya cuba menumpukan perhatian kepada apa yang telah dipohon untuk kita membahaskan perkara-perkara itu sahaja. Dan dengan itu, saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.54 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam fasal Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2005 di Dewan yang mulia dan memberi cadangan dan pelbagai lagi dalam sentuhan berkenaan dan kita akan mengambil segala yang dicadangkan itu dengan tujuan yang baik. Insya-Allah saya akan menjelaskan beberapa perkara yang berbangkit, manakala perkara-perkara yang tak sempat saya jelaskan, sukacita saya maklumkan bahawa perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya diberi kepada perkara-perkara tersebut.

Ada pun dimaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini diangkat dan apa yang kita bincang ataupun dibangkitkan tadi banyak terlibat secara langsung di kementerian-kementerian yang terbabit secara teknikal. Sebab itulah saya katakan tadi mungkin saya tidak akan menyentuh soal perkara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, secara langsung ada tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Datuk Haji Karim Ghani dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Boleh kita rumuskan dalam perbincangan pada perkara-perkara selain daripada Kementerian yang sebut tadi, khusus kepada mengapa dan apakah sebabnya setiap tahun Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini kita bangkit atau kita bentangkan. Juga khusus mengenai subsidi petroleum, ada kita tersasar kepada subsidi-subsidi yang lain lagi. Dan juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Chin tadi mengenai tabung khusus ataupun kumpulan wang yang kita luluskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya izinkan kita sejelas-jelasnya faham mengenai tujuan kerajaan membentangkan peruntukan tambahan seperti ini kerana peruntukan ini mesti kita bentang oleh kerana terlibat dalam bajet tahunan bagi tahun 2005 ini apabila berlaku sepanjang tahun peruntukan-peruntukan tertentu yang tidak ada dalam bajet dan tidak terfikir ataupun tidak terancang di peringkat awal. Manakala juga dasar-dasar kerajaan putuskan sepanjang tahun dan memerlukan bajet segera untuk tindakan kementerian-kementerian dan ia akan melibatkan potongan tambahan. Contohnya apabila kerajaan mengumumkan bonus tahunan. Jadi untuk menyelesaikan bonus pada tahun berkenaan, maka kita terpaksa membelanjakan peruntukan daripada peruntukan tambahan.

Begitu juga sebenarnya peruntukan-peruntukan daripada kementerian-kementerian yang terbabit yang kita bentangkan ini juga sebenarnya terlibat secara langsung mengenai program-program semasa yang tidak sempat dan tidak dapat diperuntukkan dalam bajet tahunan mereka. Juga Tuan Yang di-Pertua, kita sangat sedar pada tahun 2005 ini, kedudukan petroleum ataupun harga minyak di peringkat dunia melambung tinggi begitu ketara hinggakan ia seolah-olah meletakkan harga minyak ini sebagai satu perkara yang boleh menggoncang ekonomi sesebuah negara dan ia perlu kita tangani dengan sebaik-baiknya jika peruntukan tambahan dibelanjakan ke atas subsidi minyak. Kalau kita tengok sebentar tadi, ramai di antara kita telah membincangkan soal subsidi minyak ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa peruntukan perbekalan tambahan ini tidak akan menjejaskan sama sekali matlamat kita untuk mencapai defisit keseluruhan bajet kita dengan kadar defisit kita 3.8% kepada KDNK bagi tahun berkenaan daripada bajet asal yang kita bentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memperjelaskan secara langsung oleh kerana 69% daripada peruntukan tambahan ini kita peruntukkan atau kita belanja bagi menampung subsidi harga minyak yang kita kenakan ataupun kita bayar di seluruh negara bagi menampung akibat daripada kenaikan harga minyak dunia tetapi tidak menerima kesan yang tinggi kepada pengguna-pengguna di dalam negeri. Kita mesti faham, Tuan Yang di-Pertua, subsidi ataupun harga petroleum ini sebenarnya kalau pada hari ini petroleum telah menjadikan apa yang boleh kita katakan seolah-olah memprogramkan kehidupan kita pada ketika ini.

Jadi kita tahu apabila harga petroleum ini naik maka ia akan melibatkan semua harga barangan lain kepada pengguna. Bukan sahaja kita bincang sebagaimana yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semata-mata mengenai siapa yang dapat subsidi boleh pakai kereta Mercedes kereta besar, yang kereta kecil dapat sedikit dan sebagainya bukan hanya untuk kenderaan. Sebenarnya minyak ini ia akan melibatkan kesemua termasuk elektrik, air, termasuk untuk pergerakan kita, tambang menambang dan sebagainya malah kita lihat apabila sahaja kita naikkan harga minyak ia akan melibatkan juga harga teh tarik pun naik, harga cili pun naik. Jadi ini melibatkan semua kehidupan kita, maka tidak boleh kita lihat secara kecil malah kita lihat ada juga negara-negara di rantau ini, oleh itu kita perlu bersyukur dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan kita, kita dapat membendung.

Kalau kita lihat negara-negara jiran walaupun ada fakta tadi yang agak silap di negara Indonesia contohnya, harga petroleum naik sehingga hari ini walaupun mereka pengeluar petroleum yang besar daripada negara kita, tetapi harga petroleum mereka lebih tinggi daripada negara kita. Di negara-negara jiran yang tidak ada subsidi di sebelah selatan, di sebelah utara kita lihat bagaimana berlaku kebocoran bila harga di negara jiran lebih mahal maka ada kebocoran, harga kita murah - berlaku bocor. Tengok Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sampai tubuhkan jawatankuasa Kabinet untuk memastikan nikmat yang kita nikmati di negara kita ini tidak mengalir ke negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan harga petroleum kita pada hari ini yang dibayar di peringkat pengguna bagi petrol, contoh petrol ron 97 pada ketika ini RM1.62. Sepatutnya harga tanpa subsidi RM1.87, jadi kita dapati kerajaan menanggung kos 83.62 sen seliter bagi tujuan ini. Jadi cuba bayangkan harga kita dengan negara-negara jiran yang saya katakan tadi, kita dapat menampung dengan harga yang murah ini kerana kita menanggung sebahagian daripada harga minyak runcit itu sendiri. Dan apa yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, kita dapat menahan ataupun memastikan harga-harga barangan yang lain tidak berleluasa meningkat dan naik di dalam negara kita. Jadi begitu sekali kalau kita lihat kepada kenaikan mendadak di peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak berkorban dari segi subsidi ini saya percaya Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita akan juga terjerumus kepada harga ataupun inflasi dalam negara kita dan sebagainya. Jadi ini sangat penting. Saya sukacita jelaskan juga kerana pembahagian ataupun pembayaran subsidi ini kita bayar terus kepada syarikat-syarikat minyak di atas kadar penggunaan ataupun jumlah yang kita gunakan dalam negara. Ada saya sebut di sini kerana dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi diberi contoh, sepatutnya golongan miskin sahaja yang akan dapat subsidi ini.

Sebenarnya pihak kerajaan memikirkan contohnya mengenakan ataupun memberi kursus kepada nelayan-nelayan dengan subsidi yang sedia ada, tetapi masih lagi diberi harga yang lebih rendah dalam subsidi diesel dan sebagainya supaya golongan-golongan ini mendapat faedah. Itulah yang dikatakan faedah-faedah ini kadang-kadang digunakan secara salah guna oleh pihak-pihak tertentu dan mengalir kepada penyangak-penyangak diesel dan ia berlaku sebagaimana yang kita tahu dalam tempoh baru-baru ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, marilah kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat kita berdoa walaupun tadi disebut, adakah kita kena tanggung lagi, ada cadangan daripada Yang Berhormat seolah-olah mesti pastikan tidak ada subsidi supaya tidak ditanggung oleh kerajaan. Jadi saya percaya oleh kerana disebut juga Ahli–ahli Yang Berhormat tadi, kita juga sebagai pengeluar minyak sebagaimana Datuk Haji Karim sebut tadi sepatutnya kita beli lebih murah.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat syarikat pengeluar minyak negara kita Petronas mereka dikenakan cukai kepada syarikat berkenaan untuk menimbal balas kepada harga minyak ataupun keuntungan yang mereka perolehi daripada harga minyak berkenaan. Daripada sini juga kita tampung balik subsidi kepada rakyat. Jadi ini sukacita saya jelas Tuan Yang di-Pertua kerana saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain baru balik daripada Pengkalan Pasir - didapati sesetengah pihak menggunakan dengan sewenang-wenangnya untuk mereka yang berkepentingan, bila

sahaja harga minyak naik padahal harga seluruh dunia naik, kita naik sedikit orang lain naik banyak tidak diberitahu tetapi dicanang di merata tempat, seolah-olah era Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini semua naik, naik, naik, naik, bakar semangat rakyat.

Cuba bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kalau kita tidak ada subsidi harga sebenar dibayar oleh pengguna tentu sekali di pihak pembangkang terutamanya saya percaya mengambil kesempatan meracuni fikiran rakyat bahawa kenaikan ini sebenarnya di atas ketidakcekapan kita kononnya. Padahal ini kita pastikan atas kewajaran dan tidak dapat mengelak apabila harga minyak dunia naik, seluruh dunia tidak dapat lari daripada kenaikan harga petroleum ini, tetapi kita boleh lagi bersyukur kerana kerajaan yang bijak, Kerajaan Barisan Nasional kita masih kita peruntukan dengan peruntukan yang besar untuk menampung sebahagian daripada harga minyak ini bagi meringankan beban rakyat. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya tertarik sedikit tentang apa Yang Berhormat kata tadi, ada pihak-pihak yang cuba membakar semangat katakan semua barangan itu naik, adakah pihak-pihak berkenaan pernah memberi cadangan kepada kerajaan bagaimanakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini memandangkan bahawa kenaikan harga minyak hari ini adalah berdasarkan kepada harga di pasaran antarabangsa yang lain. Adakah kerajaan pernah mendapat cadangan-cadangan daripada pihak-pihak berkenaan?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak nampak malah di Dewan Rakyat ada cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional supaya kita memikirkan, pihak kerajaan memikirkan alternatif kepada penggunaan petroleum ini. Sebab itulah kerajaan kita pada hari ini menggalakkan bio-diesel daripada kelapa sawit dan bahan bakar daripada lain dan kita cari sumber lain daripada petroleum. Ini sudah boleh menggerakkan teknologi dalam negara kita. Jadi biasalah Tuan Yang di-Pertua pembangkang atau orang yang berkenaan ingin mengambil kesempatan. Sebab itu kita berhati-hati seperti saya katakan subsidi ini satu manfaat yang besar dan dalam konteks pembangunan negara kita dalam konteks membangunkan rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit sebanyaklah apa yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kementerian lain, tetapi saya tidak berhajat untuk pergi secara khusus kerana seperti mana yang kita tahu secara teknikalnya kementerian-kementerian ini apabila Bajet 2005 tidak diperuntukkan, maka program segera atau program berkenaan perlu disegerakan, jadi mereka perlu kepada peruntukan tambahan. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad peruntukan tambahan ke sekolah-sekolah luar bandar. Ini sebenarnya Yang Berhormat telah pun dibaca dan diberi peruntukan dalam Bajet 2006 dan kita dapati keseluruhannya ada di situ untuk menyelesaikan masalah bekalan air, bekalan elektrik 100% sebagaimana Yang Berhormat bangkitkan tadi.

Untuk perkara Kolej Komuniti supaya didirikan setiap Parlimen saya percaya ini adalah hasrat dan cita-cita negara melalui Kementerian Pengajian Tinggi. Setakat ini kita mempunyai 34 buah Kolej Komuniti dan cadangan untuk mewujudkan setiap kolej ini di setiap Parlimen masih lagi kekal tetapi ia bergantung kepada peruntukan ataupun kedudukan kewangan negara.

Untuk pinjaman pelajar-pelajar MARA supaya ia terhad untuk kursus-kursus tertentu sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menjimatkan kos tajaan pelajar-pelajar oleh MARA ke luar negara hanya diberikan kepada kursus-kursus yang tidak terdapat di dalam negara atau kursus-kursus kritikal yang tidak dapat ditampung oleh IPTA seperti kursus perubatan dan kejuruteraan.

Mengenai tabung MLVK iaitu Tabung Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia, saya harap Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan ketidakcekapan pengurusan tabung ini perlulah kita mengatakan ataupun memberi butir-butir terperinci kepada kementerian berkenaan supaya hasrat kerajaan yang baik melalui tabung ini bagi melatih anak-anak kita bagi mendapat kemahiran dapat kita laksanakan dengan cemerlang.

Begitu juga peruntukan yang diberi kepada Rakan Muda, kepada Program Amanah Sukan dan sebagainya, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan tadi. Saya percaya inilah hasrat dan matlamat kita bagi mencemerlangkan belia dan juga kedudukan sukan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sukacita saya hendak mengulas apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng mengenai laporan audit negara pinjaman kepada syarikat sebanyak 16 buah, empat buah sahaja yang membayar balik. Satu syarikat SUKOM dibubarkan dan hutang yang ditanggung oleh kerajaan melalui *cyber view* juga tidak berbayar, mengapa kita luluskan balik dalam peruntukan tambahan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *cyber view* ini, peruntukan ataupun geran yang kita luluskan kepada mereka ini adalah untuk membina lot-lot IKS, yang mana kita kenal pasti di *cyber view* pada hari ini terdapat *multinational company* dan sebagainya untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk masuk ke *cyber view* mereka memerlukan penempatan yang sesuai. Kalau harapkan mereka, mereka tidak dapat menampung kerana tinggi jadi kita menggunakan geran kerajaan untuk dibina dan membolehkan mereka masuk dalam zon *cyber view* ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga mengenai Syarikat Infineon Sdn. Bhd. yang kerajaan akan beri insentif untuk beroperasi di Kulim Hi-Tech di mana kita mengeluarkan bantuan ini. Sebenarnya syarikat ini telah mengeluarkan pelaburan yang tinggi dan rekod kerja mereka sangat baik di Melaka dan mereka ini diberi insentif oleh kerajaan kerana pelaburan mereka ini mempunyai teknologi yang tinggi, yang mana hasil daripada teknologi mereka ini sangat baik daripada segi eksport dan meningkatkan eksport negara. Ia juga akan memberikan peluang pekerjaan yang tinggi kepada pekerja-pekerja tempatan khususnya dalam bidang kejuruteraan dan sebagainya. Jadi, melalui kejayaan mereka di Melaka maka kerajaan menggunakan peluang dan menawarkan mereka untuk beroperasi ataupun membina kilang mereka di Kulim Hi-Tech.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk sukacita saya ingin jelaskan juga sebenarnya bukan sahaja perbelanjaan pengangkutan awam di Lembah Klang sahaja yang kita...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tadi saya juga bangkitkan mengenai pinjaman kepada Consolidated Plantation Boustead dan Kumpulan Guthrie. Boleh kita dapat sedikit penjelasan tentang ketiga-tiga syarikat ini? Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Sebenarnya ketiga-tiga syarikat tersenarai ataupun GSC yang diberi geran ini, untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang kita putuskan dalam bidang pertanian terutamanya untuk membangunkan teknologi tinggi dalam pertanian bagi mencapai hasrat negara. Saya putuskan begitu. Saya tutup ulasan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan infrastruktur kemudahan awam ataupun pengangkutan awam di Lembah Klang yang saya jawab pagi tadi, sebenarnya juga tidak hanya di Lembah Klang tetapi kita akan tumpu ke bandar-bandar besar yang lain, di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, itulah ulasan saya, saya ucapkan terima kasih kepada apa yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat dan saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih. Perkara-perkara lain yang tidak saya jawab tetapi, insya-Allah, akan diberi tumpuan akan diberi perhatian untuk tindakan pada masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli yang berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu telah disetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.19 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah pada 18 Januari meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan pindaan tahun 2004 yang antara lain meminda Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan untuk menaikkan tempoh jawatan seseorang hakim daripada 65 tahun kepada 66 tahun.

Rang undang-undang itu telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 19 Januari 2005 dan seterusnya rang undang-undang itu yang dikenali sebagai Akta Perlembagaan Pindaan 2005 iaitu Akta A1239 telah dikuatkuasakan sebahagiannya termasuk pindaan kepada 122 dan 125 Perlembagaan Persekutuan pada 21 Mac 2005.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada pertambahan tempoh jawatan para hakim daripada 65 tahun kepada 66 tahun, maka berlakulah anjakan umur persaraan mereka ke setahun lagi. Iaitu kepada 66 tahun. Ini telah menimbulkan keperluan untuk dibawa rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini, yakni untuk dibuat pindaan berbangkit dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya kepada Akta Saraan Hakim 1971. Buat masa ini, Akta Saraan Hakim 1971 memperuntukkan 65 tahun sebagai umur persaraan hakim-hakim.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 ialah peruntukan permulaan rang undang-undang ini diberikan kuat kuasa di belakang iaitu pada 21 Mac 2005 yang merupakan tarikh kuat kuasa Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005. Peruntukan yang perlu dipinda dalam Akta Saraan Hakim 1971, berhubung dengan persaraan hakim-hakim ialah takrif persaraan dalam Seksyen 1A, dan dalam Seksyen 8 yang menggantikan perenggan (a) dan meminda

perenggan (d). Ini disebut masing-masing di dalam Fasal 2 dan 3, rang undang-undang ini. Perkara yang ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini ialah persaraan bagi maksud peranan 8(a) yang baru, memperuntukkan bukan setakat persaraan hakim-hakim apabila mereka mencapai umur 66 tahun. Tetapi juga merangkumi tempoh lanjutan yang tidak melebihi 6 bulan selepas hakim-hakim mencapai umur 66 tahun sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perlanjutan tempoh jawatan hakim-hakim sudah sekian lama termaktub dalam Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, dan sudah sekian lama juga tidak dikaitkan dalam konteks persaraan dalam Akta Saraan Hakim 1971, namun begitu kerajaan berpendapat adalah wajar diberikan kini, suatu takrif persaraan yang komprehensif dalam Akta Saraan Hakim 1971.

Pindaan kepada peranan 8(d) Akta Saraan Hakim 1971, telah mengambil kira perkara yang saya sebut sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Fasal 4 rang undang-undang ini, izinkan saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa mengikut ekuiti dan doktrin jangkaan sah, dengan izin, *legitimate expectation* wujud dengan pengharapan yang munasabah dengan izin, *reasonable expectation* bahawa terma-terma jawatan yang kurang baik tidak akan dikuatkuasakan terhadap seseorang penjawat selepas lantikannya.

Bagi para hakim ini, ditegaskan dalam Fasal (7) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan. Pada dasarnya perlanjutan tempoh jawatan seseorang hakim daripada 65 tahun kepada 66 tahun, dan ternyata sekali melibatkan perubahan kepada terma-terma jawatan bagi hakim merupakan satu penambahbaikan dan tidak akan menjejaskan kepentingan mana-mana hakim, dan oleh itu bukanlah suatu yang kurang baik baginya mengikut pengertian Fasal (7) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa hujah sebaliknya juga boleh dianjurkan. Umpamanya, perlanjutan umur persaraan membawa kesan penangguhan pembayaran ganjaran dan pencen. Dengan perkataan lain, kesan daripada perubahan ini bergantung kepada jangkaan dengan izin, *expectations* dan tafsiran seseorang. Bagi mengelakkan apa-apa implikasi daripada ketidaktentuan yang saya perjelaskan tadi dan khususnya dengan mengambil kira fakta bahawa kuat kuasa Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005, terpakai bagi hakim-hakim yang dilantik dari 21 Mac 2005. Maka satu opsyen secara pentadbiran telah diberikan kepada para hakim.

Melalui suatu opsyen pilihan diberikan kepada hakim-hakim untuk kekal di dalam terma-terma jawatan yang sedia ada, jika baginya perubahan baru terma-terma jawatan itu tidak memanfaatkannya. Dan melalui Fasal 4, rang undang-undang ini, adalah dicadangkan supaya dikekalkan hak kepada pencen dan faedah lain di bawah Akta Saraan Hakim 1971 bagi hakim-hakim yang memilih untuk bersara pada umur 65 tahun dan bukannya 66 tahun. Saya difahamkan bahawa dua orang hakim telah memilih untuk bersara pada umur 65 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5, rang undang-undang ini memperkatakan peruntukan pengesahan fasal ini bertujuan untuk mengesahkan pemberian pencen dan faedah yang diberikan kepada hakim-hakim yang dilantik sebelum 21 Mac 2005. Yang tempoh jawatannya, dilanjutkan kepada apa-apa tempoh yang tidak melebihi 6 bulan selepas mencapai umur 65 tahun menurut kuasa Fasal (1) perkara 125 Perlembagaan Persekutuan. Pengesahan ini adalah hanya bagi pembayaran yang dibuat sebelum 21 Mac 2005 sahaja. Pembayaran yang dibuat selepas 21 Mac 2005, telah pun diambil kira dalam perenggan 8(a) yang baru yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini. Sebagaimana penjelasan saya berkaitan dengan pindaan yang dicadangkan kepada perenggan 8(a), sekali lagi ingin saya ulangi bahawa perlanjutan tempoh jawatan para hakim telah lama termaktub dalam Fasal 1, Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Alasan yang saya kemukakan apabila memperkatakan pindaan kepada perenggan 8 (a) itu juga, saya ketengahkan sekali lagi berdasarkan hubung kaitnya dengan Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas dan nyata bahawa kandungan rang undang-undang ini hanyalah bertujuan untuk melengkapkan peruntukan Akta Saraan Hakim 1971 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Fasal 1, Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan dan memformalkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang telah sekian lama hanya ditafsirkan sama sahaja dengan Akta Saraan Hakim 1971, supaya wujud peruntukan yang komprehensif tentang persaraan hakim-hakim di negara itu. Dengan izin, *it's a consequential amendment.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

5.27 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kita ada tiga minit lagi. Saya hanya mengambil sedikit masa untuk menyatakan dalam pindaan kepada Akta 45 ini. Ini adalah wajar dilakukan kerana kalau kita melaksanakan sesuatu kepada satu kumpulan rakyat kita yang sangat disanjung tinggi, yang sangat dihormati, yang sangat diharapkan itu, maka mereka ini mesti mendapat kepuasan.

Kita tidak mahu melihat satu *lacuna* di undang-undang yang mana apa yang telah dinikmati oleh mereka itu boleh dipertikaikan oleh sesiapa pihak. Dan kalau itu berlaku, maka adalah tidak wajar bagi kita untuk menunjukkan penghargaan negara kita kepada kumpulan ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini adalah *consequential* daripada apa yang kita luluskan dalam Perlembagaan dan dalam 21 Mac 2005, saya juga hadir. Saya juga bahaskan perkara ini dan kalau ada apa-apa ketinggalan, cukup baiklah kalau kita bereskannya supaya tidak ada apa-apa persoalan yang boleh dibangkitkan. Dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi ahli-ahli lain yang berhasrat untuk membahas. Bagi menyelesaikan urusan Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005 pada petang ini, ada lagi ahli-ahli berhasrat untuk membahas. Saya mengikut Peraturan 11(5), Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, boleh melanjutkan masa 15 minit lagi. Kalau ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas. Itu sahaja kuasa yang ada pada saya. 15 minit sahaja kalau ada. Kalau tidak, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.30 ptg.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya nampak dari dulu sampai sekarang apabila saya juga ada dalam Dewan ini sebagai Ahli. Dr. Chin biasanya ambil bahagian di dalam semua rang undang-undang yang dibangkitkan. Saya ucapkan terima kasihlah dan juga terima kasih kepada sokongan yang diberi oleh Yang Berhormat. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.